



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1): ● Kehadiran Kapal Perang USS Nimitz Berkuasa Nuklear di Perairan Negara - <i>Y.B. Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian)</i>	(Halaman 14)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 15)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 2005	(Halaman 15)
Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005	(Halaman 62)
USUL: Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3)	(Halaman 75)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN: Penyelewengan Program Malaysia 'My Second Home' - <i>Y.B. Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah)</i>	(Halaman 76)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI-MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Semborong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
19. " Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. " Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. " Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC

13. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS

20. Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS

58. Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO

96. Yang Berhormat Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Syed Azuddin bin Syed Othman

Hairan bin Mohtar

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK

Mazidah binti Mohamed

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Cik Lee Jing Jing

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein

Azmi bin Othman

Zafniza binti Zakaria

Hindun binti Wahari

Rozaimah binti Mohamad Ariffin

Mohd. Sidek bin Mohd. Sani

Mazlina binti Ali

Norlaila binti Abdullah Sidi

Ropiah binti Tambi

Suhairi bin Othman

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

**PETUGAS-PETUGASCAWANGAN
KOMPUTER**

Zunaini bt. Mohd Salleh

Mohd Shah bin Rahman

Sulaiman bin Sirad

Siti Rohaini bt. Roslan

Mohamad Faizal bin Harun

Mohd. Faizol bin Mohd. Noh

Zaini Azlina bt. Zawawi

PETUGAS-PETUGAS UNIT CETAK

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

Mohamed Shahrizan bin Sarif

Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 30 Jun 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Raime bin Unggi [Tenom]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah pihak kementerian bagi menganalisis produk-produk kesihatan yang telah dijual oleh syarikat '*Multi Level Marketing*' untuk memastikan tiada kesan sampingan yang boleh memudaratkan kepada para pengguna.

Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Chua Soi Lek]: Tuan Yang di-Pertua, semua produk kesihatan yang dijual oleh syarikat "*Multi-Level Marketing*" dengan izin, seperti ubat-ubatan produk tradisional kosmetik dan sesetengah barang makanan mesti berdaftar dengan pihak berkuasa kawalan dadah sebelum dijual. Semua produk yang didaftarkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dinilai dari segi kualiti, *efficacy* dan keselamatan.

Bagi produk yang sudah berdaftar "*Sample*" akan diambil bagi tujuan ujian makmal iaitu ujian fizikal, kimia, *biological* dan *microbiological* dan penyemakan fizikal untuk memastikan produk tersebut masih menepati kepiawaian dan syarat-syarat pendaftaran yang ditetapkan oleh PBKD. Produk yang tidak menepati mutu akan dipanggil balik dari pasarannya.

Pada tahun 2004 daripada 2,147 keputusan sampel yang diterima 150 atau tujuh peratus ke lumpuk produk yang diuji telah diarahkan dipanggil daripada pasaran dan sehingga Mei, 2005 daripada 895 keputusan analisis yang diperolehi 43 atau 4.8 peratus ke lumpuk yang diuji telah diarahkan dipanggil balik daripada pasaran. PBKD juga telah mewujudkan sistem pemantauan kesan *adverse* ubat bagi tujuan mengenal pasti kesan sampingan yang boleh berlaku berkaitan penggunaan ubat supaya tindakan sewajarnya seperti memberi amaran boleh diambil untuk mengurangkan risiko kepada para pengguna lain.

Sehingga Mei, 2005 sebanyak 897 laporan kesan *adverse* telah diterima berbanding dengan 1,665 laporan pada tahun 2004. Sistem ini diamalkan untuk semua produk berdaftar yang dijual atau dibekalkan oleh semua farmasi atau pengamal perubatan ataupun melalui edaran syarikat pemasaran berbilang tingkat atau "*Multi-Level Marketing*". Bagi produk-produk yang tidak berdaftar yang dikesan semasa pemeriksaan oleh pegawai-pegawai penguat kuasa tindakan merampas dan tindakan mahkamah diambil terhadap penjual dan pengilang produk berkenaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam tempoh Januari hingga Mei 2005 sebanyak 3,922 produk ubat-ubatan yang tidak berdaftar telah dirampas dengan anggaran nilai berjumlah hampir tiga juta. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, antara produk kesihatan yang mungkin pun menjadi pasaran "*Multi-Level*" ialah kursus-kursus perubatan untuk menjadi doktor dan yang menjadi isu yang hebat, hangat sekali dalam negara kita khasnya pengiktirafan penarik balik pengiktirafan ijazah-ijazah perubatan CSMU. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri selepas mesyuarat Jemaah Menteri semalam ada memberi satu penjelasan tetapi adakah beliau sedar bahawa ini tidak cukup untuk memuaskan dan kita *address* isu-isu mengenai *fair play*, *transparency* kenapa (CSMU) tidak diberi masa, notis

tarik balik pengiktirafan itu supaya tahu apa-apa kekurangan semacam Universiti of Malaya diberi lima tahun sebelum UKGMC menarik balik pengiktirafan MBBS UM. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu penjelasan yang lebih lengkap?

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Tuan Yang di-Pertua, soal keputusan untuk membatalkan pengiktirafan premium *medical university* dibuat berasaskan kepada penilaian yang dibuat dan tidak berunsur politik, tidak berunsur perkauman dan tidak seharusnya diperalatkan oleh parti-parti tertentu untuk memancing undi. Keputusan MMC ini adalah keputusan yang penuh dengan profesionalisme yang tinggi dan kita seperti Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kita menghadapi kekurangan doktor. Tetapi dalam soal menambah bilangan doktor, soal profesionalisme dan soal kualiti doktor kita tidak akan bertolak ansur.

Kalau kita hanya sekadar meramaikan bilangan doktor, maka akan timbul satu hari apabila kita sakit dan kita bangun kita mengatakan dia, doktor ini datang daripada sebuah negara yang tertentu dan kita terus *discharge* AOR Kerana kita tidak yakin dengan keputusan yang dibuat oleh MMC. Kerana kita peka kepada soal standard dan kualiti, maka keputusan untuk menarik pengiktirafan premium universiti telah dibuat. Kalau saya dibenarkan, saya masih ingat hujah-hujah saya di Kabinet semalam.

Lawatan pertama dibuat pada bulan April, tahun 2001 oleh satu panel penilaian yang terdiri daripada wakil Kementerian Kesihatan, wakil daripada MMC, wakil daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan juga JPA. Dalam lawatan tersebut diperhatikan bilangan pelajar asing adalah 900 dan bilangan orang Malaysia ialah 53 orang. Lanjutan daripada penilaian tersebut pengiktirafan telah dibagikan pada tahun 2001 dan lawatan kedua dibuat pada tahun 2003 selepas dua tahun. Diperhatikan dalam lawatan yang kedua bilangan pelajar asing telah meningkat kepada 1,500 dan bilangan orang Malaysia ialah 900 orang. Kita kena kembali lagi bahawa penilaian yang pertama pihak universiti telah berjanji bahawa bilangan pelajar tidak akan melebihi setiap tahun daripada 500 tambahannya.

Ini penting kerana kita peka kepada soal bilangan pelajar dan tenaga pengajar. Kita berpegang teguh kepada satu pengajar kepada enam pelajar. Nisbah ini penting supaya pelajar-pelajar perubatan ini dapat tunjuk ajar yang baik daripada pengajar. So nisbah ini kita kekalkan. Seperti tahun yang lepas dalam soal 128 pelajar yang mencapai kecemerlangan kita tidak bertolak ansur juga dalam mengekalkan nisbah tersebut. Tetapi malangnya pada tahun 2004 bilangan pelajar di universiti tersebut telah meningkat kepada 3,500. Dan dari 3,500 tersebut 1,119 adalah daripada rakyat Malaysia dan tambahan pula ada 247 pelajar yang terdiri daripada apa yang dikatakan *pre medical*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam soal akreditasi *pre medical* ini tidak wujud dan tidak pernah dinilai. Ini diperkenalkan oleh universiti ini lanjutan daripada keputusan untuk mengiktirafkan universiti tersebut. So, dia memperkenalkan *pre medical* dengan bilangannya 247. Dan kerana kenaikan bilangan pelajar yang mendadak, maka nisbah pengajar dan pelajar telah menjadikan satu pengajar 10 pelajar. Kerana memperkenalkan *pre medical* ini telah mencetuskan soal pertikaian. Pertikaian seperti orang yang mendapat SPM dengan keputusan yang tidak memuaskan boleh melalui ejen-ejen yang tertentu didaftar untuk mengikuti kursus *pre medical*, walau pun dia tidak memenuhi kelayakan yang telah ditetapkan. Kita juga menerima surat yang berunsur rasuah di kalangan-kalangan pihak tertentu dan juga soal keselamatan termasuklah pelajar yang dirogol dan diugut supaya tidaklah boleh membuat laporan.

Tuan Yang di-Pertua: Dirogol atau diugut?

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Dirogol.

Tuan Yang di-Pertua: Dirogol.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Dirogol dan soal keselamatan sudah menjadi satu isu termasuklah isu soal berunsur rasuah.

Lanjutan daripada itu MMC telah menulis kepada universiti tersebut pada tahun 2004 supaya dapat memberi penjelasan kepada MMC tetapi malangnya sehingga hari ini walaupun sudah banyak publisiti masih tidak ada jawapan. Surat yang kedua ialah kepada Majlis Perubatan Ukraine di mana kita hendak dia menjawab secara rasmi adakah benar

bahawa kerajaan Ukraine melalui majlis Perubatan Ukraine tidak mengiktiraf rakyat Malaysia yang berkelulusan perubatan di Ukraine pada hal MMC masih mengiktiraf mereka hingga hari ini tidak ada jawapan.

Di samping itu kita perhatikan pelajar-pelajar yang mendapat kelulusan, mendapat tauliah sebagai doktor yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan bilangannya saya difahamkan lima tetapi laporannya malangnya pengetahuan dan kemahirannya adalah lemah kerana soal tahap pengetahuan bahasa Inggeris yang tidak memuaskan hingga mereka tidak faham dikatakan *medical jargon* yang digunakan. Mereka tidak faham. So, ini adalah menjadi pertikaian dan sebab itu kita menarik pengiktirafan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Saya yakin kalau Ahli-ahli Yang Berhormat hendak doktor yang berkualiti, doktor yang boleh diyakini pesakit akan setuju dengan keputusan MMC. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri.....

Tuan Yang di-Pertua: Ini balik kepada *multi-level marketing*.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Saya balik kepada soalan berkaitan dengan pendaftaran ubat. Yang pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah memberi penjelasan yang cukup jelas berkenaan isu penarikan balik CSMU ini. [Tepuk]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Itu sebab kita hendak menteri mari.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah Kementerian Kesihatan mempunyai cukup kakitangan dan cukup kepakaran untuk menganalisa kemasukan produk-produk kesihatan yang begitu banyak seperti mana yang kita tahu daripada *clients charter* yang diberikan oleh pihak biro *pharmaceutical* iaitu selalunya sesuatu produk itu untuk mendapat nombor PBKD seharusnya mengambil masa 12 bulan hingga ke 18 bulan. Tetapi dalam situasinya selalunya melebihi daripada masa yang diberikan itu. Jadi saya ingin tanya sama ada adakah pihak biro mempunyai cukup kepakaran dan cukup kakitangan untuk melaksanakan tugas ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Dari segi kepakaran, pihak kami mempunyai kepakaran yang mencukupi tetapi dari segi tenaga kerja masih ada kekurangan dan saya yakin ia berlaku bukan hanya kepada Kementerian Kesihatan dari segi kekurangan tenaga pekerja bahkan ia berlaku di banyak kementerian pun. Tetapi dalam keadaan kekurangan dan kelemahan tersebut kita masih berusaha sedaya-upaya supaya semua permohonan ini dapat diproses dalam masa yang tersingkat.

2. Datuk Juslie Ajirol [Libaran] minta Menteri Kerja Raya menyatakan tentang metodologi yang digunakan bagi mengurangkan kadar tanah runtuh serta kerosakan di lebuhraya yang akan menjamin keselamatan pengguna terjaga.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat metodologi yang telah lama digunakan oleh Jabatan Kerja Raya bagi mengurangkan kadar tanah runtuh adalah melalui kaedah *slope priority ranking system*, dengan izin. Sistem SPRS ini berfungsi untuk menilai kestabilan dan keselamatan cerun daripada aspek kejuruteraan seperti ketinggian cerun, kecuraman cerun, jenis dan ciri-ciri tanah, jumlah hujan yang turun, jenis tumbuhan yang berada di atas cerun dan sistem penyelenggaraan, jenis pembangunan di kawasan persekitaran dan cerun dan sebagainya.

Sistem SPRS ini digunakan untuk membantu JKR merancang dan menyusun program kerja-kerja penyelenggaraan cerun-cerun mengikut keutamaan atau *priority* bagi mengelakkan berlakunya tanah runtuh. Bagi lebuhraya-lebuhraya lebuhraya pula pada masa ini sistem pengurusan cerun yang digunakan oleh Lembaga lebuhraya Malaysia adalah

berasaskan kepada penggunaan pangkalan data yang mengandungi maklumat penting seperti lokasi cerun yang dikenal pasti dan keadaan semasa struktur cerun selanjutnya cerun-cerun dalam pangkalan data tersebut akan dikategorikan mengikut keutamaan atau *ranking* berdasarkan tahap kritikal cerun seperti berikut:-

- (i) keutamaan AA ini diberi untuk cerun yang berisiko sangat tinggi;
- (ii) keutamaan A untuk cerun berisiko tinggi;
- (iii) keutamaan B untuk cerun berisiko sederhana;
- (iv) keutamaan C untuk cerun berisiko rendah.

Untuk mengemas kini pangkalan data tersebut pemeriksaan cerun dibuat secara berkala dan kekerapannya adalah mengikut kategori cerun seperti berikut:-

- (i) untuk cerun kategori AA pemeriksaan dibuat setiap dua hingga empat bulan sekali;
- (ii) untuk cerun kategori A pemeriksaan dibuat setiap enam bulan;
- (iii) untuk kategori B pemeriksaan dibuat setiap 12 bulan;
- (IV) untuk cerun kategori C pemeriksaan dibuat setiap 18 bulan.

Melalui sistem pengurusan cerun ini pemeriksaan berkala dilaksanakan secara terperinci dan sebarang tanda-tanda awal dicatatkan, cerun dapat dikenal pasti selanjutnya. Penilaian kestabilan cerun akan dibuat dan program pembaikan cerun akan dapat dirancang dengan teratur.

Walau bagaimanapun, bagi kerosakan yang dikenal pasti sebagai kritikal, tindakan pembaikan akan dilaksanakan dengan segera. JKR telah diarahkan untuk memeriksa cerun-cerun di jalan raya sebanyak dua kali setahun dan setiap kali selepas berlakunya hujan lebat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu lagi usaha kementerian untuk menangani masalah keruntuhan cerun ialah dengan pelaksanaan sistem amaran awal atau dengan izin *early warning system* yang baru diluluskan oleh kerajaan pada penghujung tahun 2004.

Sistem amaran ini akan dilaksanakan di semua cerun kritikal di sepanjang jalan persekutuan di seluruh negara dan juga di Lebuhraya Utara Selatan dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak. Pelaksanaan sistem ini dijangka akan bermula pada tahun hadapan iaitu tahun 2006 dan bertujuan untuk memberi amaran awal terhadap mana-mana cerun kritikal yang akan runtuh supaya tindakan untuk menutup jalan atau lebuhraya di kawasan terbabit boleh buat dengan segera untuk mengelakkan kemalangan kepada pengguna-pengguna jalan raya.

Anggaran kos bagi sistem ini adalah dalam lingkungan RM159 juta bagi pemasangan sistem di jalan raya persekutuan manakala bagi Lebuhraya Utara Selatan dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, syarikat-syarikat konsesi bagi kedua-dua lebuhraya tersebut telah bersetuju untuk menanggung kos pemasangan sistem amaran tersebut di lebuhraya masing-masing-masing.

Datuk Juslie Ajirol: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri di atas jawapan. Soalan tambahan saya, apakah rancangan kementerian bagi mengatasi masalah tanah runtuh ini di seluruh negara. Adakah kementerian bercadang menggunakan cara-cara baru setelah cara yang digunakan agak kurang berkesan contohnya bukan sahaja di Semenanjung tetapi di Sabah, lebuhraya antara Sandakan-Kota Kinabalu, Sandakan-Tawau, Kota Kinabalu-Tambunan ke Tenom bukan sahaja mengalami banyak kali runtuhan berlaku tetapi runtuhan-runtuhan ini seperti dibiarkan bertahun-tahun tidak dapat diatasi. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menghadapi masalah seperti itu kita sekali lagi memperbaiki sahaja kerana kita tidak ada pilihan yang lain kerana kita tidak boleh membina jalan oleh kerana kawasan-kawasan itu berbukit-bukau. Kita tidak boleh tukar aliran jalan kepada kawasan-kawasan yang lain untuk memberi keselamatan kepada jalan itu.

Walau bagaimanapun saya suka mengumumkan bahawa di Sabah kita telah membelanjakan iaitu Rancangan Malaysia Ketujuh Tuan Yang di-Pertua, RM131,648,000 iaitu 32 cerun telah diperbaiki. Rancangan Malaysia Kelapan, RM272.7 juta iaitu untuk memperbaiki 40 cerun.

Rancangan Malaysia Kesembilan RM253 juta telah dimohon untuk memperbaiki 41 cerun. Jadi daripada sejarah ini yang saya sebutkan tadi saya harap Ahli Yang Berhormat sedar bahawa beberapa tindakan telah diambil oleh kerajaan untuk memperbaiki.

Seperti apa yang saya jelaskan tadi kita akan mengadakan satu pusat pemantauan untuk mendapat maklumat dengan serta-merta apabila sahaja kita menghadapi apa-apa masalah di cerun-cerun. Jikalau ada juga satu alat atau alat-alat pemasangan itu berlaku, kita boleh juga mengambil tindakan dengan segera untuk memperbaiki keadaan. Tidak perlulah kita tunggu sehingga runtuhan berlaku, jalan ditutup, kereta tidak boleh diikuti dan lain-lain.

Oleh kerana itulah RM160 juta lebih telah diluluskan oleh kerajaan. Saya suka memberi jaminan kepada Yang Berhormat kerajaan mengambil cerun-cerun ini sebagai satu masalah serius yang mesti ditangani oleh kerajaan. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan. Kita memang percaya bahawa kerajaan dan kementerian begitu serius untuk melihat masalah cerun-cerun atau tanah-tanah runtuh ini khususnya di Sabah.

Saya bersetuju dengan rakan saya Yang Berhormat bagi Libaran khususnya jalan dipanggil *highway* Kota Kinabalu-Sandakan. Dia *highway* tetapi satu *lane*. Dia bukan macam *highway* di semenanjung yang ada empat *lane* dan sebagainya dan inilah satu-satunya jalan yang boleh diguna pakai dan musim tengkujuh khususnya musim hujan memang terdapat cerun-cerun runtuh.

Peruntukan yang dipohon oleh kementerian bukan tidak mencukupi tetapi sehingga hari ini terdapat banyak kawasan cerun-cerun yang runtuh masih belum diperbaiki sedangkan sudah berbelanja berjuta-juta. Jadi di mana kesilapannya sehingga cerun-cerun dan jalan-jalan ini kalau Yang Berhormat pernah terserempak sekali saya melawat kawasan Yang Berhormat Menteri melawat jalan itu dan saya minta Yang Berhormat Menteri sendiri juga tengok jalan kami. Inilah satu-satunya jalan yang kita lalui dan jalan ini sehingga hari ini begitu juga daripada Yang Berhormat melawat dua tahun yang lalu itu juga keadaannya.

Jadi minta Yang Berhormat turun lagi sekali kita sama-sama tengok bagaimana untuk mempertingkatkan tahap jalan ini sebab kemalangan hari-hari berlaku, meragut nyawa penumpang-penumpang Tuan Yang di-Pertua. Ini penting Tuan Yang di-Pertua sebab kita mahu masyarakat di Sabah mati begitu sahaja di jalan raya. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat. Kalau mahu juga saya melawat, boleh juga saya melawat satu minggu satu kali. Kalau mahu juga saya duduk di kawasan pun boleh juga. Kita sudah mengambil beberapa tindakan seperti apa yang telah saya jelaskan tadi.

Tetapi untuk mendapat peruntukan untuk memperbaiki keadaan ini bukanlah satu perkara yang mudah. Tiap-tiap kali kita kenalah memohon untuk mendapat peruntukan lebih daripada apa yang telah diberikan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, saya percaya Ahli Yang Berhormat, apa Yang Berhormat katakan itu betul juga. Bukan kata saya tidak nafi tidak betul. Tetapi ini boleh disiasat sekali lagi untuk mendapat tahu apakah pada keseluruhan masalah yang dihadapi oleh kawasan-kawasan seperti apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Itu saya akan minta Jabatan Kerja Raya Sabah untuk menghantar satu laporan. Dengan laporan itu saya juga boleh menghantar beberapa jurutera daripada Kuala Lumpur iaitu Ketua Bahagian Cerun boleh juga duduk di kawasan itu lebih kurang satu minggu atau dua minggu untuk mengkaji pada keseluruhannya macam mana perkara ini boleh dapat diselesaikan. Terima kasih.

3. **Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah kerajaan bersedia untuk mewujudkan universiti khusus untuk memajukan bidang bioteknologi seperti mana penubuhan Universiti Multimedia untuk bidang ICT. Setakat manakah tahap kemajuan Bioteknologi Development Corporation dan adakah dana 'venture capital' juga telah ditubuhkan untuk menyokong industri ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam pembinaan industri *conventional* sudah semestinya kita perlu mempunyai kekuatan atau pembinaan prasarana fizikal. Namun dalam pembangunan industri *biotech* ada kelainan sedikit. Amat penting pula dibina dan mewujudkan infrastruktur pengetahuan ataupun *knowledge infrastructure*.

Antara usaha yang dilaksanakan oleh MOSTI (Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi) ialah membina kekuatan-kekuatan R & D daripada institusi dan juga universiti-universiti yang sedia ada selaras dengan teras dasar bioteknologi negara.

Penumpuan dan pengkhususan ko-kurikulum *biotech* selaras dengan Dasar Biotech Negara sedang dalam semua universiti dan juga institusi-institusi R&D tempatan. Namun demikian, kerajaan akan menimbang untuk mewujudkan universiti sama ada oleh kerajaan atau swasta jika diperlukan di masa akan datang.

Perbadanan Teknologi Malaysia atau *Malaysian Biotech Corporation* seperti yang kita ketahui baru sahaja ditubuhkan dan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 13 Mei baru-baru ini. Selaras dengan mandat yang telah diberikan, Perbadanan Biotech baru-baru ini berjaya menampilkan Dasar Biotech Negara di pameran Bio 2005 yang diadakan baru-baru ini di Philadelphia di Amerika Syarikat.

Perbadanan telah banyak menerima lawatan-lawatan ke pameran yang diadakan dan sukacita saya juga memaklumkan bahawa Pengerusi Biotech Corporation ialah Tan Sri Zaharudin (Penasihat Sains kepada kerajaan) dan Ketua Eksekutifnya ialah Iskandar dan beliau ada di sini. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, ada di belakang sana.

Saya juga mengambil kesempatan untuk menyatakan bahawa kerajaan telah memutuskan MTDC satu *venture capital* kerajaan untuk melaksanakan model teroka bioteknologi. Kerajaan juga akan menimbang penubuhan dana-dana modal teroka yang baru sama ada oleh kerajaan atau swasta dan swasta ini sama ada di luar negeri ataupun dalam negeri untuk memajukan industri bioteknologi negara di Malaysia ini. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seperti mana yang kita tahu bahawa bidang bioteknologi ini bukanlah satu bidang yang baru kerana mengikut sejarah, ia telah pun wujud semenjak enam ribu tahun yang lalu apabila manusia telah menggunakan bahan-bahan tertentu di dalam usaha untuk menghasilkan makanan seperti roti dan keju.

Tetapi bidang ini semakin dikenal pasti sebagai satu sumber kemakmuran dunia di masa kini dan di masa hadapan berikutan aplikasi yang meluas dalam bidang bioteknologi ini dalam bidang penjagaan kesihatan, rawatan penyakit, makanan, pertanian dan pengeluaran barang pengilangan.

Soalan saya, setakat manakah tahap kemajuan negara kita dalam bidang bioteknologi khususnya penyelidikan dalam bidang '*deoxyribonucleic acid*' atau pun DNA dan berapakah makmal DNA yang telah beroperasi di negara kita dan berapakah pakar yang telah dikenal pasti di dalam bidang ini dan seperti mana yang kita tahu baru-baru ini Perdana Menteri telah melawat sebuah negara yang begitu maju dalam bidang bioteknologi iaitu Netherlands dan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kerjasama yang telah dapat dijalin di antara Kerajaan Malaysia dengan Holland di dalam usaha untuk memajukan bidang bioteknologi ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Dari hujah persoalan Yang Berhormat nampaknya Yang Berhormat banyak pengetahuan dalam bidang ini *biotech*. Syabas Yang Berhormat. Saya cuba menjawab sebanyak yang boleh namun demikian ingin memaklumkan bahawa satu taklimat akan diadakan tidak lama lagi untuk Ahli Parlimen tentang industri *biotech*.

Benar apa Yang Berhormat mengatakan bahawa industri *biotech* atau industri *live science* ini sudah bersama dengan kita agak lama sekali. Kita orang luar bandar atau orang kampung pun mengetahui apa itu industri *biotech*. Asasnya menggunakan *live science* seperti yang kita lihat di kampung dibuatkan tapai daripada ragi. Kawan-kawan kita daripada Sarawak dan Sabah mengetahui tentang perkara ini. Kita di kampung tradisi pun kita makan tapai. Asasnya itulah ragi. Ragi itu ialah elemen *live science* atau bioteknologi. Memang benar apa Yang Berhormat nyatakan tadi.

Dari segi memodenkan industri itu sebab itu ada teknologi-teknologi baru kerana kita menghayati, ini semua wujud daripada satu teknologi atau asas dipanggil DNA. Sebab itu di Malaysia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah setuju dilancarkan satu makmal DNA atau JENOM Lab di Universiti Kebangsaan Malaysia kerana amat penting sekali kita mengetahui teknologi DNA ini. Sebab itu diwujudkan satu makmal JENOM untuk meningkatkan kepakaran R&D di negara kita.

Dari segi industri memang benar apa Yang Berhormat nyatakan tadi bahawa selain dari industri kesihatan, kita wujudkan industri *biotech* pertanian kerana Yang Amat Berhormat mahu supaya kita memodenkan industri pertanian. Salah satu teknologi yang boleh memodenkan industri pertanian ialah teknologi bioteknologi (*technology biotech*) seperti yang dinyatakan atau dikatakan sebagai teknologi yang menggunakan DNA.

Oleh kerana itulah kita putuskan di Malaysia dibandingkan dengan negara lain, mereka menumpukan pembangunan industri kesihatan dengan melalui penggunaan *biotech* tetapi di Malaysia kita meletakkan:

- (i) pembangunan industri *biotech* negara ialah pembinaan industri pertanian sebagai satu tumpuan;
- (ii) industri *biotech* kesihatan;
- (iii) industri *biotech* itu sendiri.

Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita rakamkan tahniah kepada kerajaan kerana dalam isu bioteknologi ini nampaknya kita telah memulakan suatu pendekatan baru. Soalan tambahan saya ialah sebenarnya apakah fokus kementerian kerana kita tahu bahawa negara kita ini kalau kita melihat kepada bahan mentah induk, kita mempunyai ribuan daripada bahan mentah yang perlu kita terokai sama ada dalam bentuk macam Yang Berhormat Menteri katakan awal tadi, keperluan kita untuk melahirkan perkara-perkara yang berkaitan dengan info-struktur yang lebih kukuh kalau dibandingkan dengan sesetengah negara yang sebenarnya tidak ada bahan mentah induk tetapi telah berjaya seperti di Korea Selatan umpamanya, di Shanghai dan pelbagai negara lain.

Apakah fokus utama dan bagaimanakah bentuk hala tuju kementerian dan kerajaan supaya isu-isu tentang bioteknologi ini kita tidak ketinggalan berbanding dengan negara-negara yang telah dapat menerokai tahap bioteknologi secara cemerlang. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Memang benar usaha kita dan penumpuan kita ialah untuk meningkatkan nilai tambah kepada sumber-sumber yang ada seperti Yang Berhormat menyatakan tadi.

Antara sumber-sumber bahan yang kita ada adalah bahan *biodiversity* kita sendiri. Kita telah lihat bagaimana banyak orang-orang tua yang dahulu mereka makan petai, daun-daun ulam untuk menyihatkan badan. Ini usaha R & D akan ditingkatkan untuk melihatkan bagaimana *biodiversity* ini boleh menjadikan industri akan datang. Mengapa tidak kita jadikan penanaman pokok-pokok atau bahan-bahan *biodiversity* itu sebagai ladang?

Kalau kita tahu di Malaysia getah bukan asalnya daripada Malaysia, tetapi dari Brazil dan begitu juga kelapa sawit bukan berasal daripada Malaysia tetapi daripada Nigeria, mengapa kita tidak wujudkan ladang-ladang biotek yang boleh mengeluarkan hasil-biodiversiti yang dijadikan ubat-ubatan.

Ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu supaya kita menggunakan teknologi untuk meningkatkan sumber kemakmuran negara, menjana peluang pekerjaan kepada rakyat luar bandar. Ini tumpuan kita di Malaysia, berlainan sedikit daripada negara lain, bermakna tumpuan mereka menghasilkan ubat-ubatan tetapi kita mahu meningkatkan tumpuan kita menggunakan teknologi.

Di sini, teknologi biotek untuk meningkatkan kemakmuran di luar bandar dan menggunakan hasil-hasil yang semula jadi, kerana kita di Malaysia amat banyak dari segi bekalan-bekalan biodiversiti kita. Terima kasih.

4. Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas] minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyak golongan ajaran sesat yang bergiat aktif di seluruh negara serta berapakah bilangan di antara mereka yang telah berjaya dipulihkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan nombor 21 daripada Yang Berhormat bagi Kuala Nerus dan soalan nombor 66 daripada Yang Berhormat bagi Kuala Krau kerana semua soalan ini hampir sama, iaitu berkenaan dengan ajaran sesat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tuan Yang di-Pertua, kumpulan ajaran sesat yang bergiat aktif di seluruh negara ketika ini ialah sebanyak 22 kumpulan yang pengikutnya dianggarkan berjumlah seramai 2,820 orang. Bilangan mereka yang telah dipulihkan ialah seramai 2,383, iaitu dengan cara penjelasan akidah dan kaunseling seramai 2,363 orang dan mengadakan majlis taubat seramai 20 orang.

Kerajaan sentiasa bertindak segera dalam menangani ajaran sesat di seluruh negara termasuk di negeri-negeri Pantai Timur. Beberapa contoh tindakan yang telah diambil ialah seperti berikut:

- (i) mengadakan siasatan rapi untuk memastikan ajaran tersebut salah ataupun tidak, sesat ataupun tidak dan memfatwakan sesuatu ajaran yang bertentangan dengan Islam;
- (ii) mendakwa guru dan pengikut-pengikutnya, pemimpin-pemimpin ajaran sesat mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada;
- (iii) menahan mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan;
- (iv) mengadakan majlis pemulihan akidah kepada mereka yang terlibat dengan ajaran sesat.

Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang hadir sendiri untuk memberi jawapan kepada soalan yang saya kira bahawa dia terlalu penting dalam menghadapi apa yang berlaku di negara kita ini. Tidak dinafikan bahawa ajaran sesat yang bertentangan dengan akidah dan syariah Islamiah berkembang dari masa ke semasa sebelum dari merdeka dan sampai kepada sekarang ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian yang berusaha untuk menangani ajaran-ajaran ini supaya ia tidak berkembang ataupun tidak kukuh di tempatnya yang sedia ada.

Apa yang saya lihat walaupun jawapan Menteri sekejap tadi mengatakan bahawa kementerian terlalu segera tetapi apa yang nyata, bagi sayalah, maaf Yang Berhormat Menteri, bahawa kita masih lagi tidak boleh disebutkan sebagai dalam keadaan yang sangat segera dalam mengatasi ajaran sesat ini.

Di kebanyakan negeri misalnya ajaran sesat ini selain daripada dia tidak mati, contohnya ajaran Haji Ahmad Atahari di Pulau Pinang dan ajaran Hasan Toha di negeri Kelantan, walaupun dia sebut mati tetapi sebenarnya dia tidak mati. Pengunjung-pengunjungnya masih ada dan penganut-penganutnya juga masih ada. Apa yang saya kemukakan di sini supaya tindakan susulan itu mesti dilakukan oleh Kementerian melalui jabatan-jabatan menteri daripada semasa ke semasa. Begitu juga dari segi penguatkuasaannya (*enforcement*) kerana kita mengikut satu kaedah [*menyebut satu ayat dalam bahasa Arab*] dan kita bersetuju bahawa pengawasan ini lebih baik daripada pengubatan.

Jadi, saya harap supaya Yang Berhormat Menteri dapat memberi tumpuan yang bersungguh-sungguh supaya dapat diatasi daripada akar umbinya. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Masalah yang timbul untuk mengatasi ataupun untuk membanteras ajaran sesat ini ialah kerana mereka bergerak secara sulit. Itu satu masalah besar yang terpaksa dihadapi oleh penguasa-penguasa agama dan Majlis-majlis Jabatan Agama. Ada sesetengah ajaran itu ia kadang-kadangnya di waktu malam sahaja sesatnya, di waktu siang serupa, duduk sama sepejabat, bekerjasama dengan masyarakat, bergaul dan sebagainya. Tetapi di waktu malam mulalah sesetengahnya, misalnya ajaran yang cuba memperalatkan tarekat. Kononnya melalui tarekat ini merupakan satu jalan pintas ke syurga. Maknanya berzikir berpuluh ribu sahaja, maka akan sampai ke syurga.

Jadi, orang-orang yang jahil dalam masyarakat tertarik dengan cara ini, iaitu di waktu malam mereka pergi berzikir, tidak payah membuat kebajikan menurut cara biasa dan ini payah untuk kita hendak mendakwa di Mahkamah Syariah kerana ia memerlukan keterangan. Kalau tersalah tangkap nanti orang ramai riuh pula, susah.

Jadi, mesti ada satu bukti, ada satu asas dari segi atur cara Mahkamah Syariah iaitu, pertama perlu pegawai-pegawai penguat kuasa menyiasat terlebih dahulu. Kemudian mendapat bukti dan dibawa ke Bahagian Pendakwa di Mahkamah Syariah. Selepas itu barulah dibicarakan kalau sekiranya mempunyai keterangan-keterangan yang saya rasa boleh menang di Mahkamah Syariah. Inilah yang menimbulkan masalah.

Memanglah Yang Berhormat bagi Pasir Mas telah mengakui kerajaan sudah segera tetapi dia hendak amat segera. Insyallah, kita akan usahakan lagi supaya amat segera untuk bertindak. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa jawapan Yang Berhormat Menteri sudah lengkap.

5. Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang diambil, sekiranya ada, terhadap Hakim Mahkamah Sesyen, Shah Alam berkenaan laporan polis yang dibuat terhadapnya oleh seorang Jurubahasa Mahkamah Kanan baru-baru ini atas aduan beliau diserang oleh Hakim tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari segi tindakan tatatertib jabatan akan diambil terhadap Hakim Mahkamah Sesyen tersebut. Walau bagaimanapun suatu laporan polis telah dibuat dan pihak polis sedang menjalankan siasatan mengenai laporan tersebut. Tindakan selanjutnya adalah bergantung pada hasil siasatan tersebut. Sekian, terima kasih.

6. Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah yang sudah diambil tentang keselamatan pejalan kaki di bandar dan desa.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengemukakan soalan. Secara umumnya aspek keselamatan pejalan kaki di bandar dan desa telah pun diambil kira dalam pelbagai garis panduan perancangan yang diterbitkan

oleh KPKT. Garis panduan ini telah pun dibentangkan di semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia untuk dijadikan rujukan oleh semua pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi kerajaan di bandar dan luar bandar.

Dalam pada itu kerajaan melalui Majlis Negara dan Kerajaan Tempatan telah memperakukan 23 langkah-langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat kelolaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Di antara langkah-langkah tersebut sebanyak lapan langkah adalah berkaitan keselamatan pejalan kaki. Langkah tersebut adalah:-

- (i) pengasingan laluan pejalan kaki dari jalan bermotor;
- (ii) penyediaan *bollard*;
- (iii) mengawal tanaman lanskap di laluan pejalan kaki;
- (iv) mencuci kawasan-kawasan semak yang terlindung;
- (v) pemasangan lampu di kaki lima premis perniagaan;
- (vi) laluan awam tidak terlindung atau menghalang pandangan awam;
- (vii) mencahayakan dan menerangkan kawasan-kawasan yang menjadi sasaran jenayah; dan
- (viii) menjanakan pelbagai aktiviti perniagaan.

Kesemua langkah ini diilustrasikan dalam satu buku kecil yang mudah difahami oleh PBT-PBT dan orang awam. Sebanyak 3,000 naskhah buku tersebut telah diedarkan kepada semua PBT, pihak polis, badan bukan kerajaan dan agensi kerajaan berkaitan. Ini bukannya, Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu, pada 29 Jun 2004 kementerian juga telah mengeluarkan arahan kepada semua PBT supaya memasang CCTV di tempat-tempat berisiko dan kerap berlaku kejadian-kejadian jenayah termasuk di laluan berjalan kaki yang sering digunakan oleh orang ramai. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih setiausaha Parlimen... timbalan menteri, minta maaf. Pasal dekat-dekat duduk, minta maaf, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pertamanya, saya dapati banyak ahli-ahli majlis kerajaan-kerajaan tempatan ini suka membuat lawatan ke luar negara atas alasan hendak melihat *landscaping*lah, kecantikanlah, tempat berjalan kakilah, tetapi bila balik mai kawasan itu duduk macam itu jugalah. Saya perasaan tak payahlah, Tuan Yang di-Pertua, hendak pergi ke Australia, hendak pergi ke England, mai di Kuala Lumpur pun sudah boleh tengok benda-benda macam ini. Pergi di Putrajaya pun boleh tengok *landscaping*. Jadi, apakah kerajaan demi menjimatkan duit rakyat untuk pembangunan kepada rakyat, kita kurangkanlah sikit lawatan-lawatan ini? Dan soalan saya ialah bagaimanakah pengagihan peruntukan kepada status bandar raya?

Saya hendak tahu, Tuan Yang di-Pertua, Bandaraya Alor Setar, lori sampah pun tak cukup, lampu tak menyala. Dekat rumah saya, saya pasang *torchlight* gantung supaya lampu itu menyala.

Tuan Yang di-Pertua: Betulkah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Betulkah ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Torchlight* yang besar bateri 12, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kemudian tenaga kerja tak cukup. Jadi, apa masalah-masalah yang dihadapi kalau kerajaan telah mengiktirafkan sebagai bandar raya tetapi tidak memberi peruntukan yang secukupnya menyebabkan bandar raya itu tidak nampak status bandar raya dan ini tidak menggembirakan....

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ...pembayar-pembayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sila jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Thank you very much. [Ketawa]*

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, orang Kedah. Soalan Yang Berhormat berkenaan dengan status bandar raya ini sebenarnya keluar daripada soalan yang dikemukakan. Jadi, beginilah Yang Berhormat, kita akan nanti bagi kepada Yang Berhormat apakah dia syarat-syarat bagaimana sebuah majlis itu boleh dinaikkan jadi bandar raya ataupun majlis daerah dinaikkan kepada Majlis Perbandaran dan sebagainya, kita hantar kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Berkenaan dengan lawatan ke luar negara itu, ini sebenarnya di bawah kuasa Majlis-majlis. PBT ini sebenarnya di bawah kuasa kerajaan-kerajaan negeri. Begitu juga majlis-majlis tersendiri mempunyai kuasanya. Ia sebuah kerajaan yang ketiga dalam negara kita. Jadi, keputusan untuk mereka keluar negeri ataupun keluar negara ataupun melawat ke tempat-tempat lain terpulang kepada mereka, bukan di bawah kuasa kementerian kita, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Soalan tambahan. Walaupun kita tadi dengar ada banyak garis panduan untuk keselamatan pejalan kaki, masih ada banyak halangan tentang keselamatan pejalan kaki seperti *kiosk* telefon seperti yang diletakkan oleh syarikat-syarikat Telekom dan juga penjaja-penjaja yang meletak meja dan kerusi sewenang-wenangnya. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri bilakah pihak kerajaan tempatan boleh tindakan cepat dan keseluruhan, tak mahu ambil tindakan *ad hoc*, pastikan perkara ini.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya tunjukkan buku kecil ini yang telah diedarkan kepada semua PBT, langkah-langkah garis panduan ini telah pun dibentangkan oleh semua negeri. Setakat ini sembilan negeri telah pun mengembalikan maklum balas (*feedback*) mereka kepada kementerian dan kita dapati ada beberapa PBT yang telah melaksanakan garis panduan yang telah kita sampaikan kepada mereka melalui buku yang ada ilustrasinya, termasuklah tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu berkenaan dengan kedai-kedai yang dengan sewenang-wenangnya sahaja meletakkan kerusi-kerusi dan juga meja-meja mereka di tempat-tempat berjalan kaki juga. Kita telah masukkan di dalam ilustrasi garis panduan ini dan kita amat berharap supaya pihak negeri-negeri akan memastikan PBT-PBT mereka melaksanakan garis panduan seperti mana yang telah kita tunjukkan di dalam ilustrasi ini.

Dengan demikian, kebimbangan kita tentang masalah keselamatan yang dihadapi oleh pejalan-pejalan kaki akan dapat ditangani dengan sebaik mungkin. Jadi, kita berharap kepada PBT semua dapat melaksanakan dengan garis panduan yang telah pun kita bentangkan kepada mereka ini. Terima kasih.

7. Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian] minta Perdana Menteri menyatakan kesan-kesan positif pelaksanaan sistem cuti pada hari Sabtu pertama dan ketiga setelah beberapa tahun ia dilaksanakan sehingga kerajaan terdorong untuk mengadakan sistem kerja lima hari seminggu.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melaksanakan cuti hari rehat Sabtu pada hari Sabtu minggu pertama setiap bulan mulai Januari 1999 dan seterusnya hari Sabtu minggu ketiga setiap bulan mulai Februari 2000. Cuti hari Sabtu minggu pertama dan ketiga pada tiap-tiap bulan ini merupakan satu

kemudahan hari rehat yang berbeza dengan hari kelepasan am dan hari rehat mingguan kerana pada masa yang digunakan untuk kemudahan tersebut perlu diganti. Kemudahan ini diberi selaras dengan hasrat untuk mewujudkan masyarakat penyayang di mana anggota perkhidmatan awam digalakkan menziarahi ibu bapa dan sanak saudara pada hari-hari rehat yang berkenaan. Di samping itu, kemudahan cuti hari Sabtu ini juga bertujuan menggalakkan industri pelancongan domestik.

Kesan-kesan dari pelaksanaan kemudahan hari cuti hari Sabtu ini amatlah menggalakkan. Kita mendapati ramai anggota sektor awam menggunakan hari-hari cuti rehat ini untuk mengunjungi ibu bapa dan sanak saudara dan mengambil peluang membawa keluarga melancong di dalam negeri. Ini secara langsung telah mengukuhkan lagi institusi keluarga di kalangan anggota sektor awam.

Dari segi pelancongan pula statistik Kementerian Pelancongan telah menunjukkan bahawa bilangan pelancong domestik telah meningkat sebanyak 30% sejak tahun 2000 kesan dari pelaksanaan hari-hari rehat Sabtu hujung minggu, minggu pertama dan minggu ketiga setiap bulan. Dengan pelaksanaan lima hari bekerja seminggu mulai Julai ini seperti yang telah diputuskan oleh kerajaan selain dapat memberi peluang kepada pegawai dapat meluangkan masa bersama keluarga ia juga dapat meningkatkan industri pelancongan. Yang lebih penting daripada itu ialah diharapkan ia dapat meningkatkan produktiviti dan menyampaikan perkhidmatan serta galakan budaya, pemeliharaan dan pembangunan diri di kalangan anggota sektor....

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang dan bersedia pula untuk mengkaji secara positif dan komprehensif akan cadangan supaya kerajaan juga boleh mengimplementasikan suatu kaedah cuti hari Jumaat dan Sabtu bagi Kerajaan Malaysia. Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Berkenaan dengan kajian memanglah kerajaan sentiasa kita, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau pada ketika sesi-sesi yang lepas saya telah mengatakan bahawa pindaan tidak mungkin kita akan mengkaji berkenaan dengan cuti 5 hari ini, tetapi setelah mendapat pandangan daripada pelbagai pihak akhirnya kita juga telah mengumumkan bahawa cuti 5 hari ini akan dilaksanakan pada Julai dan mengenai cadangan Yang Berhormat itu kita akan kaji.

Selain daripada itu berkenaan dengan cuti hari Jumaat dan selain daripada itu cuti antara negeri-negeri umpamanya sekarang ini negeri Kedah, Terengganu dan juga Kelantan cuti ialah pada hari Jumaat dan Sabtu dan kita di Wilayah kita cuti pada hari Sabtu dan Ahad. Ini bermakna bahawa urusan antara negeri-negeri hanya kita boleh lakukan dalam masa 4 hari sahaja dan perkara ini sedang kita kaji dan insya-Allah terpulanglah pada peranan yang dimainkan oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan akan berundinglah mengenai perkara ini. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana pada masa sekarang hanya bekerja 5 hari maka pekerja-pekerja atau kakitangan-kakitangan awam apabila hendak bersama keluarga pergi melancong, melawat keluarga dan lain-lain maka mereka perlu memakai wang yang lebih had, ini mungkin menyebabkan gaji mereka tidak cukup dibelanjakan. Adakah kerajaan juga menimbang supaya kakitangan-kakitangan awam ini mereka boleh bekerja, kerja sampingan untuk mendapat lebih lagi pendapatan seperti doktor hospital awam, mereka dibenarkan untuk bekerja dengan hospital swasta selepas waktu kerja awam jadi ini untuk mendapat lebih pendapatan supaya mereka boleh menggunakannya .

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan pelancong ini, membawa keluarga masing-masing ziarah keluarga saya rasa ini tidak menjejaskan pendapatan masing-masing dan ini terpulanglah kepada budi bicara pegawai-pegawai yang berkenaan. Sekiranya mereka mempunyai pendapatan yang lebih saya rasa mereka bolehlah pergi melancong. Biasanya kita melancong apabila mempunyai pendapatan yang lebih, jadi ini budi bicara individu masing-masinglah. Berkenaan dengan cuti, berkenaan dengan bekerja selepas waktu ini, sukar bagi sayalah untuk menjawab soalan ini kerana ini mungkin tertakluk kepada peraturan tertentu yang telah ditandatangani oleh pegawai-pegawai, jadi kalau saya rasa kalau tidak ada terikat dengan mana-mana

peraturan saya rasa tidak ada masalah tetapi kebanyakan kita terikat dengan peraturan dan saya rasa benda ini perlu diberi kajianlah. Terima kasih.

8. Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan menyokong penubuhan suatu Jawatankuasa Pilihan Mengenai Risikan (Intelligence) untuk meletakkan pengumpulan risikan (*intelligence – gathering*) di bawah akauntabiliti Parlimen dan bukannya dijadikan suatu undang-undang tersendiri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, pengurusan keselamatan negara termasuk maklumat risikan diletakkan di bawah tanggungjawab agensi-agensi tertentu yang terlatih dalam mengendalikan perolehan dan pengumpulan maklumat perisikan. Tanggungjawab bagi risikan keselamatan ketenteraman awam dipertanggungjawabkan kepada Polis Diraja Malaysia manakala bagi risikan mengenai ancaman kedaulatan negara atau ancaman luar dipertanggungjawabkan kepada Angkatan Tentera Malaysia.

Segala maklumat risikan ini disalurkan kepada Jawatankuasa Perisikan Negara, Majlis Keselamatan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi mendapatkan keputusan dasar.

Pengurusan maklumat risikan hanya dikendalikan oleh agensi-agensi yang terlatih sahaja dan sebarang pendedahan maklumat risikan ini boleh menjejaskan pelaksanaan pemantauan atau aktiviti-aktiviti keselamatan dalam menangani suatu isu keselamatan negara. Sehubungan dengan itu mekanisme sedia ada sudah memadai bagi menguruskan pengumpulan maklumat risikan untuk tujuan menangani keselamatan negara dari sebarang ancaman dari dalam mahupun luar negara. Kita berpendapat biarlah Parlimen memainkan peranannya sebagai badan *legislative* dan pengurusan dan pentadbiran negara itu kita serahkan kepada eksekutif.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dalam Laporan Suruhanjaya Diraja ada sebut mengenai satu aspek SB - *Special Branch* - dengan izin mengenai *complaints* di mana *Special Branch* ada digunakan oleh parti yang memerintah untuk tujuan politik di mana ada berlaku keseksaan, *humiliating* dan *degrading treatment* contohnya termasuk mata lebam bekas Perdana Menteri, Anwar Ibrahim dan dalam laporan ini, Laporan Suruhanjaya Diraja, dengan izin,

"Safeguards should be written into the law for this purpose. At the moment there appears to be no legal provision dealing with the functions, powers and duties of the Special Branch, the Police Act does not spell out what security intelligence means and what are the powers invested in the Special Branch. The Special Branch appears to be governed by a charter issued by the Prime Minister after independence. To be valid the charter must be made under authority of law. In the absence of such a law the charter is only an administrative document that cannot affect the rights of the individuals."

Kalau begitu adakah Yang Berhormat Menteri rela untuk membawa isu ini supaya dibawa *rule of law* dan tidak menentang *rule of law* oleh sebab di Parlimen-parlimen negara-negara yang lain, *first world* Parlimen adalah *select committees* mengenai intelligence di mana selain daripada maklumat yang sangat sensitif adalah *accountability* kepada *Parliamentary Select Committee*. Adakah kita rela ikut contoh yang semacam ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya berlaku seperti yang disebut dalam laporan SUHAKAM, ya?

Tuan Lim Kit Siang: *Royal Commission....*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, ok, *Royal Commission*. Jadi itu lebih merupakan penyalahgunaan kuasa oleh personel, dia bukan salah sistem jadi kalau penyalahgunaan kuasa kita ambil tindakanlah terhadap personel yang dianggap sebagai telah menyalahgunakan kuasa. Oleh kerana itu saya tidak lihat bahawa ada kesilapan daripada segi sistem tetapi lebih kepada *personnel* yang telah menyalahgunakan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab lisan pada hari ini. Setiausaha.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Kehadiran Kapal Perang USS Nimitz Berkuasa Nuklear Di Perairan Negara

11.18 pagi.

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan (2) dengan ini diberi notis bahawa saya akan mengusulkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan untuk membincangkan usul yang melibatkan perkara tertentu, berkepentingan ramai dan perlu disegerakan. Saya Salahuddin bin Haji Ayub mohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu kehadiran Kapal Perang USS Nimitz di perairan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini ialah perkara tertentu, berkepentingan ramai dan perlu disegerakan. Rakyat dan warga dunia sedang menyaksikan kehadiran kapal perang, Kapal Induk USS Nimitz dilaporkan sedang berlabuh selama 5 hari di Pelabuhan Barat, Klang. Kehadiran kapal perang berkuasa nuklear ini adalah bertentangan dengan jaminan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar yang menyatakan sebelum ini bahawa Kerajaan Malaysia tetap dengan pendirian bahawa mana-mana kapal berkuasa nuklear tidak diizinkan sama sekali melalui perairan Selat Melaka atau singgah di mana-mana pelabuhan di negara ini. Kehadiran kapal perang USS Nimitz ini juga telah menjatuhkan kredibiliti maruah dan martabat Malaysia dan melanggar konsep ZOPAN dan Perjanjian Zon Bebas Nuklear Asia Tenggara. Berdasarkan kepada hujah-hujah di atas saya merasakan usul ini amat penting untuk diperbahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Kubang Kerian pada 28 Jun 2005. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:-

- (i) perkara itu adalah perkara tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai;
- (iii) berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya telah dapati bahawa perkara ini adalah:

- (i) perkara tertentu;
- (ii) kepentingan orang ramai ini, ia adalah bagi kepentingan orang ramai;
- (iii) berkehendak disegerakan.

Pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Kerajaan Malaysia telah pun memberi kelulusan diplomatik untuk membenarkan kapal pengangkut pesawat Amerika Syarikat USS Nimitz untuk memasuki Perairan Malaysia dan berlabuh di Pelabuhan Klang sebagai lawatan muhibah dan bukan untuk tujuan latihan ketenteraan mahupun menjalankan sebarang operasi.

Lawatan seperti ini adalah menjadi amalan untuk kapal-kapal tentera laut negara-negara sahabat untuk membuat *port call* ataupun berlabuh di pelabuhan sebagai tanda lawatan muhibah. Malaysia sebelum ini sememangnya menjadi destinasi kapal-kapal angkatan tentera laut di negara-negara sahabat yang bertujuan untuk membuat lawatan muhibah termasuk Amerika Syarikat, Perancis, United Kingdom dan negara-negara ASEAN. Walaupun Malaysia sebagai sebuah negara ASEAN yang mengamalkan kawasan aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN), dan zon bebas nuklear Asia Tenggara.

Namun begitu perjanjian ini tidak mengehadkan mana-mana negara yang memeterai perjanjian itu dari membenarkan kawasan perairan atau ruang udara digunakan untuk laluan kapal-kapal negara asing yang berkuasa nuklear. Jadi kerana perjanjian tersebut dengan jelas menyatakan, ia hanya melarang negara-negara ahli untuk memberi bantuan, menjalankan penyelidikan, pembangunan, penghasilan, penyimpanan perolehan dan pengawalan sebarang bahan-bahan letupan radioaktif. Ia turut menjelaskan bahawa negara-negara ahli tidak akan membuang sebarang sisa radioaktif ke dalam laut mahupun ruang atmosfera. Oleh yang demikian saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin] dibaca kali yang pertama, akan dibaca kali yang kedua dan ketiga pada Mesyuarat yang sama.

RANG UNDANG-UNDANG TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1998; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin] dibaca kali yang kedua dan ketiga pada Mesyuarat yang sama.

RANG UNDANG-UNDANG TATACARA JENAYAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Tatacara Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]; dibaca kali yang kedua dan ketiga pada Mesyuarat yang sama.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguh atas masalah bahawa, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [29 Jun 2005].

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kudat, sila sambung ucapan.

11.15 pagi.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyambung sedikit perbincangan yang telah saya laksanakan kelmarin iaitu berkaitan dengan Pindaan Akta Insurans 1996.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Loh Seng Kok: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita tahu bahawa akhir-akhir ini beberapa kejadian-kejadian buruk yang telah berlaku, khususnya di negara kita iaitu berkaitan dengan berlakunya kes-kes gengsterisme,....

Tuan Loh Seng Kok: Yang Berhormat bagi Kudat..

Datuk Abdul Rahim bin Bakri:khususnya di kawasan sekolah dan ini adalah sesuatu yang amat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kudat. Sebelum Yang Berhormat Kudat meneruskan perbincangan, saya hendak menyentuh apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Kudat semalam sebelum perbincangan Yang Berhormat Kudat mengenai pindaan insurans ini ditangguhkan. Sebelum tamat perbincangan semalam, Yang Berhormat Kudat telah menyatakan bahawa beliau setuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands iaitu memansuhkan peperiksaan objektif yang dikendalikan oleh L-I-A-M, *Life Insurance Association of Malaysia* (LIAM), sebelum seseorang itu dibenarkan menjadi ejen insurans.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta Insurans ini adalah bertujuan untuk menambah baik perkhidmatan di dalam industri insurans. Dengan itu, saya mempunyai pendapat yang berlainan terhadap cadangan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands yang dipersetujui oleh Yang Berhormat bagi Kudat. Dalam industri insurans peperiksaan yang dikendalikan oleh LIAM itu adalah PCE iaitu *Pre Contract Examination*. Di mana peperiksaan ini hanya untuk menguji dan memastikan seseorang itu mempunyai pengetahuan yang asas, mempunyai pemahaman yang asas tentang prinsip-prinsip insurans sebelum seseorang itu dibenarkan menceburkan diri di dalam bidang urusan niaga insurans.

Samalah seperti lesen memandu, yang mana seseorang itu kena tahu undang-undang, peraturan-peraturan asas tentang lalu lintas baru dapat lesen 'P', dan itu tidak menjaminkan beliau akan mendapat lesen penuh dalam lesen memandu dan dalam peperiksaan yang dikendalikan oleh LIAM pun ada yang gagal. Walaupun ada yang mempunyai kelayakan dari universiti, masih gagal dalam peperiksaan yang dikendalikan oleh LIAM. Maka, saya rasa untuk menghasilkan ejen insurans ataupun penasihat kewangan yang berkualiti dan profesional, mereka perlu lulus dalam peringkat yang asas dahulu sebelum dibenarkan untuk melanjutkan perkhidmatannya dalam industri insurans.

Maka, saya kurang bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands yang telah dipersetujui oleh Yang Berhormat bagi Kudat. Saya minta mungkin Yang Berhormat bagi Kudat ada pandangan yang lain tentang hal ini. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya sebenarnya apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands memang saya bersetuju Yang Berhormat bagi Kelana Jaya memang mempunyai pandangan yang berbeza dan itu adalah merupakan sesuatu yang biasa dan merupakan Yang Berhormat *entitled to your own opinion*, dengan izin. Tetapi pada pendapat saya apa yang kita kehendaki di dalam industri insurans ini ialah kita menghendakkan suatu industri yang benar-benar mempunyai kredibiliti.

Kerana apa yang kita tahu bahawa industri insurans ini tidak ada bezanya dengan industri-industri kewangan yang lain. Industri ini adalah merupakan satu industri di mana setiap pelanggan akan menyerahkan ataupun menjadi sebagai *custodian of the funds*

ataupun *custodian of the money given*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dengan penyerahan wang ini kepada seseorang, maka ianya mengharapkan sesuatu pulangan ataupun suatu *security* terhadap wang yang telah diserahkan kepada orang, yang kononnya akan dilesenkan sebagai seorang *financial planners* yang berlesen.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita harus menyediakan satu asas yang kukuh iaitu menyediakan orang yang dilantik sebagai *financial planners* berlesen ini haruslah seseorang yang mempunyai kebolehan, yang mempunyai asas di dalam bidang kewangan. Kita telah melahirkan ramai graduan di dalam bidang *Actuarial Science*, dalam bidang *Insurance Management*, di dalam bidang *Financial Services* yang dikeluarkan di universiti-universiti tempatan dan universiti-universiti asing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: *One minute!* Jadi kalau kita lihat misalnya di dalam profesion-profesion yang lain, profesion guaman, profesion kedokteran, jurutera, *architecture*, mereka ini adalah profesional dan kita mahu industri insurans ini juga dikendalikan oleh mereka yang profesional. Kalau seseorang jurutera boleh menjadi jurutera ia haruslah melalui proses tapisan yang benar-benar telus untuk membolehkannya menjadi seorang jurutera.

Tetapi bagi seorang pengendali insurans pada pendapat saya, ia harus juga dikendalikan oleh orang-orang yang mempunyai integriti, kebolehan dan kemampuan yang mencukupi untuk mengendalikan industri ini. Yang Berhormat Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Kudat. Sebenarnya kami berdua ini mempunyai frekuensi yang sama. Apa yang saya nak sentuh juga adalah sama sebenarnya. Kita menyebut tentang profesion yang lain, jurutera, doktor, masing-masing ada *governing body*. Ada satu pertubuhan profesional yang mendaftarkan ahli-ahlinya. Memandangkan apa yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Kudat tadi, nampaknya penasihat kewangan ini merupakan satu profesion, jadi pada pandangan Yang Berhormat adakah perlu kita mendaftarkan mereka melalui satu pertubuhan yang dinamakan Penasihat Kewangan.

Kalau tiada siapa yang dapat memastikan syarat-syarat minimum itu dapat dipenuhi, bagaimana kita menentukan kelayakan seseorang penasihat kewangan kalau kita benarkan syarikat insurans yang menentukannya, saya rasa dia akan pilih siapa yang mungkin tak kerja ataupun mereka yang menganggur itu terus jadi penasihat kewangan. Ini akan menjahanamkan industri ini, jadi pandangan Yang Berhormat ini sebagai seorang yang arif dalam sektor kewangan, apa cara untuk kita mengawal dan satu perkara lagi kalau bagi profesion-profesion yang lain diwajibkan menghadiri *career profession development hours*, iaitu setiap tahun terpaksa menghadiri kuliah ataupun apa-apa seminar untuk mempertingkatkan diri dalam ilmu tersebut. Itu bagi profesion yang lain mungkin 50 jam setahun. Adakah kita perlu menerap cara atau konsep ini bagi memastikan kualiti penasihat kewangan itu memang tepat dan mereka ini seiring dengan zaman. Minta pandangan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat Ayer Hitam, pandangan beliau adalah pandangan bernas dan pandangan saya adalah sama dengan pandangan beliau. Sebab itu saya minta supaya ucapan beliau itu dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengambil serius di dalam profesion ini kerana mereka ini akan menentukan bahawa industri ini akan menjadi satu industri yang benar-benar mempunyai kredibiliti. Kita mahu mereka yang duduk sebagai *financial planners* ini, yang dilantik sebagai *financial planners* ini bukan hanya seperti mana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi, tetapi juga haruslah melalui proses-proses tapisan keselamatan.

Mereka ini haruslah mendapat tapisan kelas keselamatan daripada polis iaitu menentukan bahawa *to a certain* ataupun untuk menjamin bahawa mereka ini bukan terlibat di dalam kes-kes jenayah seperti kes jenayah kolar putih, menipu ataupun kes-kes di mana

mereka ini pernah disabitkan kesalahan-kesalahan. Sebab itu saya bersetuju sekiranya ada satu lembaga ataupun satu pertubuhan yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk mendaftarkan mereka yang menjadi *financial planners* yang berlesen ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya ingin meneruskan ucapan saya, seperkara lagi yang ingin saya sebutkan di dalam aspek pindaan Akta Insurans ini ialah kalau kita lihat beberapa laporan-laporan yang telah dibuat baru-baru ini khususnya di akhbar-akhbar, bahawa berlakunya kes-kes gengsterisme yang begitu meluas khususnya di sekolah-sekolah, dan ini adalah sesuatu yang amat membimbangkan kita sebagai bapa dan sebagai ahli masyarakat sudah tentu perkara-perkara dan perkembangan serupa ini adalah merupakan sesuatu yang amat membimbangkan kita. Kelmarin seorang remaja telah terbunuh, telah meninggal dunia di Pulau Pinang yang bernama Asrin, yang telah dipukul oleh gengster yang juga terdiri daripada pelajar-pelajar dan beliau mengalami koma beberapa hari dan akhirnya meninggal kelmarin.

Dan, demikian juga sesuatu kejadian yang telah dilaporkan di akhbar di Pahang dan yang telah mendapat perhatian daripada Sultan Pahang sendiri, bahawa seorang pelajar Tingkatan 1 yang bernama Muhammad Afiq Qusyairi telah cedera dibelasah beberapa pelajar senior yang menyebabkan mangsa cedera parah sehingga menarik perhatian Sultan Pahang. Kes-kes ini adalah merupakan kes selepas dua kes buli di sekolah yang sama, yang terbongkar apabila seorang pelajar Tingkatan 5 cedera dibelasah oleh pelajar lain dalam kejadian seminggu yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, masalah gengsterisme ini walaupun bukan merupakan satu masalah yang baru, tetapi apabila ia dilaporkan dengan begitu banyak sekali akhir-akhir ini khususnya di sekolah-sekolah sehingga menyebabkan kematian ia merupakan satu masalah yang besar, yang patut kita tangani dan kita haruslah menyediakan satu perlindungan kepada anak-anak kita, perlindungan kepada keluarga, sebab itu kita meminta kerajaan supaya menyediakan suatu perlindungan insurans jika ada, kita nak tahu berapakah *quantum* sekiranya berlakunya kes-kes seperti ini, sekiranya kes-kes yang berlaku kepada Muhammad Afiq apakah ganjaran yang diberikan oleh kerajaan ataupun penginsurans-penginsurans ini? Kita nak tahu, sekurang-kurangnya akan memberikan keamanan kepada ibu bapa yang akan menghantar anaknya ke sekolah, kerana kalau sekiranya berlaku kes-kes seperti ini mereka yang menghadapi masalah yang terpaksa di *hospitalized*, siapakah yang menanggung perubatan anak-anak ini?

Dan, sekiranya ia *become disabled* dengan izin, ataupun cacat ini adalah merupakan satu tanggungan yang berat kepada ibu bapa dan kita minta supaya satu skim insurans yang dapat memberikan perlindungan kepada anak-anak kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Lipis bangun Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kudat. Jadi saya percaya sekarang ini kita ada satu skim insurans berkelompok yang telah dibuat untuk anak-anak kita. Tapi saya tak pasti sama ada skim insurans ini ada melindungi kes-kes yang seperti dipukul dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, saya di sini nak mencadangkan juga selain daripada insurans untuk pelajar-pelajar sekolah, kita buat juga insurans atau skim insurans secara berkelompok dan sebagainya untuk para petani ataupun pekebun kecil kita. Kerana sekarang ini dengan kadar pendapatan yang tidak menentu dan dengan kos perubatan yang mahal, jadi sekiranya ada skim khusus yang dibuat oleh pihak agensi kerajaan tentang insurans bagi petani dan pekebun kecil ini dapat mungkin boleh meringankan beban mereka sekiranya mereka mendapat musibah. Bagaimana, setuju atau tidak?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat Lipis, untuk insurans pertanian itu saya akan huraikan selepas ini, tetapi saya ingin menyentuh tentang insurans yang seharusnya diberikan kepada anak-anak sekolah. Kalau kita lihat misalnya kejadian-kejadian ini ya, seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Lipis, memang ada *group insurance*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krai pula bangun Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sebentar, ya. *Group insurance* ini, saya tidak tahu. Sebab itu sebagai wakil rakyat yang bertanggungjawab, kita minta kerajaan memberikan pengetahuan kepada kita, apakah jenis *coverage* yang diberikan oleh kerajaan atau yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan atau pihak-pihak tertentu terhadap *group insurance* yang diberikan kepada anak-anak ini. Memang saya difahamkan ada pungutan ataupun ibu bapa diminta membayar untuk memberikan perlindungan *group insurance*. Tetapi yang kita tahu, yang kita hendak minta di sini ialah apakah jenis perlindungan yang boleh diberikan? Adakah ianya melibatkan kes-kes gengsterisme yang semakin berleluasa di sekolah?

Apakah ianya melibatkan kes-kes mereka yang terlibat di dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mereka ini terpaksa, sebahagian daripada mereka diminta untuk menyertai PLKN. Adakah kerajaan menyediakan satu insurans kepada anak-anak kita yang bersekolah dan dijemput untuk menghadiri kursus PLKN? Itu kita hendak minta. Kita hendak minta satu penjelasan daripada kerajaan kerana kita tahu beberapa kes yang berlaku baru-baru ini, khususnya mereka yang menyertai PLKN misalnya, telah berlaku beberapa kes sehingga menyebabkan kematian. Ada juga yang terpaksa menghidap sakit (SLE – Systemic Lupus Erythematosus). Jadi, kita hendak minta penjelasan daripada kerajaan tentang masalah ini.

Selain daripada itu, kalau kita lihat misalnya di dalam laporan akhbar kelmarin, di Kepala Batas terdapat juga satu keadaan di mana sebanyak 17 pelajar yang telah menghadapi kecederaan kerana ada seorang yang saya tidak tahu sama ada dia gila ataupun *out of his mind*, dengan izin, telah melanggar 17 orang kanak-kanak ini dan menyebabkan sebahagian daripadanya terpaksa *hospitalized*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kes-kes serupa ini adalah merupakan kes-kes yang sepatutnya mendapat perlindungan insurans daripada kerajaan, kerana apabila kita menghantar anak-anak kita ke sekolah, kita mengharapkan supaya pihak sekolah, pihak guru-guru, pihak pentadbir sekolah menjaga keselamatan anak-anak kita. Walaupun memang bukanlah sesuatu yang mudah untuk menjaga ribuan dan ratusan anak-anak kita di sekolah, tetapi kalau dengan adanya perlindungan insurans ini, sudah tentu sedikit sebanyak akan memberikan suatu keselesaan (*comfort*) kepada ibu bapa sekiranya berlaku sesuatu perkara yang kita tidak dapat.....

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krai bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat bagi Kudat. Yang Berhormat muda tetapi mengambil hal-hal kepentingan rakyat dan inilah isu-isu sekarang yang telah ditimbulkan dan sebelum itu saya mengalu-alukan kepada murid-murid Sekolah Menengah Lebang Besar, Melaka yang ada bersama kita di belakang. Terima kasih. Memandangkan kepada kanak-kanak inilah, segolongan besar yang ada sekarang ini, sampai sebagaimana kata Yang Berhormat bagi Kudat tadi, sehingga Sultan sendiri mengambil tahu hal-hal kanak-kanak di sekolah ini.

Kita rasa akhir-akhir ini begitu banyak terjadi kemalangan, terjadi insiden di sekolah-sekolah sehingga ramai terdapat ibu bapa yang menangis, meratap kerana anak-anak ini mati, sehingga membawa kepada kematian, berlaku di beberapa sekolah di beberapa negeri. Saya bersetuju sangat dengan pendapat Yang Berhormat bagi Kudat ini.

Apa pendapat Yang Berhormat bagi Kudat supaya langkah insurans ini bukan sahaja di sesetengah sekolah yang mampu diuruskan, tetapi kita hendak supaya kerajaan mengambil satu langkah drastik untuk memastikan semua sekolah rendah, sekolah menengah supaya mengambil insurans ini dan pihak sekolah yang bertanggungjawab, terutama sekali pengetua dan guru-guru mesti mengambil berat tentang hal-hal pelajar ini supaya tidak berlaku masalah buli, masalah gengster dan sebagainya yang akhir-akhir ini begitu kerap terjadi di sekolah-sekolah. Jadi, bagaimana pendapat Yang Berhormat bagi Kudat supaya langkah segera perlu diambil oleh semua sekolah ini, memastikan insurans

ini dapat diuruskan oleh pihak kerajaan, tidak kata sekolah-sekolah di bandar tetapi keseluruhan di negara kita. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya Yang Berhormat bagi Kuala Krai, saya sebenarnya, apa yang kita lihat hari ini ada satu keperluan untuk mewujudkan perlindungan terhadap anak-anak kita, seperti mana saya telah jelaskan tadi. Kenapakah kita hanya menyerahkan kepada sekolah? Mengapakah kerajaan tidak membuat satu dasar? Kita mempunyai syarikat-syarikat milik kerajaan seperti syarikat Takaful yang boleh menyediakan satu skim supaya setiap pelajar kita dan juga kakitangannya, kadang-kadang di dalam sekolah ini ada juga berlaku gengsterisme di antara murid dengan guru dan guru dengan murid.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang bangun Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kudat. Kepada pelajar-pelajar sekolah, saya fikir kita tidak perlu bimbang, kalau berdepan dengan kenderaan, sebab setiap kenderaan yang dipandu di jalan raya dibekalkan dengan perlindungan insurans untuk mereka yang menjadi mangsa. Sebab itu, kenderaan yang berdaftar mesti dilengkapi dengan insurans untuk melindungi mereka yang mungkin terlanggar dan sebagainya.

Tetapi yang kita bimbang Tuan Yang di-Pertua ialah sekiranya kenderaan-kenderaan tidak berinsurans ataupun pemandu-pemandu yang alpa tentang insurans. Akhirnya mereka mungkin merempuh pelajar-pelajar yang beruniform. Pelajar-pelajar yang beruniform ini, dia punya tahap yang tinggi. Apabila mereka melintas jalan, walaupun mereka salah pun, mereka tetap tidak salah kerana mereka memakai uniform. Itu dia punya kekebalan yang tinggi.

Yang kita bimbang tadi ialah sekiranya kenderaan tidak berinsurans. Begitu juga sekiranya pelajar-pelajar ini dibuli ataupun dipukul oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Yang ini yang saya berfikir kita kena fokus ke atas pelajar-pelajar sekolah seperti yang sedang berlaku. Jadi, saya ingin mendapatkan pandangan daripada sahabat saya Yang Berhormat bagi Kudat, apakah Yang Berhormat bagi Kudat bersetuju jika saya katakan bahawa kita perlu proaktif. Ini bermakna pihak sekolah, pihak kementerian, kerajaan perlu proaktif. Kita perlu, dengan izin, *anticipate*, menjangka sesuatu akan berlaku kepada pelajar-pelajar yang bersekolah ke atas sesuatu kemalangan yang boleh berlaku daripada sumber-sumber yang tidak dilindungi insurans. Misalnya kereta yang tidak berdaftar, kaki pukul dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Kudat? Sekian, terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat bagi Ledang, sebenarnya apa yang telah dijelaskan tadi adalah sebenarnya berkongsi dengan pendapat saya, kerana seperti mana saya telah jelaskan bahawa kerajaan mempunyai institusi-institusi dan syarikat-syarikat insurans sendiri - MNI, kita ada syarikat Takaful yang boleh menyediakan perlindungan-perlindungan kepada anak-anak ini dan mereka boleh menyediakan suatu skim polisi sama ada *group insurance* atau sebagainya untuk membolehkan segala elemen-elemen baru ini, elemen-elemen atau masalah-masalah baru ini dapat dimasukkan sebagai satu syarat atau sesuatu terma di dalam polisi yang membolehkan anak-anak kita dapat dilindungi di sekolah dan ini memberikan satu keamanan kepada ibu bapa yang tinggal di rumah.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Lipis bangun.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kudat, kadang-kadang kita menekankan tentang insurans untuk para pelajar tetapi walau bagaimanapun ada juga kadang-kadang ibu bapa yang miskin dan sebagainya yang tidak

mampu untuk membayar insurans ataupun bayaran insurans yang dikenakan untuk anak-anak mereka khususnya di luar bandar ataupun di luar bandar. Jadi bagaimana kalau kita mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran yang kadang-kadang ada mengeluarkan bantuan-bantuan khas kepada para pelajar untuk memasukkan elemen untuk pelajaran insurans sama ada secara berkelompok atau secara hayat kepada pelajar-pelajar ini. Bukan diberi bantuan secara geran begitu sahaja.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya, Yang Berhormat Lipis. Sebenarnya memang saya bersetuju kerana ia memanglah juga merupakan satu bebanan kepada ibu bapa khususnya di luar bandar kerana kita tahu bahawa bebanan yang telah ditanggung oleh ibu bapa khususnya yang mempunyai anak yang ramai sudah tentu ia akan memberikan kesan kepada mereka. Ini juga akan sedikit sebanyak memberi kesan kepada wakil rakyat kerana mereka akan datang berjumpa wakil rakyat untuk meminta bantuan bagi menyelesaikan masalah-masalah di sekolah seperti masalah yuran sukan, yuran buku teks dan macam-macam yuran yang dikenakan oleh pihak sekolah. Tetapi seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Lipis sebahagian banyak khususnya mereka yang tidak berkemampuan ini adalah mereka-mereka yang mendapat biasiswa dan mendapat bantuan-bantuan khas yang disediakan oleh kerajaan. Sebab itu kita meminta supaya elemen insurans ataupun takaful haruslah dimasukkan di dalam - dipotong daripada bantuan-bantuan kerajaan ini dan ini dengan sendirinya akan memberikan *business opportunity* dengan izin kepada syarikat-syarikat takaful dan syarikat-syarikat MNI milik kerajaan.

Sekiranya di *apply* kepada keseluruhan pelajar-pelajar kita di seluruh Malaysia dan juga melibatkan guru-guru di mana guru-guru ini mempunyai gaji yang mencukupi untuk mereka diberikan perlindungan diminta supaya *compulsory payment* untuk insurans dengan izin, maka ini sudah tentu akan memberikan *business opportunity* yang nilainya mungkin ratusan juta kepada syarikat-syarikat takaful. Kenapakah kita tidak wujudkan suasana *win-win situation* ini. Ia akan memberikan kebaikan kepada ibu bapa, akan memberikan kebaikan kepada pelajar itu sendiri dan memberikan kebaikan kepada industri insurans kita, khususnya insurans yang dimiliki oleh kerajaan seperti MNI, MCIS, TAKAFUL dan banyak lagi syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan. Seperti mana Yang Berhormat Ledang katakan tadi bahawa kita harus pro-aktif supaya perkara-perkara seperti ini akan dapat kita selesaikan dan juga akan dapat menjadi satu *catalyst* dalam usaha untuk membangunkan industri insurans kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat yang sebahagian besar daripada kawasanya adalah daripada kawasan luar bandar dan terlibat di dalam sektor pertanian, maka memanglah merupakan satu masalah dan merupakan satu kelaziman bagi saya sebagai wakil rakyat dikunjungi oleh petani-petani, pengundi-pengundi dan masyarakat luar bandar yang datang kepada kita untuk meminta bantuan khususnya bagi keadaan-keadaan di mana berlakunya bencana. Baru-baru ini disebabkan berlakunya bermacam-macam perubahan *climate (climate change)* dan juga fenomena *El Nino*, *La Nina* dan sebagainya yang telah mengubah cuaca di negara yang telah menyebabkan banyak daripada petani-petani kita menghadapi masalah khususnya tanaman-tanaman mereka rosak tidak dapat menghasilkan apa-apa hasil dan ada yang terkena banjir, ada yang diserang oleh *pests* dan sebagainya.

Ini adalah merupakan suatu risiko-risiko yang terpaksa ditanggung oleh petani-petani dan petani-petani ini seperti mana yang kita tahu bahawa negara kita ingin berusaha untuk memperkasakan sektor pertanian. Memperkasakan sektor pertanian ini bererti kita memberikan bantuan ataupun memberikan peluang yang lebih baik kepada masyarakat luar bandar untuk mendapatkan pendapatan yang lebih. Tetapi yang menjadi masalah misalnya di kawasan saya baru-baru berlaku satu kemarau yang telah menyebabkan ramai daripada petani-petani tidak mendapat hasil dan mereka ini adalah petani-petani yang miskin. Mereka datang kepada saya untuk minta bantuan sehinggakan untuk memberikan makanan, beras dan sebagainya. Ini adalah merupakan satu perkara yang *common problems* khususnya bagi wakil-wakil rakyat yang datangnya daripada luar bandar.

Kita minta dengan usaha untuk memperkasakan sektor pertanian ini, apakah kerajaan tidak memasukkan di dalam dasar pertanian ini dan tidak ada niat untuk memberikan insurans pertanian ini seluas-luasnya kepada petani-petani kita? Insurans

pertanian ini sekiranya dapat dilaksanakan yang juga sudah dilaksanakan di kebanyakan negara-negara di Jepun dan Eropah, ia merupakan satu perkara yang *common*.

Oleh sebab itu sekiranya berlaku sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan, risiko akibat daripada perubahan-perubahan *climate* dan sebagainya yang memberikan kesan kepada pengeluaran hasil-hasil pertanian mereka masih lagi mendapat sekurang-kurangnya pampasan yang boleh digunakan untuk membangunkan sektor pertanian itu sendiri. Oleh sebab itulah sebenarnya kalau kita lihat di Malaysia ramai daripada petani-petani sudah tidak lagi begitu berminat sehingga kita terpaksa menggunakan bermacam-macam cara untuk meminta mereka supaya terlibat dalam sektor ini kerana kita sekarang terpaksa mengimport lebih kurang 13 bilion hasil-hasil makanan daripada luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail Assalamualaikum. Yang Berhormat Kudat, berkenaan dengan insurans pertanian, ini saya cukup suka oleh kerana saya rasa pertanian ini adalah satu *engine growth for economics* dengan izin. Risiko-risiko tentang cuaca dan pasaran itu kita boleh *calculate* tetapi risiko atas petani itu sendiri macam mana? Oleh kerana banyak petani-petani kita berpandangan jauh di dalam pertanian. Dia duduk jauh dia pandang sahaja. Macam mana Yang Berhormat Kudat boleh bagi komen situ tetapi tentang sini maka *insurance company* itu mungkin ada sedikit risau atas cara-cara petani kita ini membuat dan menjalankan kerja-kerja harian mereka.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Walaupun beliau seorang pakar di dalam bidang pertanian dan saya menghormati beliau tetapi saya fikir memang ada kebenaran sedikit sebanyak daripada pandangan beliau sebagai seorang yang mempunyai pengetahuan dalam bidang ini. Tetapi kita tidak harus mempunyai sikap *pessimistic* kerana kalau kita lihat misalnya kita berusaha membangunkan sektor pertanian dan kerajaan telah menggunakan segenap keupayaan untuk membangunkan bidang ini kerana kita dapat melihat di Malaysia sudah tidak ada lagi keselarasan di antara pembangunan dalam bidang industri *manufacturing* atau bidang-bidang yang lain dengan bidang pertanian. Sedangkan di negara-negara yang telah maju seperti di negara-negara Eropah ataupun Jepun, walaupun mereka mempunyai kemajuan yang pesat di dalam bidang *manufacturing* atau bidang-bidang ekonomi yang berasaskan kepada pembuatan tetapi mereka juga telah maju dalam bidang pertanian.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sebab itu kita mengharapkan supaya sesuatu, kalau kita tidak menyediakan satu insentif yang mencukupi dan antara insentif yang boleh kita sediakan ialah menyediakan insurans pertanian.

Mungkin bukan semua yang akan terlibat di dalam skim ini. Tetapi kalau mereka yang mempunyai keupayaan yang berminat, kita harus menyediakan skim ini supaya ia dan kita memperluaskan skim ini supaya ia akan memberikan satu perlindungan dan juga memberikan satu nafas baru di dalam pembangunan sektor pertanian negara kita. Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Saya hendak menyokong sepenuhnya supaya satu skim insurans ataupun perlindungan diberikan kepada para petani ini. saya hendak membawa satu kisah benar, cerita benar di Sabak Bernam yang berlaku sekarang. Jadi padi di bendang kawasan Sabak Bernam sekarang ini sedang di serang oleh satu jenis 'benah perang'.

Maknanya kemungkinan para petani dari padi itu akan mengalami kerugian yang besar, itu satu. Kemudian yang kedua, saya rasa ini yang lebih penting dan kritikal. Dalam konteks perlindungan ini ialah, di kawasan Sabak Bernam juga nama kampung Tebuk Pulau, pihak pertanian sendiri mencadangkan supaya diwujudkan satu projek contoh tanaman pisang berangan di kawasan seluas 50 ekar yang melibatkan 25 orang petani. Sebenarnya para petani sendiri memberitahu sebelum tanaman itu dibuat, mereka telah menyatakan bahawa ada satu jenis penyakit sudah di kawasan itu.

Virus yang dipanggil virus AIDS kata orang kampung pada pisang berangan ini. Tidak boleh, tetapi pegawai-pegawai daripada Kementerian Pertanian ini datang dan memberi jaminan bahawa mereka itu ada pakar dan sekarang umur pokok pisang ini 8 bulan, mula keluar jantung dan pada ketika inilah juga serangan virus itu bermula. Jadi, bermakna para petani ini akan mengalami satu kerugian yang besar, orang kerana itu, apakah pandangan Yang Berhormat Kudat, supaya skim perlindungan pertanian, insurans petani ini disegerakan oleh pihak kerajaan dengan kajian yang teliti terlebih dahulu, terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, seperti mana yang saya jelaskan tadi, memang kita harus menyediakan perlindungan ini kerana kalau kita tidak menyediakannya, sudah tentu ianya akan... seperti mana saya jelaskan bahawa berlakunya bermacam-macam fenomena baru di dalam dunia hari ini, iaitu fenomena *climatic change*, atau perubahan cuaca dan ini walaupun bukanlah merupakan satu....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: ... perkara yang baru, tetapi kita harus *anticipate* dan kita harus menyediakan perlindungan kepada mereka supaya kita tidak menghadapi masalah kebergantungan negara kepada import hasil-hasil pertanian selama-lama. Ini adalah merupakan satu langkah ke hadapan pada pendapat saya.

Pada pendapat saya, kalau kita dapat menyediakan satu skim perlindungan insurans kepada petani-petani, ini adalah merupakan satu langkah ke hadapan yang setanding dengan apa yang telah dilakukan oleh negara-negara yang telah maju. Apa salahnya kita menyediakan, kita memikirkan daripada hari ini *journey of a thousands miles, started with one step*. Itulah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Kita harus menyediakan perkara ini sekarang supaya ia akan menjadikan satu *catalyst* akan menjadi satu pemangkin kepada industri pertanian yang menjadi suatu hala tuju utama kerajaan kita. Kalau kita gagal dalam usaha ini, mungkin apakah yang boleh kita harapkan dalam usaha untuk memodenkan sektor pertanian kita, Yang Berhormat bagi Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jangan cakap

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Kudat. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan cadangan daripada Yang Berhormat bagi Kudat berkenaan dengan insurans kepada petani-petani. Kita sedia maklum, pada hari ini kebanyakan daripada petani-petani kita yang terlibat dalam pertanian, mahupun tanaman-tanaman lain, mereka banyak bergantung kepada subsidi kerajaan. sehinggakan kadang-kadang kita lihat subsidi-subsidi kerajaan ini diselewengkan dan sebagainya. Mengapa terima kasih kalau disetujui oleh Yang Berhormat bagi Kudat, kerajaan mulakan skim insurans ini, dengan kita hapuskan subsidi sedikit-demi sedikit dan peruntukan untuk subsidi ini kita belikan ataupun kita insuranskan petani-petani ini. menggunakan duit subsidi ini. kalau sepatutnya kerajaan subsidi katakan padi dalam RM300, RM400 satu ekar, *gradually* kita potong subsidi ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Duit yang untuk subsidi ini kita insuranskan mereka. Supaya mereka lebih maju dan daya saing dengan petani-petani daripada negara lain, apa pendapat Yang Berhormat bagi kudat?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat bagi Jasin, sebenarnya itulah saya memang berkongsi pendapat dengan Yang Berhormat bagi Jasin dalam soal ini. Seperti mana yang saya jelaskan sebelum ini, bahawa sebenarnya kita memberikan bilion *dollars* subsidi terhadap petani-petani. Bilion ringgit saya tidak tahu, Ini *don't have the exact amount*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Tetapi, bilion ringgit ini kalau kita boleh gunakan sebahagian daripadanya untuk membayar premium insurans, sudah tentu ianya akan memberikan perlindungan kepada petani-petani kita. Yang akan lebih gembira lagi di dalam industri ini ialah industri syarikat-syarikat insurans khususnya syarikat-syarikat

insurans tempatan dan khususnya yang dimiliki oleh kerajaan. Seperti syarikat takaful, *this is another business opportunity* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Kenapakah kita tidak menyediakan wang yang sebegini banyak untuk menyediakan sedikit sebahagian *maybe one or two percent of that billion business* dengan izin untuk dicalonkan sebagai perlindungan insurans kepada petani-petani dan kalau sekiranya ada perlindungan ini sudah tentu petani-petani ini tidak akan mengeluh dan tidak akan menghadapi masalah seperti mana yang berlaku sekarang. Kita harus bersikap proaktif dan kita harus melihat dan memandang ke hadapan dan melihat perkara ini dan bukan hanya diperbincangkan tetapi kita harus melaksanakannya dengan konkrit.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau skim insurans pertanian yang Yang Berhormat cadangkan ini dikembangkan bukan sahaja kepada golongan petani, kepada penternak dan juga nelayan?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat, saya memang setuju, seperti yang saya perelaskan tadi, subsidi yang diberikan ini diberikan kepada semua sektor, sektor pertanian, penanaman padi, sektor haiwan pun ada subsidi kita beri dan bermacam-macam-macam subsidi yang kita beri. Kepada petani-petani semua golongan terlibat, penternakan, perikanan, pertanian, nelayan-nelayan di Terengganu, nelayan-nelayan di Sabah dan Sarawak yang terlibat yang kadang-kadang menghadapi banyak masalah dari segi ancaman-ancaman lanun, ancaman-ancaman daripada kejadian-kejadian ombak besar sehingga mereka yang ke laut tidak lagi kembali kepada keluarga mereka yang tersayang. Ini adalah merupakan risiko-risiko yang terpaksa ditanggung oleh petani, nelayan, penternak kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebab kita harus melihat supaya kita dapat menyediakan polisi ini. Kita mahu supaya kerajaan melihat perkara ini walaupun sebenarnya kita tidak, *you don't need an intelligence*, dengan izin, *to think about this*. Kita menyediakan wang yang banyak wang kerajaan yang banyak kepada petani-petani dan nelayan-nelayan dan juga penternak ini, tetapi kenapakah kita tidak menyediakan sedikit *portion* daripada wang yang kita berikan kepada mereka ini untuk menjamin bahawa mereka terlindung di dalam apa juga aktiviti mereka. Kalau kita melakukannya sudah tentu kita akan dapat memberikan suatu reformasi di dalam industri pertanian kita.

Dan sudah tentu petani-petani kita tidak lagi dikenali sebagai petani-petani yang miskin. Di negara-negara lain, saya berada di luar negara, saya baru-baru ini pergi ke Germany, saya pernah ke Jepun dan pernah duduk di luar negara di Taiwan, saya melihat di Taiwan, contohnya, petani-petani di sana adalah antara golongan yang terkaya. Mengapakah mereka kaya ialah kerana kita menyediakan satu sistem yang benar-benar mampu menjana sektor ini dan mereka ini antara *features* nya ialah mereka dilindungi oleh insurans pertanian.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini adalah merupakan *it's about time* untuk kerajaan menyediakan perkara ini supaya ianya akan dapat sekurang-kurangnya mentransformasikan sektor pertanian kita dan kita akan memberikan satu kegembiraan, suatu harapan, *vision* kepada petani-petani kita supaya mereka ini bukan lagi menjadi golongan yang termiskin. Kalau kita melihat golongan *hardcore poor* di negara kita, sebahagian besar daripada mereka adalah golongan yang miskin dan ini kadang-kadang kalau kita lihat, dengan izin, Yang Berhormat, kebanyakan ahli perniagaan kita khususnya yang bukan bumiputera.

Mereka ini mempunyai kesedaran yang lebih, misalnya di dalam industri insurans ini mereka memberikan perlindungan kepada keluarga mereka sehingga apabila kematian kepada seorang bapa ataupun *captain of the family*, dengan izin, maka biasanya sekiranya berlaku kematian kepada *breadwinner* kepada sesebuah famili itu, maka akan menjadikan masalah kepada famili itu, tetapi bagi mereka yang menyediakan perlindungan...

Datuk Ronald Kiandee: Penjelasan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: ..yang mencukupi kepada keluarga itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya, sebentar. Mereka ini sekurang-kurangnya akan dapat satu pampasan yang membolehkan mereka, *life has got to go on* dan mendapat satu pampasan daripada syarikat-syarikat insurans yang membolehkan mereka untuk meneruskan usaha mereka menghantar anak-anak mereka ke luar negara ataupun dapat pendidikan yang tinggi. Silakan Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih. Saya tertarik dengan cadangan dan saranan Yang Berhormat bagi Kudat. Saya setuju bahawa petani kita harus ditingkatkan produktiviti dan tahap ekonomi mereka dan saya juga setuju bahawa kerajaan harus melihat skim insurans ini bukan sahaja terhadap petani, nelayan dan penternak, tetapi semua masyarakat Malaysia seperti yang diadakan di negara-negara Barat, mereka mempunyai skim insurans yang begitu baik sekali untuk masyarakat mereka.

Kalau kita tengok budaya di Barat, apabila seseorang itu mendapat kemalangan dan dimasukkan ke dalam hospital, *the first thing they ask is insurance*. Bererti beban untuk membayar tanggungan perubatan itu akan dijamin, dilakukan oleh pihak insurans. Begitulah skim kesihatan yang ada di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik bagaimana insurans ini seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kudat, insurans ini dikaitkan dengan produktiviti pertanian di mana mekanisme dan *connectionnya* di sini, apakah dengan adanya insurans bagi seseorang itu, produktiviti pertanian akan meningkat seperti yang dikatakan berlaku di Taiwan. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat bagi Beluran, sebenarnya apabila kita memberikan perlindungan insurans kepada seseorang petani itu, maka ianya sekurang-kurangnya akan *transfer the risks*, akan memindahkan risiko-risiko ketidakpastian yang berlaku akibat daripada bermacam-macam kejadian seperti *climate change* dan juga berlaku masalah-masalah kemarau, banjir, taufan dan sebagainya yang merosakkan hasil-hasil tanaman dan ini sekurang-kurangnya akan memberikan satu rangsangan, *motivation*, kepada petani-petani ini untuk mereka menjadi seorang petani yang produktif.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya faham semalam Yang Berhormat sendiri yang kata bahawa ucapan tidak akan panjang.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Panjang, ya, tetapi sudah banyak....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi saya fikir...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Saya akan menggulung sebentar lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab saya lihat ada satu atau dua orang Yang Berhormat ingin berucap juga, jadi kalau boleh tidak perlu ulang apa yang telah dibangkit. Teruskan ucapan yang belum habis itulah.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang saya tidak berniat untuk berucap panjang, tetapi disebabkan ada celahan-celahan, maka ianya menjadi panjang.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang menjadi... Ini yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagus.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya, yang terakhir, iaitu berkaitan dengan konsep insurans takaful. Mungkin saya tidak pasti sama ada satu akta khas bagi insurans takaful ini, tetapi ianya adalah sebahagian daripada industri insurans. Takaful ini ialah merupakan *social guarantee* dan ianya dilahirkan daripada idea-idea ahli-ahli ekonomi yang berasaskan kepada pandangan-pandangan Islam. Walaupun sistem takaful ini atau konsep ini

bukanlah dikhususkan untuk orang-orang Islam semata-mata tetapi ianya untuk memberikan satu alternatif kepada industri ini dan kalau kita lihat, misalnya industri ini sudah berkembang pesat.

Di Singapura misalnya, mereka sekarang menggunakan sistem pembiayaan yang berasaskan kepada pandangan-pandangan Islam ini sudah menjadi satu industri yang berkembang dan mereka berusaha untuk menjadikan Singapura sebagai pusat kewangan, bukan sahaja sebagai pusat kewangan konvensional, tetapi juga sebagai pusat kewangan Islam. Sebab itu kalau kita melihat Malaysia memang adalah antara *pioneers* ataupun perintis di dalam sistem pembiayaan berasaskan Islam ini.

Apakah kita tidak, walaupun kalau saya lihat di dalam laporan ekonomi yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada *end June* tahun 2004 bagi perniagaan takaful am dan famili, *family and general takaful business*, aset yang terkumpul ialah bernilai RM4.733 bilion, dan ini adalah merupakan satu *business* yang agak besar. Tetapi saya masih percaya bahawa kalau dibandingkan dengan industri konvensional, masih banyak lagi perkara yang misalnya, di dalam *life and general insurance, end 2004* terdapat RM726.4 juta dan totalnya ialah RM16.728 bilion dan ini hanyalah merupakan lebih kurang 20% daripada keseluruhan industri insurans, sedangkan kalau kita lihat misalnya industri ini boleh dibangunkan lagi kerana kalau kita lihat apa yang *features* utama di dalam industri insurans takaful ini, ialah di dalam elemen-elemen penting ini tidak ada elemen *uncertainty* atau dalam bahasa Arabnya, *gharar*, dan tidak ada elemen *gambling* dan riba di dalam sistem insurans takaful ini. Ini adalah merupakan satu konsep yang universal, yang bukan hanya diterima oleh orang-orang yang bukan beragama Islam, tetapi juga oleh orang-orang yang beragama Islam disebabkan adanya konsep keadilan di dalam sistem ini.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya kerajaan membangunkan industri ini seluas-luasnya. Kita boleh membangunkan industri ini seluas-luasnya dan membolehkan supaya industri ini akan menjadi *the main players* di dalam industri ini. Kita harus menjadi pemula dan dalam masa yang sama, kita juga harus menjadi *leader*.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Dungun.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sebab itu kita minta supaya kerajaan bukan hanya membangunkan industri takaful insurans ini di Malaysia, tetapi juga dapat mengembangkannya ke seluruh negara yang menjadikan Malaysia sebagai pemimpin di dalam bidang ini. Tetapi kita tidak tahu, kita minta supaya kerajaan menjelaskan apakah usaha-usaha kerajaan untuk mengembangkan bidang ini di negara ini dan yang penting di luar negara. Sila, Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah memerhatikan rakan-rakan membicarakan agak panjang lebar tentang masalah skim ataupun pandangan-pandangan tentang perlindungan insurans kepada rakyat kita tetapi masih kurang membicarakan tentang masalah yang kita hadapi dalam negara iaitu masalah pendidikan anak-anak Malaysia. Kita tahu bahawa boleh dikatakan setiap keluarga dalam rakyat kita akan berhadapan dengan masalah kewangan apabila kita menjadikan anak-anak kita dalam pendidikan dan malah kita menghadapi cabaran-cabaran baru apabila pendidikan anak-anak kita, sama ada di peringkat rendah, menengah ataupun kolej dan universiti, sama ada dalam negeri ataupun luar negara, yang mana skim insurans pendidikan ini telah ada sebenarnya tetapi tidak diperluaskan oleh kita semua.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju supaya suatu pendekatan dalam suatu skim insurans kepada anak-anak kita ini bermula hari kelahiran tiap-tiap bayi kita? Supaya masalah dan cabaran-cabaran yang sedang kita berhadapan sekarang dengan pinjaman, umpamanya PTPTN, harapan rakyat tentang pembiayaan biasiswa, harapan rakyat tentang perbelanjaan di peringkat kolej-kolej swasta yang mungkin kita menghadapi masalah. Kalau keadaan negara kita berada dalam baik mungkin tidak ada masalah tetapi berkemungkinan masalah turun naik dalam struktur

ataupun kedudukan ekonomi negara juga akan senantiasa berubah dari segi jangka panjangnya.

Apakah Yang Berhormat bagi Kudat boleh bersetuju ataupun pandangan Yang Berhormat bagi Kudat supaya skim insurans pendidikan ini diperluaskan, diwajibkan hari pertama bayi kita dilahirkan supaya setiap keluarga kita dapat menyertainya dan ini boleh dirancang oleh pihak kerajaan dengan cara murah. Saya rasa masalah-masalah semasa yang kita hadapi tentang beberapa organisasi yang memberi pinjaman, pembiayaan biasiswa dan sebagainya boleh dikurangkan di masa-masa hadapan. Ini adalah langkah positif yang saya rasa kalau kita mulakan di peringkat awalan berkemungkinan premium dan cara kaedahnya tidak akan membebankan kepada rakyat tetapi boleh menjamin pendemokrasian pendidikan kepada anak bangsa kita dari segi jangka panjang.

Sebagai contoh apabila Kementerian Kesihatan telah memulakan kajian yang begitu lama bagaimana rakyat kita melalui perlindungan insurans kesihatan kepada rakyat Malaysia yang dari segi jangka panjangnya kerana ini tidak akan sudah kerana lagi ramai dan lagi moden dan lagi tamadun kita, pendidikan menjadi asas utama dalam pembinaan rakyat dan negara. Jadi, kalau tidak ada skim tentang pendidikan ini, berkemungkinan kita akan menghadapi masalah-masalah yang lebih besar di masa-masa hadapan. Jadi, saya pohon komen Yang Berhormat bagi Kudat. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat, sebenarnya pandangan Yang Berhormat itu memanglah merupakan satu pandangan yang baik dan bernas kerana kalau kita lihat, misalnya saya balik sedikit kepada insurans pendidikan ini, kalau kita lihat misalnya di negara kita ini, hari ini, kita ada lebih kurang satu juta penjawat perkhidmatan awam. Penjawat perkhidmatan awam ini, sudah tentu mereka ini adalah kakitangan kerajaan yang kita boleh mewajibkan kepada mereka untuk mendapatkan insurans pendidikan. Kerana kalau kita lihat hari ini, baru-baru ini dilaporkan PTPTN terpaksa menanggung sebanyak tujuh bilion, satu jumlah yang begitu besar.

Ini adalah merupakan satu beban kepada negara. Apakah tidaknya kita *transfer* masalah ini kepada dengan memberikan satu skim insurans pendidikan untuk anak-anak, khususnya kepada mereka untuk permulaannya atau perintisnya diberikan kepada mereka yang terlibat di dalam perkhidmatan awam. Ini akan memberikan satu lagi peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat insurans, Takaful misalnya, yang saya bincangkan sekarang ini. Yang sudah menjadi satu industri yang semakin berkembang dan mendapat tempat bukan sahaja di negara kita tetapi juga di luar negara, malah di Eropah sendiri.

Sebab itu, saya jelaskan tadi syarikat-syarikat Takaful ini seharusnya keluar daripada kepompong. Syarikat-syarikat ini *they have to get out of the cocoon*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Mereka tidak harus melakukannya hanya untuk menyediakan untuk kepentingan negara ini sebab itu kita tidak begitu maju berbanding dengan orang lain. Apabila kita mengeluarkan kereta, kita hanya memikirkan bahawa apabila kita keluarkan kereta adalah untuk kepentingan rakyat kita, adalah untuk pasaran rakyat kita, sedangkan kalau kita lihat, negara kita hanya mempunyai 23 juta penduduk dan ini bukanlah satu pasaran yang besar.

Demikian juga di dalam insurans ini, sebagai sebuah negara yang telah terkenal sebagai perintis di dalam sistem pembiayaan berasaskan kepada Islam dan juga berasaskan kepada Takaful ini, yang kita sudah agak ke hadapan berbanding dengan negara-negara lain....

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, bangun.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sekejap, satu minit. Sebab kita hanya menekankan tentang bagaimana untuk membangunkan di negara ini. Saya memang yakin, *you must build a strong ground*, dengan izin, di negara kita. Itu memang merupakan satu kemestian. Tetapi dalam masa yang sama kita juga harus mempunyai objektif dan *vision* untuk membangunkan sistem ini ke seluruh negara. Kita adalah ahli OIC. Kalau kita lihat hubungan dagang kita dengan negara-negara OIC ini masih terlalu jauh dan kita boleh

menjadi pemimpin di dalam sekurang-kurangnya di dalam negara-negara OIC di dalam bidang sistem pembiayaan yang berasaskan Islam, sistem insurans berasaskan Islam. Inilah seharusnya menjadi *vision*. Kalau kita melihat Bank Islam misalnya, telah pun wujud lebih kurang 20 tahun di negara kita tetapi tidak pun mereka mempunyai keinginan untuk meneroka di luar negara. Sedangkan ada syarikat-syarikat kewangan yang baru, yang mampu dan yang bersedia untuk keluarga negara, sedangkan ini adalah peluang yang besar bagi mereka Yang Berhormat. Sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Saya memang tertarik dengan apa yang telah dibincang oleh Yang Berhormat bagi Kudat sejak tadi dan di mana saya yakin bahawa beliau mempunyai pengalaman dan sedikit sebanyak mempunyai pengetahuan apabila menyebut bahawa Takaful Islam ini bebas daripada '*Ngoror*', itu yang saya tertarik tadi itu, terima kasih. Boleh menyebut bahas Arab dengan baik, bebas daripada '*ngoror*' dan bebas daripada riba, di mana insurans dan bank-bank yang berlaku di negara kita dan sebahagian besar daripada negara umat Islam. Boleh dikatakan barangkali tidak bebas daripada riba ini.

Jadi, bagaimana kita hendak lonjakkan dan takaful ini mengambil tempat insurans, yang disebut oleh banyak Yang Berhormat kita, menyatakan bahawa di sana ada semacam penipuan. Walaupun tidak penipuan secara *direct* tetapi ada unsur-unsur penipuan di sana, ataupun jelasnya riba. Jadi, kita sebagai seorang Islam mesti berfikir bahawa riba ini adalah suatu perkara yang diharamkan oleh Allah. Apabila kita berinteraksi dengan riba, ertinya kita makan riba, kita duduk dengan riba dan kita akan mati dan kita akan menanggung seksa riba di akhirat.

Kerana itu Allah S.W.T. menyebut [*Bercakap bahasa Arab*] Allah S.W.T. mengisytiharkan peperangan riba ini. Jadi, bagaimana kita untuk melonjakkan paradigma kita supaya riba ini makin lama makin hilang dan akhir sekali generasi kita akan bebas daripada riba dan mereka akan menerima takafulnya dalam keseluruhan kehidupan mereka. Dan, yang saya tertarik iaitu takaful ini mesti dilonjakkan lagi dan negara kita mesti menjadi negara induk, negara besar yang memperjuangkan ekonomi Islam, yang kita kira bahawa negara kita kukuh dari segi ekonomi Islamnya dan bagaimana orang Islam begitu bermasalah dengan hukum-hukum Islam yang kita rasa bahawa sudah sampai masanya untuk kita lonjakkan ini dan buat lonjakan seterusnya kepada negara-negara Islam yang begitu kaya dan mereka dapat bersama-sama dengan kita dalam suatu kerja buat ke arah peningkatan ekonomi Islam ini. Barangkali negara kita lebih dikenali oleh orang ramai lagi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tentang berkaitan dengan apa yang telah dibincangkan tadi. Saya ada satu artikel yang telah ditulis "*Takaful is for non-Muslims too*" dan kita lihat sebenarnya, saya baca dalam artikel ini "*reflecting further this universal value there is no discrimination in terms of individuals who may be accepted to participate in Takaful essentially any individual who desire for the products and has the capacity as well as the means to fulfill the financial obligations required by Takaful in accordance with this contract may participate*", dengan izin.

Sebenarnya insurans Takaful ini tidak, *it was not designed mainly just for the Muslims, it is for everyone, for the human mankind*, untuk semua masyarakat kerana elemen yang terpenting di dalam Takaful ini ialah elemen keadilan, seperti mana yang saya telah sebutkan ada tiga elemen penting yang menjadi asas kepada insurans Takaful ini iaitu *insistency, gambling* dan *interest* (riba). Sekiranya ketiga-tiga ini menjadi asas sudah tentu ianya adalah merupakan satu perkara yang bukan sahaja seharusnya mendapat penerimaan daripada masyarakat Islam tetapi juga bukan Islam. Sebab itu kalau kita lihat pelanggan-pelanggan bank-bank Islam di Malaysia hari ini adalah terdiri daripada pelbagai kaum dan mereka menerima sistem ini kerana yang penting di situ ialah *contentnya*. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini adalah merupakan satu.....

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat menerangkan bahawa insurans Takaful ini memang telah pun di *design* untuk semua dan bukan khas untuk golongan Muslim sahaja.

Saya amat bersetuju dengan pandangan ini tetapi saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat walaupun insurans Takaful telah diperkenalkan dalam negara kita agak lama dan perkembangannya saya rasa belum lagi ke tahap yang kita inginkan. Maklumat-maklumat Takaful untuk orang-orang perniagaan dan juga bagi *bankers* di pihak swasta masih lagi tidak begitu luas dihebahkan. Apa pandangan Yang Berhormat bagaimana kita perlu hendak meningkatkan lagi produk insurans Takaful ini untuk kebaikan semua.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat Bentong, seperti yang saya jelaskan tadi bahawa sebenarnya insurans ini tidak dikhususkan ataupun sistem pembiayaan Islam yang ini tidaklah dikhususkan untuk satu-satu agama ataupun kaum tetapi ia merupakan satu *business*. Sebab itu kita seperti mana yang saya jelaskan tadi Takaful harus mempunyai *vision*, harus mempunyai wawasan iaitu bukan hanya untuk *capture niche markets* ataupun pasaran-pasaran tertentu sahaja iaitu orang-orang Islam di Malaysia yang jumlahnya pun hanya lebih kurang 10 atau 11 juta dan daripada 10 atau 11 juta itu yang *affordable* pun mungkin cuma beberapa *percent* sahaja dan yang mengambil di dalam perniagaan ini pun mungkin tidak begitu ramai. Tetapi mereka harus mempunyai satu *vision* untuk mengembangkan sistem ini kepada keseluruhan rakyat Malaysia.

Penjelasan terhadap faedah-faedah, perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi, perkara-perkara yang *noble*, perkara-perkara yang murni di dalam insurans Takaful ini yang sudah tentu menarik perhatian pelanggan-pelanggan rakyat Malaysia secara keseluruhan yang sudah tentu memberikan satu keselesaan kepada mereka maka sudah tentu *business* ini atau perniagaan ini akan lebih berkembang. Sebab itu kita harus membenarkan lebih banyak lesen kepada mereka yang berminat dalam bidang industri insurans Takaful ini.

Kita tidak harus menghalang walaupun kita perlu ada *screening* yang ketat untuk meluluskan terhadap lesen-lesen insurans Takaful. Tetapi ianya harus dikembangkan. Kita harus boleh membenarkan *side by side*, misalnya di dalam syarikat-syarikat saya percaya mungkin sudah berlaku tetapi boleh dikembangkan lagi, kepada syarikat-syarikat penanggung insurans yang telah terlibat dalam konvensional insurans ianya harus juga diberikan galakan *motivation* untuk mereka melibatkan diri di dalam pembiayaan di dalam insurans Takaful ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa ianya tidak harus dihadkan kepada rakyat Malaysia. Pembangunan sistem ini haruslah berkembang untuk memberikan suatu alternatif dan juga memberikan satu hebahan kepada semua rakyat, semua penduduk di dunia ini. *We have to expand* sehingga kalau boleh kitalah yang akan menjadi pemimpin di dalam bidang ini bukan sahaja di rantau ini tetapi juga di seluruh dunia dengan....

Dato' Firdaus bin Harun: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan skim Takaful ini di Malaysia sendiri pun masih lagi belum luas pelaksanaannya, setuju tidak pada pandangan Yang Berhormat bagi Kudat supaya satu kempen secara besar-besaran dijalankan oleh pihak Takaful di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di masjid-masjid, pertubuhan-pertubuhan khairat kematian, pertubuhan-pertubuhan NGO seperti pertubuhan peladang kawasan supaya dengan itu masyarakat luar bandar akan dapat didedahkan dan juga mendapat manfaat daripada skim perlindungan Takaful ini.

Tambahan pula sekarang ini Takaful ada skim perlindungan berkelompok yang bayarannya Cuma RM24 setahun iaitu kira-kira RM2 sebulan sedangkan perlindungan yang diberikan ialah jika berlaku kematian waris akan mendapat di antara RM1,000 ke RM2,000 bergantung pada umur, tinggal lagi tidak boleh lebih dari 75 tahun. Jadi, ini secara tidak langsung akan mengurangkan beban pengebumian bagi mereka di luar bandar khususnya mereka yang berpendapatan rendah. Sekarang ini kadang-kadang wakil rakyat terpaksa bantu sebab kita sedia maklum belanja pengebumian sekarang ini antara RM200 ke RM300 hendak beli kain kapan.

Jadi, dengan adanya perluasan skim Takaful ini kita ada lebih 5,000 masjid seluruh negara dengan itu bukan sahaja akan menanamkan kesedaran kepada masyarakat luar bandar tetapi juga dapat membantu waris yang tinggal supaya kehidupan mereka dapat diteruskan dengan baik dan tidak membebankan. Apa pandangan Yang Berhormat Kudat? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya, saya memang bersetuju. Sebab itu saya katakan tadi sebenarnya Takaful ini mereka harus *they must be out of their cocoon*, dengan izin. Mereka harus *innovative*, mereka harus kreatif untuk melihat apakah bidang-bidang yang mereka boleh terokai dan Yang Berhormat Rembau tadi telah menjelaskan ini satu *business opportunity* bagi mereka dan bukan hanya *business opportunity* bagi mereka tapi menjadikan satu penyelesaian kepada mereka yang terlibat.

Sebab itu saya katakan tadi kita mahu supaya syarikat-syarikat insurans tempatan sama ada Takaful ataupun insurans.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sudah mahu tutup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Mereka haruslah bersedia untuk bersaing bukan sahaja di negara ini malahan di luar negara. Dengan itu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong, lepas Tanjong pihak kerajaan menjawab.

12.30 tgh.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu dari Tuan Yang di-Pertua sama ada, ada apa produk insurans di mana saya boleh beli ya supaya tidak perlu tunggu tiga hari sebelum dapat berucap. Ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak adalah....

Tuan Chow Kon Yeow: Tidak ada ya, mungkin ini produk insurans yang baru...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...yang pertama, tunjukkan Yang Berhormat bersabar dan kedua, kira nasib baik juga akhirnya dapat berucap.

Tuan Chow Kon Yeow: Ya, ya, ya. Tidak perlu belilah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah beli.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Insurans tahun 1996 untuk mengadakan peruntukan pelesenan dan pengawalseliaan. Satu kelas perniagaan berlesen baru, dan satu kelas pemegang lesen baru yang berhubungan dengan perniagaan nasihat kewangan dan penasihat wakil kewangan masing-masing. Mengikut takrif perniagaan nasihat kewangan dalam Rang Undang-undang ini kita nampak tumpuan adalah berhubungan dengan produk insurans dan bukan perkhidmatan kewangan yang lain seperti 'mutual', trust fund, pelaburan saham-saham dan skim kewangan berlainan yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Pindaan ini sebenarnya sudah long overdue Tuan Yang di-Pertua, kerana sememangnya syarikat insurans dan ejen insurans sudah lama melakukan aktiviti nasihat kewangan seperti mana ditakrifkan dalam rang undang-undang dalam maksud perniagaan nasihat kewangan seperti menganalisis keperluan perancang kewangan seseorang yang berhubungan dengan produk insurans dan mengesyorkan produk insurans yang sesuai dan mengatur kontrak-kontrak berkenaan dengan produk insurans.

Perubahan yang amat besar dan ketara dalam pindaan ini, saya rasa di bahagian C dalam takrifan perniagaan nasihat kewangan iaitu mendapat produk insurans daripada penanggung insurans berlesen. Perubahan yang juga penting dan mempunyai impak adalah dalam Fasal 8 yang bertujuan untuk meminda Perenggan 4(b) untuk mengadakan

peruntukan bahawa hanya satu syarikat boleh menjadi pemohon lesen untuk menjalankan perniagaan nasihat kewangan dan sekarang Bank Negara diperuntukkan dalam Fasal 7 sebagai pihak berkuasa pelesenan. Apakah sebabnya Bank Negara dan Kementerian Kewangan ingin membawa perubahan kepada struktur dan peraturan sekarang yang mengawal operasi seorang ejen insurans. Apakah wajar bagi seorang penasihat kewangan diberikan kebebasan untuk mendapat produk insurans dari mana-mana penanggung insurans berlesen berbanding dengan keadaan sekarang di mana seorang penasihat kewangan ataupun ejen adalah terikat dengan sebuah penanggung insurans berlesen sahaja.

Walaupun ini satu langkah ke arah meliberalisasikan sektor insurans akan tetapi amat dikhuatiri kemampuan seseorang penasihat kewangan untuk mempunyai pengetahuan yang terkini tentang segala produk insurans yang sesuai dari kesemua penanggung insurans berlesen dalam pasaran Malaysia. Walaupun langkah ini akan membolehkan pembeli insurans dapat pilihan-pilihan yang amat luas sekali tetapi bolehkah kita dapat memastikan bahawa seorang penasihat kewangan mempunyai kemampuan untuk memperkenalkan produk-produk insurans dari setiap penanggung insurans berlesen dalam pasaran.

Pada masa sekarang seorang penasihat kewangan sudah mempunyai beban yang cukup berat kerana dalam satu-satu buah syarikat penanggung insurans sudah mempunyai pelbagai jenis produk insurans yang selalu diubah-ubahkan mengikut permintaan pasaran, soalnya apakah Bank Negara sebagai badan kawal selia mampu memantau bahawa setiap penasihat kewangan dapat menunaikan tanggungjawabnya untuk menganalisis keperluan perancangan kewangan seseorang dengan pelbagai jenis produk daripada pelbagai banyak, begitu banyak penanggung insurans berlesen. Apakah Bank Negara boleh memastikan penasihat kewangan dan wakilnya tidak mementingkan soal gaji, upah dan komisen apabila mengesyorkan produk insurans.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua dalam pindaan ini tidak langsung ada halangan bagi wakil penasihat kewangan atau syarikat nasihat kewangan untuk mengesyorkan produk insurans daripada penanggung insurans berlesen yang memberi komisen dan ganjaran yang terbaik sekali kepada mereka. Saya rasa Bank Negara tidak dapat memastikan kepentingan seorang pembeli akan selalu dapat dilindungi berbanding dengan kepentingan syarikat nasihat kewangan ataupun wakil penasihat kewangan. Soalnya bagaimana kita ingin menguatkuasakan peruntukan dalam pindaan dalam bahagian C yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 8 yang memperuntukkan bahawa hanya satu syarikat boleh menjadi pemohon lesen untuk menjalankan perniagaan nasihat kewangan. Saya ingin tahu apakah modal syer berbayar yang minimum yang akan ditetapkan dan apakah syarat-syarat ke atas lesen yang dimaksudkan dalam Fasal 9. Apakah Bank Negara akan menetapkan kelayakan akademik dalam bidang financial planning ataupun kursus-kursus yang ada kaitan dengan insurans sebagai prasyarat bagi syarikat untuk mendapat lesen.

Sepanjang dua tiga hari ini kita sudah dengar pelbagai kepincangan dan kekurangan dalam aspek ini, jadi saya ingin kementerian memaklumkan kepada Dewan ini, apakah kelayakan dan prasyarat bagi syarikat untuk mendapat lesen berkenaan? Apakah Bank Negara bercadang untuk menghadkan bilangan syarikat yang akan diberikan lesen ini? Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tanya soalan ini saya rasa saya sebenarnya tidak bercadang bahawa Bank Negara menghadkan bilangan syarikat yang akan diberikan lesen sejajar dengan hasrat untuk mengembangkan industri insurans yang masih mempunyai ruang yang amat luas untuk berkembang dan mencapai peratusan yang lebih tinggi bagi rakyat dapat perlindungan oleh polisi-polisi insurans di mana kita mendapati satu kedudukan yang masih rendah kadar perlindungan insurans hayat di Malaysia iaitu sebanyak 27% sahaja berbanding dengan 90% yang diujarkan oleh Yang Berhormat Kudat kelmarin.

Sementara negara-negara maju telah menggunakan sektor insurans sebagai satu sumber dana pada jangka panjang yang utama. Negara Malaysia masih belum dapat mencapai potensi penuh sektor insurans sebagai satu dana pelaburan masa depan yang

stabil. Apakah dasar yang akan diamalkan oleh Bank Negara dalam melaksanakan perniagaan nasihat kewangan berhubung dengan ekuiti dan penglibatan orang asing dan sebagainya? Kita sudah tahu bahawa Bank Negara *dalam financial master plan* selepas krisis kewangan telah mula mengehadkan ekuiti dan penglibatan orang asing dalam sektor insurans, jadi dalam bidang yang baru ini iaitu perniagaan nasihat kewangan, apakah soal ekuiti dan penglibatan orang asing ini juga diberi perhatian dan saya berharap kementerian bolehlah memberi penjelasan tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 23 dalam pindaan ini bertujuan untuk meminda subseksyen 150 perenggan 4(c) untuk melarang seorang penasihat kewangan berlesen atau wakil penasihat kewangan daripada mendorong seseorang membuat sesuatu kontrak insurans dengan cara yang tidak wajar.

Jadi saya ingin kementerian menjelaskan apakah takrif-takrif yang tidak wajar ini sebenarnya bermakna? Dan jika berlaku kesalahan ini oleh wakil tanpa pengetahuan syarikat penasihat yang melantik wakil itu.

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Tuan Chow Kon Keow: Pihak yang mana di antara penasihat kewangan berlesen dan wakil penasihat kewangan yang perlu bertanggungjawab dari segi undang-undang.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, saya ingin bertanya Yang Berhormat Tanjong, rakan saya. Tentang ada satu kes adakah dia bersetuju tentang ejen penasihat kewangan dalam insurans bahawa ada satu kes iaitu ejen telah mengisi borang tanpa diketahui oleh pemegang polisi, tentang *trustee*. Kadang-kadang itu perbankan polisi tidak tahu apa berlaku jika ianya berlaku kematian keluarga atau menghadapi masalah. Sebab itu *trustee* tanpa diketahui oleh pemegang polisi di isikan oleh ejen - taruh nama dia..

Ini berlaku ada satu kes yang telah dikemukakan kepada Bank Negara, khususnya untuk mengambil tindakan terhadap ejen ini yang tidak bertanggungjawab. Adakah bersetuju bahawa semua polisi *holder* harus diketahui bahawa *trustee* itu ada di dalam nama mereka yang dikehendaki atau di dalam nama ejen. Sebab ini kalau berlaku kematian polisi *holder*, keluarganya akan menghadapi satu masalah yang mungkin tidak diingini. Kadang-kadang *trustee* tidak bertanggungjawab memberi balik wang yang di tuntut oleh polisi *holder*, keluarganya. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Bank Negara harus memberi arahan kepada semua insurans bahawa polisi *holder* diketahui apakah *trustee* dipenuhi dengan kemahuan beliau, terima kasih.

Tuan Chow Kon Keow: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Tuan Yang di-Pertua inilah satu contoh di mana *fraud* berlaku dalam proses membeli dan menjual insurans dan menikmati faedah selepas seseorang ingin membuat tuntutan terhadap insurans yang mereka berikan. Saya berharap dalam contoh ini saya rasa memang ada sindiket-sindiket tertentu yang melakukan *fraud* yang sedemikian yang kemungkinan tidak akan menyebabkan kerugian bagi pihak menanggung insurans tetapi sebaliknya akan menjejaskan pewaris-pewaris yang memegang satu-satu polisi insurans yang pada akhirnya selepas 10, 20 tahun membayar premium yang begitu tinggi tetapi akhirnya pewaris mereka tidak menikmati faedah dari polisi insurans yang mereka berikan.

Saya berharap perkara ini akan dapat di beri perhatian yang serius oleh Bank Negara supaya sindiket-sindiket yang melakukan *fraud* ini dapat di kesan dan mengambil langkah-langkah seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang supaya mengelakkan pada akhirnya pewaris pemegang polisi tidak dapat menikmati faedah. Tuan Yang di-Pertua Fasal 19 memasukkan sub seksyen baru 1(a) ke dalam Seksyen 70 untuk mengehendaki seseorang penasihat kewangan berlesen mendapat kelulusan Bank Negara sebelum melantik seorang wakil penasihat kewangan. Apakah dasar dan peraturan yang akan digunakan untuk melantik wakil penasihat kewangan iaitu seperti juga saya hujahkan tadi berhubung dengan syarikat sekarang adalah berkenaan dengan wakil yang boleh dilantik oleh syarikat yang mendapat lesen itu.

Apakah dari segi kelayakan akademik dan juga kelulusan dalam peperiksaan insurans yang akan dikendalikan oleh Bank Negara ataupun *Malaysian Institute of Insurance* dan lain-lain badan insurans yang bertauliah. Apakah kelayakan dasar yang

akan diamalkan oleh Bank Negara berhubung dengan pelantikan wakil penasihat kewangan oleh syarikat yang memegang lesen. Tuan Yang di-Pertua selepas kelulusan Rang Undang-undang ini pindaan kepada Akta Insurans, Bank Negara sebagai badan kawal selia haruslah memastikan dasar-dasar yang baik dibentuk dan industri insurans diberikan segala galakan untuk terus berkembang. Kita sedar bahawa institusi insurans tempatan masih ketinggalan berbanding dengan institusi insurans pegangan asing dari segi kecekapan, inovasi dan khidmat pelanggan.

Selepas kegawatan kewangan tahun 1997, 1998 yang dahulu ramai tertanya-tanya soalan sama ada industri insurans kukuh dari segi kewangannya ataupun *Insurance Industry financially sound*, dengan izin. Pada masa itu 15 penanggung insurans didapati tidak boleh memenuhi *minimum solvency requirements* dan ini bukan tanda-tanda kekuatan yang boleh memberi keyakinan kepada kita supaya industri insurans kita menuju ke ekonomi global kelak. Kita mengakui bahawa industri insurans telah dilindungi oleh kerajaan daripada persaingan terbuka dan ini telah menyebabkan kita ketinggalan dari segi kecekapan tahap pengeluaran *public image* yang buruk dan kurang dalam *technical expertise* kerana wang yang dibelanjakan untuk pembangunan kemahiran dan sumber manusia di dalam bidang ini amatlah berkurangan.

Dalam soal kecekapan sudah didapati dalam kajian bahawa syarikat penanggung insurans tempatan memikul kadar komisen yang 5% lebih tinggi daripada syarikat asing, manakala kadar perbelanjaan juga lebih tinggi iaitu 45% berbanding dengan 31%. Kos ini amat penting Tuan Yang di-Pertua, sebab ini akan mempengaruhi prestasi sesebuah syarikat dan prestasi ini akan mempengaruhi pula faedah atau bonus, ganjaran dan sebagainya yang akan diberikan kepada pemegang polisi insurans dalam bentuk bonus dan ganjaran. Jadi kos operasi didapati terlalu tinggi bagi syarikat-syarikat insurans tempatan berbanding dengan syarikat-syarikat pegangan asing.

Dalam soal produktiviti pun nampak kita ketinggalan walaupun syarikat pegangan asing ini beroperasi dalam satu suasana yang mempunyai perlindungan kepada syarikat tempatan di mana syarikat pegangan asing ini perlu menghadapi dengan pelbagai sekatan-sekatan dari segi bagaimana mereka menguruskan *investment portfolio* mereka dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua ada syarikat asing yang mengadu bahawa sekatan *investment management* oleh Bank Negara telah menyebabkan mereka tidak dapat mengisytiharkan bonus yang lebih tinggi kepada pemegang polisi mereka.

Untuk memberi faedah yang lebih banyak kepada pemegang polisi saya menggesa Bank Negara membuat pemantauan yang rapi terhadap semua syarikat insurans sama ada pegangan tempatan ataupun pegangan asing atas soal kos *operation* dan juga *financial risks management* bagi meningkatkan pulangan pelaburan syarikat-syarikat ini dan seterusnya kepada pemegang-pemegang polisi yang menjadi harapan kepada semua pemegang polisi adalah supaya mendapat bonus dan ganjaran yang lebih tinggi berbanding dengan melaburkan wang dalam *fixed deposit* bank.

Ini soal *cost of operation* dan *financial risk management* ini perlulah diberi pemantauan yang rapi. Juga perhatian haruslah diberikan kepada *Human Resources Development* dalam sektor ini di mana kita pun mendengar bagaimana *actuarol science* dan sebagainya dapat membantu dalam membentuk polisi-polisi insurans yang lebih dapat memenuhi hasrat dan cita rasa pemegang polisi dan juga menggunakan ICT dengan lebih banyaknya dalam sektor ini supaya dapat memajukan sektor ini.

Saya dapati dalam pengamatan saya dalam beberapa tahun ini memanglah penggunaan ICT dalam sektor ini sudah pun rancak digalakkan dan saya dapati ramai agen insurans pun selalunya menggunakan *laptop* di *Starbucks*, di *McDonalds* pun untuk menjalankan perniagaan mereka dan dengan menekan satu *button* sahaja mereka dapat segala maklumat tentang premium yang perlu dibayar dan sebagainya.

Ini satu perkembangan yang sihat dan haruslah digalakkan dan juga saya berharap Bank Negara dalam soal *good governance* atau urus tadbir yang baik dalam sektor insurans ini dapat memberi perhatian kepada peranan yang boleh dimainkan oleh *audit committee* yang haruslah memantau segala kepincangan yang kita dengar dalam dua, tiga hari ini yang wujud dalam sektor insurans.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa Bank Negara haruslah mengambil tindakan-tindakan yang lebih tegas untuk melaksanakan rancangan penggabungan syarikat-syarikat insurans untuk menjadikan mereka entiti perniagaan yang lebih mantap dan kukuh bagi menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi dalam sektor kewangan.

Saya ingin Kementerian memaklumkan kepada Dewan ini apakah status terkini berkenaan dengan rancangan gabungan syarikat-syarikat insurans. Sejauh manakah syarikat-syarikat ini sudah pun digabungkan dan mengenai dengan syarikat-syarikat yang mempunyai pegangan asing. Apakah mereka sudah pun mengambil langkah-langkah untuk *operate*, menjadikan ekuiti ini membayangkan dasar yang ditetapkan oleh Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah pun mendengar pelbagai insurans *fraud* yang berlaku melalui ucapan dan pandangan ramai ahli di dalam Dewan ini yang selalunya satu cara yang senang yang diambil oleh syarikat insurans adalah menghadapi masalah ini dengan menaikkan premium polisi-polisi insurans.

Walaupun dalam polisi yang disetujui 5 ataupun 10 tahun yang dahulu tetapi mempunyai *fine print* yang menggunakan *font* yang begitu kecil sekali mungkin 5.0 ataupun 4.0 *font* yang mengandungi perkara-perkara yang membenarkan syarikat-syarikat insurans mengenakan premium yang lebih tinggi untuk mengatasi kerugian-kerugian ataupun perubahan dalam situasi terkini dan juga untuk menangani masalah *fraud* yang merugikan syarikat-syarikat insurans.

Saya berharap Bank Negara dapat mengadakan kajian untuk menentukan syarikat-syarikat insurans atas soal premium ini dapat membayangkan ataupun dapat memberikan perlindungan yang adil kepada semua pemegang polisi (*policy holders*) dan bukan semata-mata untuk menjaga syarikat-syarikat insurans sahaja. Kita haruslah berharap juga Bank Negara dapat melihat dan memantau dari segi sama ada syarikat-syarikat insurans dapat *comply* dengan dasar ataupun peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara dan juga dapat memperkemarkan lagi *regulatory functions* terhadap *insurance companies*.

Saya berharap satu kajian boleh dibuat atas soal premium di mana premium selalunya dipengaruhi oleh tiga faktor yang penting yang selalunya berubah-ubah iaitu *mortality rate*, *management expenses* iaitu *cost of operation* dan juga *interest factor* di mana saya katakan tadi *investment risk* daripada pelaburan yang dibuat oleh syarikat insurans. Dalam pindaan ini Tuan Yang di-Pertua, akhirnya satu perkara yang melibatkan produk insurans yang boleh dijual oleh wakil perniagaan nasihat kewangan adalah selalunya berhubung dengan produk-produk yang baru.

Saya berharap dalam perkara ini apakah pendirian Bank Negara, sama ada syarikat-syarikat insurans yang ingin memperkenalkan produk-produk insurans perlu mendapat persetujuan oleh Bank Negara. Sebab memangnya dalam setiap hari, setiap minggu, setiap bulan pun ada produk-produk insurans yang baru yang diperkenalkan oleh penanggung insurans untuk menghadapi persaingan dengan lain-lain syarikat.

Perkara mengenai produk insurans yang baru iaitu yang diheboh-hebohkan satu, dua tahun ini adalah berhubung dengan *the National Health Insurance Scheme*. Saya ingin tahu apakah peranan Bank Negara dalam perkara ini. Kita selalu mendengar kajian sedang dibuat oleh Kementerian Kesihatan sahaja. Apakah peranan sebenarnya boleh dimainkan oleh Bank Negara supaya dapat mengubah satu Skim Insurans Kesihatan dan Perubatan Kebangsaan ini dengan dapat menjaga kepentingan seluruh rakyat khususnya golongan-golongan yang berpendapatan rendah.

Setakat ini kita tidak mendengar *details* mengenai Skim Insurans Kebangsaan in. Saya berharap memandangkan ada gabungan NGO-NGO yang sudah pun membuat bantahan yang begitu hebat. Kita ingin mendengar apakah peranan ataupun setakat ini apakah yang dilakukan oleh Bank Negara untuk memantau *the National Health Insurance Scheme*. Saya juga berharaplah Kementerian juga dapat memaklumkan kepada Dewan ini apakah *Insurance Mediation Bureau* ini dapat memainkan peranannya untuk *mediate* masalah-masalah yang timbul berhubung dengan pemegang polisi dengan syarikat-syarikat

insurans, contoh-contoh *fraud* yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang tadi dan lain-lain.

Saya berharaplah dengan perkara-perkara yang saya sentuh ini mendapat perhatian daripada Kementerian dan Bank Negara. Dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

12.59 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda Akta Insurans 1996.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan ke atas Akta ini adalah untuk memperkenalkan Penasihat Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, jawapan Yang Berhormat tentu akan panjang sedikit jadi saya cadangkan boleh mula pada 2.30 petang.

Dato' Seri Dr Hilmi bin Yahaya: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat pihak Menteri Kewangan sila sambung jawapan.

2.30 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan Akta Insurans 1996 yang dipinda kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan ke atas akta ini adalah untuk memperkenalkan penasihat kewangan ataupun *financial adviser* sebagai suatu kelas pemegang lesen yang baru di sektor insurans sebagai selaras dengan saranan di bawah pelan induk sektor kewangan, dan menyediakan suatu rangka kerja perundangan yang komprehensif dan kukuh bagi membolehkan Bank Negara Malaysia berlesen dan mengawal selia penasihat kewangan yang akan memberi nasihat mengenai produk-produk insurans.

Tuan Yang di-Pertua, penasihat kewangan merupakan pegawai profesional yang berkecualan, yang berupaya memberi perkhidmatan nasihat kewangan berhubung pelbagai jenis produk kewangan termasuk polisi insurans dan Takaful, Unit Amanah, bon, saham dan sebagainya daripada pelbagai pembekal produk. Perkhidmatan penasihat kewangan yang disediakan oleh penasihat kewangan termasuklah menganalisis keperluan perancangan kewangan seseorang berhubung dengan produk insurans, mengesyorkan produk insurans yang sesuai, mendapatkan produk insurans daripada penanggung insurans berlesen dan mengatur kontrak-kontrak berkenaan dengan produk insurans.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor menyoalkan mengenai taksiran *financial advisor*. Adakah ia termasuk peguam, memandangkan mereka juga memberi khidmat nasihat kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 9 Akta Insurans 1996 memperkenalkan subseksyen 3 yang memperuntukkan bahawa perenggan 1(d) tidak terpakai bagi seseorang peguam bela dan peguam cara atau akauntan yang menjalankan perniagaan itu semata-mata bersampingan dengan amalan profesionnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong mencadangkan supaya mengkaji semula konsep *uberrimae fidei*. Tuan Yang di-Pertua *uberrimae fidei* meletakkan tanggungjawab ke atas kedua-dua pihak, penanggung insurans dan pemegang polisi. Ini adalah satu *duty of utmost good faith*, dengan izin, yang bermaksud kedua-dua pihak mestilah mendedahkan kepada satu sama yang lain apa-apa maklumat yang relevan, yang boleh memberi kesan kepada kontrak insurans tersebut. Dengan ini, penanggung insurans akan mengetahui risiko yang ditanggung olehnya dan pemegang-pemegang polisi pula akan mengetahui apakah risikonya yang ditanggung di bawah polisi. Ini adalah prinsip asas insurans yang diterima pakai dalam konteks antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong juga bertanya apakah yang telah terjadi kepada dana insurans yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia, kerana sehingga kini jumlah pampasan masih lagi tidak diselesaikan kepada pemegang polisi di mana syarikat insurans tersebut telah pun gulung tikar. Setakat ini, tiga syarikat insurans telah gulung tikar Tuan Yang di-Pertua.

Menurut Seksyen 173(1) Akta Insurans 1996, Bank Negara Malaysia telah pun menubuhkan dan menyelenggarakan Kumpulan Wang Skim Pinjaman Insurans bagi tujuan memenuhi sebahagian daripada liabiliti mana-mana penanggung insurans yang tidak *solvent*. Ini adalah untuk memastikan pemegang polisi dan penuntut insurans mendapat pampasan yang sewajarnya. Dalam hubungan ini, sehingga akhir tahun 2004, bayaran sebanyak RM217.7 juta telah dibuat daripada skim pinjaman tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong juga bertanya mengapakah pembayaran kepada pemegang polisi mengambil jangka masa yang panjang? Tuan Yang di-Pertua, kelewatan dalam pembayaran pampasan daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans untuk beberapa tuntutan disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) penerima pampasan tidak mengemukakan dokumen-dokumen yang lengkap kepada penglikuidasi atau *liquidator* dengan izin;
- (ii) kes tuntutan sedang dalam proses perbicaraan;
- (iii) pihak yang membuat tuntutan masih belum menerima tawaran penyelesaian tuntutan yang dibuat oleh pihak *liquidator* ;
- (iv) penerima pampasan tidak dapat dikesan.

Setakat April 2005 Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada 95% daripada penuntut insurans yang layak telah menerima pampasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat mohon penjelasan bahawa pindaan ini merujuk kepada insurans dan merujuk juga kepada penasihat kewangan dan seboleh-bolehnya untuk memasukkan pindaan yang sama ke dalam Akta Takaful bagi umat Islam memilih produk Takaful.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia bercadang untuk meminda Akta Takaful 1984 untuk memperkenalkan penasihat kewangan yang memberi nasihat berkaitan dengan produk Takaful. Pindaan Akta Takaful dijangka dibentangkan oleh pihak kerajaan dalam Parlimen pada tahun hadapan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Pasir Mas dan juga Jerai.....

Dato' Razali bin Ismail: [Bangun]

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua orang bangun.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya, sila.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi telah disebut oleh *business financial adviser* ataupun *financial advisory*. Saya hendak sedikit penjelasan

daripada Yang Berhormat tentang tahap profesionalisme *financial adviser* ini. Apakah status profesionalismenya, apakah kod etikanya, sebab banyak juga dibincangkan dari segi integriti dan dari segi adab susila *financial adviser* kalau boleh diterangkan, tentang profesionalisme mereka ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, selepas akta ini diluluskan, maka pihak Bank Negara akan mengeluarkan satu *guideline* tentang tahap profesionalisme oleh penasihat-penasihat kewangan ini. Itu akan dikeluarkan mungkin dalam hujung tahun ini ataupun awal tahun depan akan dikeluarkan. Maka, *guidelines* ini akan digunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [Bangun]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa peguam atau akauntan yang membuat amalan ataupun praktisnya tidak boleh digelar sebagai penasihat kewangan dan ini adalah dari segi konsep awalannya, telah membuat satu *outline* yang begitu jelas.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi, setakat manakah profesionalisme yang akan diterapkan dalam ini? Saya rasa Kementerian Kewangan sepatutnya ada satu kerangka.

Kalau tidak kita hendak meminda akta ini tanpa mempunyai konsep kawalan definisi penasihat kewangan itu adalah satu perkara yang amat bahaya sebab kita khawatir nanti bila sudah diluluskan apa yang kita harap-harapkan, *expectation* kita itu berlainan dengan apa yang kita luluskan. Apa yang kita hendak lihat adalah profesionalisme dan mereka yang hanya layak dan adakah pihak kementerian apabila mendaftar mereka memberi lesen kepada mereka ini memerlukan satu penubuhan, misal sebagai *governing body* untuk mengawal mereka yang betul-betul layak. Apakah syarat minimum? Saya rasa dari segi konsep awalannya perlu kita ada sebelum kita pergi lebih mendalam. Kalau tidak ia akan disalahgunakan oleh syarikat insurans demi kepentingan mereka sendiri untuk mendapatkan keuntungan yang lebih. Minta penjelasan, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, awal tadi saya sebut bahawa peguam ataupun akauntan sama ada boleh atau tidak menjadi penasihat kewangan, jadi wakil kepada penasihat kewangan sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua. Penasihat kewangan adalah syarikat badan korporat tetapi yang menjalankan kerja ini adalah wakil penasihat kewangan, jadi yang menjadi anggotanya ataupun yang bekerja pada syarikat ini adalah disebut sebagai wakil-wakil. Mereka ni kalau peguam pun boleh ataupun akauntan boleh tetapi syaratnya dia mestilah *fulltime*, dia tidak boleh buat sebagai sampingan sebab dia terpaksa menjalani juga kursus-kursus yang akan dibuat. Kelulusan minimum SPM tetapi ada juga kursus-kursus yang terpaksa mereka jalani dan lulus sebelum boleh gelar mereka sebagai wakil kepada penasihat kewangan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ekoran daripada Kuala Terengganu dan Ayer Hitam tentang *financial adviser* dan kelayakannya tetapi satu lagi masalah yang agak berkaitan dengan itu yang saya hadapi beberapa hari yang lalu, misalnya surat daripada seorang pegawai bank yang menamakan diri beliau *Unit Trust Consultant*. Ini satu lagi istilah. Adakah kerajaan ingin mengarahkan Bank Negara supaya semua institusi-institusi kewangan ini mendapat kelulusan daripada Bank Negara dalam memberikan nama jawatan-jawatan untuk pegawai-pegawai mereka. Kalau tidak setiap kali jawatan-jawatan baru dinamakan, tiap-tiap kali kita kena pinda undang-undang supaya jawatan tersebut tidak mengelirukan pelanggan-pelanggan dengan istilah-istilah dan nama-nama yang bunyinya hebat itu. Adakah termasuk dalam rancangan kementerian untuk melakukan sesuatu seperti itu?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini memang akan ada kawalan yang ketat ke atas syarikat-syarikat penasihat kewangan ini termasuklah melantik pegawai, melantik agen mereka iaitu wakil-wakil penasihat, sehingga hendak

mengubah Lembaga Pengarah pun mestilah mendapat kelulusan daripada Bank Negara sebelum apa-apa perubahan dibuat. Jadi, saya ingat tidak timbul masalah penyelewengan pada masa akan datang.

Dato' Firdaus bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, difahamkan PNB Institut (Permodalan Nasional Berhad Institut) ada menganjurkan kursus yang dipanggil *Certified Financial Planner* (CFP) untuk konsultan dalam bidang saham amanah. Jadi, soalan saya, saya minta penjelasan, adakah mereka yang lulus CFP ini juga layak menjadi wakil penasihat kewangan di bawah Akta ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kursus yang dijalankan oleh PNB ini selepas kelulusan undang-undang ini maka semua kursus yang hendak dijalankan berkenaan dengan *financial adviser* ini hendaklah mendapat kelulusan daripada Bank Negara dahulu. Apa yang saya hendak sebut di sini bahawa adalah kawalan akan menjadi cukup ketat supaya kita dapat menyelia keseluruhan industri ini.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas dan Yang Berhormat bagi Jerai, tentang membuat sesuatu keputusan bagi mengenal pasti sama ada undang-undang insurans itu mengikut syariah atau tidak. Tuan Yang di-Pertua, orang ramai diberi pilihan sama ada ingin membeli perlindungan insurans konvensional ataupun mendapatkan perlindungan takaful mengikut syariah. Bagi mereka yang beragama Islam, mereka juga mempunyai pilihan untuk membeli produk takaful. Buat masa ini, Rang Undang-undang Insurans Pindaan 2005 ialah berkaitan dengan insurans konvensional dan seperti yang saya sebut tadi mungkin pada tahun hadapan, insya-Allah, kita akan bentangkan pindaan tentang Rang Undang-undang Takaful.

Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, kerajaan patut mengkaji semula polisi insurans di Malaysia, jika rakyat hanya membuta tuli menandatangani polisi insurans ataupun mendapat pampasan yang lewat maka ini akan dikenali sebagai satu penipuan. Oleh itu, dalam Islam ia dianggap sebagai '*gharar*' dan tidak sesuai dengan pembangunan insurans di Malaysia dan tidak mencerminkan masyarakat Islam Hadhari.

Tuan Yang di-Pertua, pemegang polisi boleh melaporkan penipuan kepada Bank Negara dan tindakan boleh diambil ke atas agen insurans yang memaksa seseorang menandatangani polisi insurans tanpa memberi penjelasan yang sewajarnya. Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan langkah-langkah untuk meningkatkan profesionalisme agen insurans serta menjalankan program pendidikan pengguna untuk perbaiki tahap kesedaran pengguna mengenai insurans. Dan agen insurans dikehendaki mendapatkan maklumat yang cukup mengenai bakal pemegang polisi sebelum memberikan nasihat yang wajar mengenai sesuatu produk insurans hayati di bawah garis panduan mengenai amalan nasihat wajar bagi perniagaan insurans hayati ataupun *guidelines on proper advice practices for life insurance business* yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Yang Berhormat bagi Setiu, bertanya siapakah yang bertanggungjawab untuk memberi kefahaman mengenai perkara-perkara berkaitan dengan insurans, contohnya insurans kemalangan, insurans motor dan sebagainya kepada orang ramai. Tuan Yang di-Pertua, program pendidikan pengguna bagi sektor

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Saya ada satu perkara yang hendak saya persoalkan di sini ialah tentang polisi insurans yang ditandatangani oleh mereka yang tidak mengetahui atau tidak boleh menguasai bahasa Inggeris. Apakah boleh pihak kerajaan menetapkan supaya pihak insurans ini sewaktu mereka yang menandatangani ini disaksikan oleh orang-orang yang bertanggungjawab seperti *justice office*, majistret ataupun Pesuruhjaya Sumpah bagi memberi kepercayaan yang telus kepada mereka yang mengambil insurans polisi ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kemudian sedikit ada jawapan ke atas soalan ini. Yang Berhormat bagi Setiu, tentang kefahaman tadi mengenai perkara-perkara insurans. Program pendidikan pengguna bagi sektor insurans dan takaful telah dilancarkan pada bulan Ogos 2003 dan dikenali sebagai *info insurans*. *Info insurans*

adalah program 10 tahun yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pengguna mengenai hal-hal insurans dan takaful serta hak dan tanggungjawab pemegang polisi sebagai pengguna. Dengan kesedaran ini juga adalah dijangkakan bahawa pengguna akan berupaya membuat keputusan pembelian yang lebih tepat.

Setakat bulan Jun 2005, *info* insurans telah mengeluarkan 17 buku kecil. Saya ada contoh di sini. *[Menunjukkan buku kecil yang dimaksudkan]* Dalam ini ada banyak buku kecil yang dikeluarkan untuk pelbagai produk insurans yang terdapat di pasaran dan penerangan lanjut mengenai maklumat asas insurans dan takaful dan pentingnya membuat penamaan. Buku-buku tersebut boleh didapati dalam 4 bahasa iaitu bahasa Malaysia, Inggeris, Mandarin dan Tamil. Selain dari buku kecil, *info* insurans juga mengenalkan risalah-risalah mengenai isu-isu pengguna yang melibatkan polisi motor, nyawa dan kecurian kereta dan kemalangan.

Info insurans juga mempunyai sebuah *website* di mana pengguna boleh mendapati segala maklumat yang dikeluarkan oleh info insurans serta membuat pertanyaan mengenai insurans dan takaful. Selain daripada *website* tersebut, buku-buku kecil dan risalah info insurans boleh didapati daripada cawangan syarikat insurans dan takaful cawangan-cawangan Bank Negara Malaysia, cawangan bank-bank komersial yang menjual produk insurans dan biro pengantaraan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tumpat bertanya adakah dalam perniagaan yang melibatkan penjualan insurans orang ramai ataupun pelanggan dapat melihat semula polisi tersebut dan boleh mengembalikan polisi jika pelanggan tidak bersetuju dengan perlindungan yang diberikan. Yang ini sebagai jawapan kepada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tadi. Pemegang polisi diberi tempoh selama 15 hari daripada tarikh polisi insurans hayat dan polisi kesihatan dan juga polisi kesihatan yang dikeluarkan. Untuk mengembalikan polisi tersebut, sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan polisi yang mereka beli, jumlah premium yang dibayar oleh pemegang polisi akan dipulangkan oleh syarikat insurans sebaik sahaja pemegang polisi mengembalikan polisi insurans. Bermakna, pembeli insurans tadi ada 15 hari untuk hendak melihat semula dan kalau tidak puas hati dipulangkan sijil itu dan dia akan dapat bayaran balik premium beliau semula.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kalabakan, Jerai, Pasir Puteh, Puchong, Kelana Jaya, dan juga Kudat bertanya apakah tindakan yang patut diambil berhubung dengan *write-off* di bawah insurans komprehensif, contohnya diinsuranskan sebanyak RM60 ribu, tetapi apabila *write-off* hanya mendapat RM12 ribu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, polisi insurans motor adalah berdasarkan prinsip *indemnity*, iaitu pampasan insurans harus mengembalikan sebaik mungkin kedudukan pemilik polisi pada kedudukan sebelum kecelakaan jalan raya berkenaan yang berlaku. Pemilik polisi tidak boleh meraih sebarang keuntungan daripada membuat tuntutan insurans. Maka, Tuan Yang di-Pertua pampasan dalam kes *write-off* atau lebih dikenali sebagai *total lost* bagi perlindungan komprehensif adalah harga pasaran kenderaan berkenaan iaitu harga untuk membeli kenderaan bagi modal dan usia yang sama, tertakluk kepada nilai yang diinsuranskan.

Oleh itu, pemilik kenderaan dengan nilai pasaran RM12 ribu tidak akan menerima RM60 ribu, nilai yang diinsuranskan. Kerana beliau tidak akan dapat menerima RM60 ribu sekiranya kenderaan berkenaan dijual. Pemilik kenderaan tidak harus terlebih insuranskan ataupun *over insured* kenderaan mereka kerana penanggung insurans hanya akan membayar harga pasaran kenderaan dalam kes *total lost*. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong, Jerai dan Kudat...

Tuan Haji Fadillah bin [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Petrajaya bangun.

Tuan Haji Fadillah bin [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Jadi dalam konteks insurans kenderaan, dikatakan tadi adalah berasaskan kepada konsep *indemnity*. Jadi, kalau kita hendak mengambil insurans dalam keadaan biasa ialah kalau kita membeli kenderaan dan mendapat pinjaman daripada pihak institusi kewangan, jadi mereka menghendakkan kita menginsuredkan pada *value* pada masa kita mengambil *hire purchase*. Jadi dalam,

konteks *indemnity* ini kalau kita berasaskan nilai pasaran pada waktu tersebut dan kehendak institusi kewangan untuk kita menginsuranskan kereta kita berasaskan kadar harga pada waktu itu. Misal kata, kalau kita mengambil pinjaman pada waktu itu RM60 ribu, kita mestilah menginsuranskan kereta kita pada kadar RM60 ribu dan *total loss* berlaku dua tahun kemudian.

Jadi, pada masa itu keperluan *hire purchase* ialah RM60 ribu, jadi adakah wujudnya keadilan kepada pengguna di mana mereka dikehendaki menginsuranskan kereta seperti mana keperluan institusi kewangan tetapi dibayar pada harga yang lebih rendah. Itu yang permasalahan yang kita bangkitkan dalam dua hari ini. Jadi, mohon penjelasan bagaimana kita dapat menangani konflik antara keperluan kewangan dan juga kadar bayaran yang mana kerugian ditanggung oleh pihak pengguna. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membeli sebuah kereta baru, memanglah harga itu yang akan diinsuranskan adalah harga yang kita beli, tetapi biasanya harga kereta dia akan menurun, ada *descend* dalam lingkungan 20% setiap tahun. Setiap tahun kita akan *renew*, memperbaharui insurans kereta dan pada masa itu, terpulang kepada pembeli itu sendiri hendak berapa banyak yang hendak diinsuranskan. Kalau dia turun 20%, maknanya dia akan *insured*kan setakat kurang daripada harga asal. Katakan, harga RM100 ribu, akhir tahun pertama tinggal RM80 ribu harga dia. Maka, pihak tuan punya kereta janganlah dia insuranskan keretanya pada tahap RM100 ribu juga. Tentulah pada tahap paling maksimum RM80 ribu harga dia. Seterusnya. Jadi, kalau *indemnity* maknanya maksudnya pada masa itu harga nilai kereta itu berapa, maka dia akan dibayar balik oleh pihak syarikat insurans, sebanyak itu. Tidak lebih, maknanya dia tidak akan mendapat keuntungan daripada insurans yang telah pun diambil oleh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Markiman bin Kobiran: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin sedikit menyambung permohonan untuk penjelasan oleh Yang Berhormat bagi Petrajaya. Kalau dalam hal yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, berkenaan dengan selepas berbulan-bulan atau hampir setahun polisi itu berkuat kuasa dan berlaku *total loss* berkenaan kenderaan tersebut. Saya yakin bahawa selepas daripada setahun mungkin nilai pasaran berkurangan pada kadar 15%-20%. Tetapi ada insiden di mana *total loss* itu berlaku dalam masa seminggu, atau dalam masa kurang daripada sebulan selepas premium itu dibayar, polisi itu dikeluarkan dan kaedah 20% itu masih digunakan oleh syarikat insurans. Adakah ini adil kalau dari segi konsep *indemnity* yang kita katakan tadi. Saya percaya ada satu kaedah lain yang boleh digunakan bagi menentukan jumlah pampasan itu sebenarnya jumlah pampasan yang menggambarkan nilai pasaran kereta itu atau nilai pasaran untuk menentukan premium ketika kereta itu diinsuranskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal untuk menilai kerosakan yang berlaku, *total loss* ataupun *partial loss* dan sebagainya, ini syarikat insurans akan menggunakan khidmat *adjuster* Tuan Yang di-Pertua. Maka *adjuster* inilah yang akan buat penilaian dan setelah mereka adakan kriteria mereka sendiri untuk hendak menilai berapa yang perlu dibayar ke atas kereta ini. Ini ada kadar-kadar yang telah ditentukan, ini saya tidak dapat terang dengan lebih terperinci dalam perkara ini. Pihak syarikat insurans menggunakan *adjuster* dia. *Adjuster* ini adalah satu syarikat yang *independent*, yang bebas yang dilantik oleh syarikat insurans.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Berkaitan dengan *adjuster* ini. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan syarikat yang mengendalikan yang disebutkan *adjuster* tadi. Ini pengalaman apa yang berlaku terhadap saya sendiri. *Adjuster* ini kalau kita tidak mempunyai rangkaian, pertama sekali *workshop* yang akan membaiki kereta kita itu, kalau dia tidak ada *contact* ataupun hubungan peribadi (*personnel contact*) dengan pihak *adjuster*, didapati kadang-kadang beberapa bulan baru *adjuster* itu mari lihat kerosakan

kenderaan kita. Kalau kebetulan *workshop* tersebut ia mempunyai *personal contact* dengan pihak *adjuster* itu, kadang-kadang satu minggu sudah mari. Dia menyebabkan *workshop* boleh baiki cepat kenderaan kita.

Tetapi, kalau tidak ada *contact*, kadang-kadang tiga bulan. Kadang-kadang dia jawab dia tunggu sehingga ada beberapa buah kenderaan dahulu baru dia mari. Kalau di Kelantan *adjuster* dia ada di Kuantan, bukan ada di Kelantan. Sebab itulah kita tengok *adjuster* ini boleh memainkan peranan untuk sama ada hendak menghidupkan atau mematikan *workshops* yang ada di seluruh negara, kerana *adjuster* memainkan peranan untuk mempercepatkan atau melambat-lambatkan *claim* seseorang itu, selain *adjuster* tidak mari tidak boleh.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, *adjuster* ini setiap syarikat insurans dia bukan melantik satu syarikat *adjuster*, dia kena lantik, bukan satu tetapi lima atau enam syarikat *adjusters*. Kalau ikut piawaian yang ada yang terpakai sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, syarikat insurans hendaklah selepas mendapat aduan melantik *adjuster* dalam masa seminggu. *Adjuster* mesti buat laporan, dia sudah buat kerja dia, lapor balik kepada syarikat insurans dalam masa dua minggu.

Kemudian bila syarikat insurans akan buat bayaran dan tarikh dia kena bayar kepada pemegang insurans tadi dua minggu selepas memberi surat tawaran untuk hendak bayar insurans ini. Bermakna kalau ikut piawaian, memang tidak boleh lambat. Satu minggu syarikat insurans kena lantik *adjuster*, *adjuster* kena bagi laporan dalam masa dua minggu selepas dilantik dan bayaran akan diterima selepas dua minggu daripada tarikh keluar surat tawaran, Tuan Yang di-Pertua, maknanya kalau ini berlaku, pihak pemegang insurans boleh buat laporan kepada Bank Negara.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memandangkan tajuk *adjuster* ini memang menjadi satu tajuk yang popular kepada masyarakat dan juga di kalangan kita, Ahli Parlimen, termasuk saya sendiri. Apakah bentuk mekanisme ataupun sistem yang mengawal pergerakan *adjuster* ini bagi menyediakan perkhidmatan yang konsisten kualitinya kepada pelanggan-pelanggan.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memandangkan pelanggan-pelanggan yang berurusan dengan *adjuster* ini adalah pelanggan-pelanggan yang menjadi mangsa yang berada dalam keadaan tertekan terutamanya apabila mereka tidak lagi mempunyai kenderaan untuk mengangkut mereka dari satu tempat ke satu tempat. Soalan saya tadi berkaitan dengan *consistency of the services offered by the adjusters*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kerana ia berhubung rapat dengan sekali lagi siapakah dan di manakah *workshop*, di manakah kemalangan itu berlaku dan ia tidak *uniform* - tidak sekata, perkhidmatan yang disediakan dan berbeza-beza mengikut keadaan dan *workshop* di mana kita menghantar kenderaan itu.

Jadi, sebagai pernah menjadi mangsa keadaan ini, kita pernah diletakkan berbagai-bagai tarif untuk memperoleh kenderaan kita semula dalam keadaan yang segera dan sebagainya. Jadi apakah komen Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang mekanisme yang disediakan oleh Kementerian Kewangan ataupun pihak bank negara ke arah mengawal *adjusters* ini supaya menyediakan perkhidmatan yang konsisten kepada pelanggan-pelanggan untuk meningkatkan kebolehpercayaan kita terhadap mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya ada jawapannya bila saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Setiu sekejap lagi mengenai dengan *adjuster*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat bagi Jerai dan juga Yang Berhormat bagi Kudat mencadangkan supaya...

Dato' Razali bin Ismail: Kuala Terengganu dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Ya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebab atas persoalan yang sama daripada Yang Berhormat bagi Petra Jaya tadi iaitu tentang *indemnity* tadi itu iaitu kerosakan yang diguna pakai untuk kerosakan fizikal ataupun sesuatu harta benda dan tidak sekali-kali untuk kita mendapat keuntungan daripada polisi insurans seperti mana yang telah disebut oleh Setiausaha Parlimen sebentar tadi. Ia semata-mata hanya untuk kembalikan dan meletakkan kita kepada keadaan yang sama sebelum berlaku kerugian, saya ingat itu maksudnya.

Tetapi baru-baru ini telah berbangkit satu kes dalam media apabila seorang artis yang agak popular, dia telah gunakan satu kosmetik yang menyebabkan kerosakan kepada kecantikannya itu. Jadi ini menimbulkan satu perkara di mana memang dia mengatakan bahawa pihak insurans itu tidak dapat mengembalikan kepada keadaan asalnya. Waima banyak mana pun bayaran, kadang-kadang dipertikaikan juga. Jadi ini merupakan satu perkara, saya kira yang harus disemak juga untuk kita memberi keadilan kepadanya.

Tetapi dalam masa yang sama juga, saya dengar semalam, itu kita bercakap dari segi *win-win situation* tetapi bagaimanakah kita hendak *strike the balance* supaya kedua-dua pihak itu mendapat keadilan di antara *the policy holder* dengan yang satu lagi itu, syarikat insurans itu. Saya kira ini adalah merupakan soalan yang agak sukar juga untuk dijawab sebab tadi kita kata dia tidak akan mendapat keuntungan daripada insurans itu tetapi dia akan kembalikan keadaan sebelum berlaku kerosakan fizikalnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, yang ini memang saya sudah hendak jawablah. Fenomena ini biasanya berlaku di Baratlah di mana orang *insure* dia punya kaki dan tangan. Jadi mungkin sudah sampai ke sini, dia *insure* juga muka dia. Saya tidak tahulah di mana saya hendak jawab, saya ingat Bank Negara boleh pertimbangkan dan masuk dalam *guideline* mereka untuk melihat *coverage* kepada perkara-perkara tersebut. Ini adalah insurans yang spesifik. Jadi saya tidak boleh jawab dengan lebih tepat tentang perkara ini. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Liow Tiong Lai: Bentong, sedikit.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: ...saya hendak sambung...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Liow Tiong Lai: Sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bentong.

Tuan Liow Tiong Lai: Ya, Bentong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat bagi Petra Jaya dan Yang Berhormat bagi Hulu Langat tadi, saya rasa kementerian perlu mengkaji balik konsep *indemnity* ini. Memang pada masa sekarang, syarikat insurans yang untung. Kita membuat bayaran premium pada masa itu dan apabila terjadi apa-apa kepada kenderaan kita, memang kita tidak dapat balik jaminan yang kita *insured* itu. Katakan nilai yang kita *insured* itu RM100,000. Memang apa-apa yang berlaku kepada kenderaan kita, tidak mungkin kita dapat RM100,000 balik. Sepatutnya dari segi konsep insurans, kita dapat balik apa yang kita *insured* tetapi menggunakan konsep *indemnity* yang ada pada hari ini menggunakan kadar semasa dengan senang sahaja *adjuster* mahupun syarikat insurans membelakangkan hak-hak pengguna pada masa ini.

Saya rasa Kementerian Kewangan mahupun Bank Negara kena mengkaji balik masalah ini dan saya rasa rata-rata Ahli Parlimen, semua merasakan bahawa ini adalah tidak adil kepada pengguna. Saya harap kementerian dapat memberi satu jawapan yang lebih baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: [Bangun]

Tuan Markiman bin Kobiran: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Hulu Langat sekali, boleh?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya masih di bawah tajuk *adjusters* lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat definisi *adjuster* ini, dia dengan jelas menyatakan bahawa tugasnya adalah untuk menyiasat dan merundingkan sebarang tuntutan yang berlaku dalam kontrak insurans dan dia boleh bertindak bagi pihak *insured*, satu syarikat insurans atau bertindak bagi pihak pemegang polisi insurans. Kedua-duanya boleh bertindak. Sepanjang perbahasan kita yang telah kita lalui selama ini di Dewan yang mulia ini, saya melihat bahawa *adjuster* ini seolah-olah *the main culprit*, dengan izin, segala-galanya ditentukan oleh *adjusters* kepada siapa *adjusters* itu cenderung.

Biasanya dalam pertikaian ini, syarikat insuranslah yang biasanya berada di sebelah atas sebab kalau *adjuster* ini mempunyai hubungan yang baik dengan syarikat insurans, dia selalu mendapat *business* untuk diberikan kepadanya supaya melakukan kerja-kerja *adjustment*. Sementara itu pemegang polisi ini akan sentiasa menjadi mangsa akibat daripada perbuatan *adjusters* yang tidak bertanggungjawab ini. Jadi saya ingin mencadangkan dan saya ingin pandangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sebenarnya *adjusters* yang bertanggungjawab sepatutnya *adjuster* yang menilai kerosakan sebenar yang berlaku kepada kenderaan tersebut dan bukan *being dictated*, sentiasa ditunjuk atau berada di bawah telunjuk syarikat insurans bagi menentukan jumlah yang kecil untuk tujuan pampasan di bawah tuntutan insurans ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bentong dahulu.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, pandangan daripada Yang Berhormat bagi Bentong tadi iaitu konsep *indemnity* ini perlu dilihat semula sama ada - yalah memang setakat ini amalannya begitulah bahawa kalau berlaku kemalangan kita *insure* sebanyak RM100,000, bila berlaku kemalangan tidak dapat RM100,000, mungkin dapat kurang, itu amalan biasa. Jadi yang Yang Berhormat bagi Bentong mahu ialah supaya dikaji semula. Saya yakin pihak saya boleh bawa balik kepada Bank Negara tentang perkara ini sama ada patut dikaji semula tentang konsep *indemnity* ini.

Tentang Yang Berhormat bagi Hulu Langat tadi, *adjuster*, saya ada jawapan kemudian, sekejap lagi ada jawapannya.

Tentang Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat bagi Jerai dan Yang Berhormat bagi Kudat mencadangkan supaya orang yang bertanggungjawab memberi nasihat mengenai insurans termasuk penasihat kewangan untuk memberi penjelasan sepenuhnya kepada bakal pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk meningkatkan profesionalisme perantara insurans, Bank Negara Malaysia telah pun memperkenalkan beberapa langkah iaitu bagi meningkatkan profesionalisme ejen insurans, keperluan kemasukan minimum bagi tenaga agensi telah dinaikkan kepada SPM. Di samping itu keperluan latihan minimum 30 jam di bawah Program Pembangunan Profesional Berterusan setiap tahun bagi tenaga agensi hayat diperkenalkan sebagai sebahagian daripada Program Pendidikan Berterusan bagi ejen insurans. Garis panduan mengenai amalan nasihat waja bagi perniagaan insurans hayat ataupun *guidelines on proper advice practices for life insurance business* telah dikeluarkan oleh Bank Negara pada Oktober 2003. Ia meletakkan standard minimum bagi penasihat waja dan proses berstruktur bagi penjualan produk insurans hayat oleh pengantara.

Pengantara insurans dikehendaki mendapatkan maklumat yang cukup mengenai bakal pemegang polisi sebelum memberikan nasihat yang wajar mengenai kesesuaian sesuatu produk.

Tuan Yang di-Pertua, Setiu mencadangkan supaya mengadakan pemantauan ke atas syarikat-syarikat insurans ke atas perkara-perkara yang tidak baik. Contohnya *adjuster* yang tidak bertanggungjawab dan mempunyai nilai moral dan pendirian yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat *adjuster* adalah dilesenkan di bawah Bank Negara Malaysia pada setiap tahun. Mereka sebenarnya adalah bebas ataupun *independent* daripada syarikat-syarikat insurans. Setakat 31 Disember 2005 terdapat 37 syarikat *adjuster* yang berlesen. Dalam mempertimbangkan pemberian lesen *adjuster* kepada 37 syarikat ini pada setiap tahun, beberapa keperluan lesen perlu dipatuhi terlebih dahulu oleh 37 syarikat tersebut. Antara keperluan pelesenan tersebut ialah 100 peratus kakitangan *adjusters* mempunyai kelayakan yang minimum, tahap minimum keperluan wang pemegang saham dan pengemukaan akaun syarikat yang teraudit.

Selain daripada keperluan pelesenan, syarikat *adjuster* juga perlu mendapatkan kelulusan Bank Negara Malaysia untuk pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah, pemegang saham baru dan juga Juruaudit. Hanya mereka yang didapati layak dan sesuai sahaja akan diluluskan. Sekiranya ada terdapat aduan mengenai mana-mana *adjuster* pengadu bolehlah menulis kepada Bank Negara dan mereka akan disiasat dan boleh diambil tindakan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Santubong, Jerai dan Kudat, mencadangkan supaya penasihat kewangan perlu seseorang yang bertanggungjawab dan jujur untuk membuat garis panduan bagi mengawal dan mengambil kira faktor-faktor nilai moral dan pendirian seseorang yang bertanggungjawab bagi mengelakkan berlakunya kes penipuan.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara akan mengeluarkan garis panduan dan tata laku, *code of conduct* untuk penasihat kewangan bagi menyediakan panduan kepada pengamal ataupun *practitioners* berhubung dengan laporan dan pematuhan-pematuhan berkaitan amalan baik ataupun *best practices*. Kriteria pelesenan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia terhadap penasihat kewangan dan wakil-wakil mereka yang terlibat secara langsung dalam khidmat nasihat kewangan akan mengambil kira antara lain seperti berikut, kelayakan profesional dan pengalaman kerja dalam bidang perancangan kewangan dan lain-lain kriteria layak dan sesuai termasuk reputasi, keperibadian dan kejujuran. Selain daripada itu penasihat kewangan juga perlu mempunyai perlindungan *insurance indemnity professionals* bagi melindungi pengguna sekiranya berlaku kecuai profesional ataupun *professional negligence* atau nasihat tidak wajar ataupun *bad advice*.

Bagi meningkatkan lagi perlindungan pengguna dan profesionalisme dalam penjualan produk insurans hayat, Bank Negara Malaysia juga telah pun mengeluarkan garis panduan amalan dan nasihat wajar seperti yang saya sebutkan tadi. *Guidelines on proper advice practices* bagi perniagaan insurans hayat berkuat kuasa pada 1 Julai 2004, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Santubong bangun.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sila.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menerima baik apa yang disebut oleh Setiausaha Parlimen berhubung dengan *guideline* yang dibuat untuk *adjusters* ini tadi. Tetapi saya cukup yakin bahawa Kementerian tidak sedar bahawa ada *adjusters* yang telah dilantik ataupun telah menjadi ahli dalam syarikat *adjusters* yang mempunyai rekod jenayah dan yang mempunyai rekod penipuan dan rekod demikian.

Saya tidak hendak sebut nama orang tetapi saya tahu, saya ada bukti yang nyata dan saya tahu orang itu. Dia menjadi *adjuster*, jadi bukan persoalan orang yang mempunyai rekod itu tidak akan berubah, tetapi malangnya sepatutnya kita melihat rekod ini dan rekod seseorang itu mempunyai rekod jenayah, yang mana kesan ada dahulu yang dilantik menjadi pengarah ataupun *shareholders* dalam syarikat yang menjadi *adjuster* ini, jadi saya ingat ini juga perlu dilihat selain daripada *guidelines*. Terima kasih.

Dato' Seri. Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi syarikat *adjusters* kena memperbaharui lesennya tiap-tiap tahun dan pelantikan pegawai-pegawai ataupun pengarah-pengarah dalam syarikat itu juga diluluskan terlebih dahulu oleh Bank Negara. Kalau didapati ada rekod, ada laporan dan disiasat memang ada kebenarannya, maka mereka ini tidak perlu disambung perkhidmatannya dalam syarikat-syarikat *adjusters* ini. Jadi maknanya bila-bila masa boleh ditarik balik, bukan nanti satu tahun tetapi bila-bila masa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibawa oleh Santubong lagi, berkenaan dengan di Sarawak ada syarikat-syarikat bas yang tidak dapat menginsuranskan bas-bas mereka. Apakah langkah-langkah yang dibuat? Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia tidak mengawal portfolio perniagaan syarikat insurans kerana syarikat insurans bebas untuk meletakkan kriteria 'pen-underwriting' masing-masing berdasarkan pengalaman tuntutan dan strategi perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, bank amat prihatin bahawa perlindungan insurans motor adalah wajib bagi setiap kenderaan di atas jalan raya. Oleh sebab itu industri insurans telah mewujudkan satu pakatan untuk memberi perlindungan insurans motor kepada semua pemilik kenderaan yang tidak berjaya mendapatkan perlindungan daripada pasaran insurans biasa.

Tuan Baharum bin Mohamed: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Sekijang.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sekejap, sedikit lagi. Pakatan berkenaan adalah dinamakan Malaysian Motor Insurances Pool (MMIP) dan MMIP hanya mempunyai kadar premium tambahan ataupun *loading* yang lebih tinggi daripada syarikat insurans pasaran. Oleh yang demikian isu kesukaran untuk mendapatkan polisi insurans motor tidak wujud.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Baharum bin Mohamed: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sekijang.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak *intervene* sekejap, minta maaf Yang Berhormat oleh sebab ini soalan yang saya bangkit, saya sebagai Pengerusi Lembaga Pelesenan Yang Berhormat.

Saya menerima notis daripada pihak insurans yang diberi kepada syarikat-syarikat bas *express* dan *stage bus* di Sarawak dan *stage bus* ini telah menulis surat kepada Timbalan Menteri meminta bantuan daripada Kementerian Kewangan, ini bukan soalan yang tidak berbangkit, ini persoalan kenyataan yang berlaku pada 15 hari bulan Julai. Semua insurans ini kalau tidak diperbaharui - saya terpaksa gantungkan semua bas yang tidak ada insurans ini, saya kata, "*I have no choice, kalau you punya bas tidak ada insurans I akan gantung bas ini*". Saya terpaksa meminta seorang kawan untuk cari, telefon insurans kompeni dalam, *high-risk motorpool* yang saya tahu, tidak berfungsi di Sarawak ada enam atau tujuh syarikat insurans yang terlibat dengan *high-risk motorpool* di Sarawak, tetapi mereka ini satu pun tidak mahu *insured*, termasuk Takaful dan Kurnia Insurans. Ini satu kenyataan, surat ini ditujukan kepada Timbalan Menteri, daripada mana? Timbalan Menteri wanita itu, salinan itu diberi kepada saya.

Jadi, saya ingat minta tolong Yang Berhormat cek kan semula soalan *that does not arise*, sebab ini adalah satu kenyataan yang benar, bahkan saya sudah minta seorang ejen cari sesiapa sahaja insurans yang boleh, sebab kalau tidak 200 biji bas yang tidak ada insurans akan digantung lesennya, maknanya orang Sarawak *standstill*, tidak boleh jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Setiausaha Parlimen.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kes spesifik dan kita akan mencari penyelesaian di luar Dewan nanti, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sekijang.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya hendak berbalik kepada masalah *adjuster* ini iaitu tentang

adjuster ini apabila dia membuat penilaian iaitu semasa kenderaan itu berlaku kemalangan sahaja, dan masa berlaku kemalangan dia membuat penilaian berapa yang harus, apa yang harus digantikan dan sebagainya dan selepas itu dia tinggal macam itu sahaja. Selepas itu apabila pihak bengkel membuat baik pulih sama ada dia membuat gantian barang-barang yang *original* atau tidak *original* ataupun barang terpakai pun makna *adjusternya* tidak perlu ambil tahu lagi. Jadi saya minta juga supaya perkara ini diambil perhatian sebabnya *adjuster* ini bertanggungjawab juga bukan sahaja dia menilai, memberi kos pembaik pulih tetapi kepada barang-barang alat ganti yang dibuat oleh *workshops* ini.

Seperkara lagi saya hendak sebutkan di sini bahawa ada di antara *adjuster-adjuster* ini dia ambil sambil lewa sahaja ataupun lebih kepada kepentingan dia sebagaimana sahabat saya daripada Hulu Langat tadi berkata, bahawa kadang-kadang kita lihat ada kereta yang terbakar, separuh terbakar tetapi dia recommend oleh *adjuster* ini bayar separuh sahaja atau *partial* sahaja, tetapi apabila hendak dibaik pulih, hendak dipakai semula keadaan kenderaan tersebut, maknanya dari segi keselamatannya tidak ada. Jadi ini pun saya rasa harus diambil perhatian oleh pihak kementerian di dalam kita membuat pindaan kepada undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, yang perlu dibuat penyesuaian ataupun garis panduan adalah penyesuaian baru adalah melalui garis panduan untuk mengawal *adjuster*. Saya ingat saya minta perhatian pihak Bank Negaralah untuk melihat perkara ini yang mana kerja-kerja *adjuster* yang tidak memuaskan. Dan kalau ini berlaku sebenarnya, kalaulah pihak pemegang insurans ataupun tuan punya kereta tidak puas hati boleh membuat laporanlah kepada pihak Bank Negara dan perkara ini boleh dilihatlah, tetapi saya minta supaya pihak Bank Negara sendirilah akan melihat semula skop kerja oleh.

Tuan Yang di-Pertua, Jerai, adakah syarikat insurans boleh mempertimbangkan perkara-perkara berikut; pelanggan telah mendapat perlindungan motor bagi kereta barunya tetapi dalam tahun berikutnya dia tukar enjin.

Tuan Yang di-Pertua, cukai jalan ataupun *road tax* kereta adalah ditentukan oleh kuasa enjin kereta ataupun *cubic capacity* kereta. Pada masa yang sama salah satu kriteria 'pen-*underwriting*' dalam penetapan kadar premium kenderaan adalah *cubic capacity* kenderaan. Pemilik kereta bebas untuk menukar enjin kereta tertakluk kepada kelulusan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan. Adalah menjadi tanggungjawab pemilik kereta untuk memaklumkan syarikat insurans mengenai penukaran berkenaan kerana ia akan memberi kesan kepada profil risiko premium kereta. Kegagalan pemilik kereta untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan penolakan liabiliti oleh syarikat insurans sekiranya berlaku kecelakaan di jalan raya. Tuan Yang di-Pertua ini memang diamalkanlah.

Tuan Yang di-Pertua, Beluran dengan Santubong bertanya bagaimana untuk mengatasi isu-isu perhubungan baik antara bengkel yang betulkan kenderaan dengan *adjuster*. Bolehkah pihak bank mengeluarkan senarai bengkel-bengkel membaiki kereta yang telah diberikan kuasa sahaja untuk membaiki kereta-kereta yang terlibat dalam kemalangan bagi membolehkan syarikat-syarikat insurans mengawal aktiviti yang mereka lakukan. Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia telah pun mengeluarkan garis panduan mengenai amalan penyelesaian tuntutan yang menggariskan standard minimum yang perlu dipatuhi oleh penanggung insurans bagi memastikan penyelesaian tuntutan yang cepat dan adil bagi pihak yang menuntut. Di antara lain garis panduan berkenaan memberi fokus khas kepada langkah-langkah kawalan penipuan.

Antara langkah-langkah yang perlu diambil adalah pelantikan *adjuster* daripada panel *adjuster* syarikat insurans haruslah secara giliran untuk meminimumkan kemungkinan berlakunya pakatan di antara pihak-pihak yang terlibat.

Syarikat insurans harus melakukan pemeriksaan secara rambang ke atas pembaikan kenderaan dan fail tuntutan dan sebarang syak wasangka berlakunya penipuan harus disiasat dengan segera dan bukti penipuan harus dilaporkan kepada polis dan juga Bank Negara. Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) telah mewujudkan skim.....

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Santubong.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sekejap ya, sedikit lagi. Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) telah pun mewujudkan skim pembaik kenderaan yang diluluskan bagi tuntutan kerosakan sendiri. Penanggung insurans perlu melantik panel bengkel kenderaan daripada ahli-ahli skim berkenaan. Jadi, skim berkenaan memastikan hanya bengkel-bengkel pembaik kenderaan yang berintegriti dan kemahiran akan terlibat dalam pembaikan di bawah tuntutan kerosakan sendiri. Pemegang polisi akan dimaklumkan mengenai bengkel-bengkel dalam panel oleh syarikat insurans yang berkenaan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya Datuk, sila.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tidak menyalahkan sesiapa dalam soalan ini Tuan Yang di-Pertua sebenarnya, soalan tuntutan dan sebagainya. Sebenarnya perhubungan di antara adjusterdengan garaj ini jauh daripada baik, Tuan Yang di-Pertua, jauh daripada baik, *too good, they are just too good*, sebenarnya adjuster macam bekerja dengan garaj. Kenyataan yang berlaku sekarang ini, adjuster itu macam bekerja dengan garaj, bukan *independent body* buat *assessment*, buat laporan kepada insurans, ini nilai yang dinilai itu.

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf saya, saya akan sebut macam mana perkara ini berlaku. Umpamanya kemalangan berlaku. Apabila kemalangan berlaku orang yang terlibat dengan kemalangan ataupun seseorang itu yang melihat kemalangan berlaku akan melaporkan kepada polis. Di pejabat polis trafik ini ada orang "tout" garaj ini sudah tunggu. Bila dia dengar sahaja, telefon ring dia tanya mana tempat, polis akan beritahu dia akan dulu pergi ke sana. Sebelum polis datang, garaj man dengan dia punya *towing truck* dah ready. Bila *towing truck* dia ready, *towing truck* ini terus bawa, dia tidak kisah orang itu dikeluarkan ke tidak keluar ke, bila dia dah keluar orang itu, orang itu dekat tepi jalan ke, masuk dalam ambulans ke, tidak kisah. Dia bawa kereta terus ke garaj. Itulah kadang-kadang orang dimasukkan ke hospital, bila bangun sedar daripada dalam hospital tidak tahu di mana hendak cari kereta dia.

Jadi bila sudah sampai ke garaj dia, dia yang akan hubungi siapa *adjuster*. Adjuster akan sampai ke garaj itu, kereta itu sudah dibuka ke apa ke, adjuster akan buat penilaian itu, adalah di antara dia kalau di sana '*cam ciang*' itu banyaklah cerita dia, perundingan di antara adjuster dengan garaj operator. Jadi keadaan sedemikian memang susah hendak katakan macam mana pihak kementerian ataupun Bank Negara hendak memantau. Tetapi kita kena tahu itulah sebab kenapa semua pihak, polisnya, garajnya, kena ketahui dan kita kena menilai satu-persatu dan kita kena memantau semua mekanisme ini supaya tidak berlaku penyelewengan akhirnya insurans kompeni yang terkena. Ini sistem kewangan negara yang perlu dikawal selia dengan baik dan kita jagakan keadaan dia supaya jangan diambil peluang oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan pertama kali saya dengar kisah-kisah ini bagaimana hendak claim insurans ini, memang berlakulah. Diri saya pun berlaku juga bila kereta saya berhenti di tengah jalan tiba-tiba kereta *tow truck* dia sudah sampai, tidak tahu bila sampai, tengok-tengok sudah ada di belakang, dan ini berlaku dan mungkin saya kata, mungkin penyelewengan berlakulah di peringkat *claim* dan sebagainya dan ini satu perkara saya kira satu *challenge* lah kepada pihak pengawal Bank Negara untuk mengatasinya, bermakna tidak boleh hendak bagi apa-apa cadangan di sinilah.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin dia orang di stesen tempat selalu kemalangan berlaku.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tidak tahulah mungkin kadang-kadang paku pun timbul juga di tengah-tengah jalan.

Tuan Yang di-Pertua, Kuala Terengganu, meminta penjelasan mengenai pembelian kereta potong di mana pembeli tidak tahu menahu bahawa kereta tersebut adalah sebuah kereta potong. Oleh yang demikian, apabila berlakunya kemalangan

pembeli tidak mendapat perlindungan insurans. Tuan Yang di-Pertua, amalan pembaikan kereta melalui penyambungan dua bahagian kereta yang berlainan ataupun kereta potong adalah di larang sama sekali.

Cara pembaikan ini hanya dibenarkan bagi kenderaan yang dibina menggunakan teknik atau proses penyambungan yang tertakluk kepada kelulusan Jabatan Pengangkutan Jalan. Amat malang sekalilah kalau kita beli dan didapati kereta itu kereta potong amat malang sekalilah, lain kali beli kereta barulah.

Tuan Yang di-Pertua, Bukit Gantang, perlindungan insurans kesihatan telah disalahgunakan oleh doktor dengan mengenakan bayaran perubatan yang lebih tinggi. Ini menyebabkan kadar premium insurans kesihatan meningkat, doktor pun buat hal juga ya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua antara langkah yang digunakan oleh industri insurans bagi mengatasi masalah tersebut adalah bagi para pemegang polisi menanggung sebahagian daripada kos rawatan perubatan, maksimum 20 peratus dikenali sebagai *co-payment* ataupun *co-insurance* dan *deductible*. Apabila para pemegang polisi menanggung sebahagian daripada kos rawatan adalah dijangka mereka akan memastikan kos yang dikenakan oleh pihak hospital adalah munasabah dan bagi rawatan yang perlu dan berkaitan sahaja. Di samping itu jika para pemegang polisi menanggung sebahagian daripada kos rawatan kadar premium yang dikenakan untuk polisi berkenaan juga adalah rendah.

Selain daripada itu pihak industri insurans juga telah mengambil inisiatif lain bagi menangani isu doktor mengenakan *charge* berlebihan termasuklah mengadakan perundingan dengan hospital swasta dan mengenalkan senarai panel hospital yang diluluskan bagi mengasingkan hospital yang telah mengamalkan perkhidmatan yang mencurigakan dan mengenakan *charge* yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kelana Jaya meminta pandangan mengenai jumlah ejen-ejen insurans yang semakin berkurangan buat masa sekarang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Seri Dari. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, bilangan ejen-ejen insurans hayat berdaftar telah pun menurun daripada 86,230 orang dalam tahun 2003 kepada 82,551 orang dalam tahun 2004 disebabkan oleh syarat kemasukan minimum bagi tenaga agensi telah dinaikkan kepada kelayakan SPM bagi meningkatkan profesionalisme ejen-ejen insurans hayat.

Di samping itu keperluan latihan minimum 30 jam berkuat kuasa pada 1 Januari 2005 di bawah program pembangunan profesional berterusan setiap tahun bagi tenaga agensi hayat yang telah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada program pendidikan berterusan bagi ejen-ejen insurans juga telah menyebabkan ejen-ejen yang berkenaan secara sambilan meninggalkan kerjaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sri Gading dan Yang Berhormat Parit, mengapakah pihak kerajaan tidak mahu menguatkuasakan polisi perlindungan insurans di dalam Bahasa Malaysia? Kerana impaknya terhadap rakyat Malaysia adalah serius. Yang mana rakyat Malaysia masih lagi tidak terdedah sepenuhnya dengan hal-hal yang berkaitan dengan perlindungan insurans yang menyebabkan rakyat merasa tertipu kerana perlindungan yang diberikan tidak dijelaskan terlebih dahulu kepada pihak pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua kerajaan telah pun menguatkuasakan pelaksanaan penggunaan Bahasa Kebangsaan sejak tahun 2001. Syarikat insurans dikehendaki mengeluarkan semua sijil, polisi insurans, risalah jualan dan borang yang membabitkan pelanggan runcit dalam dwi bahasa, dua bahasa. Kesemua syarikat insurans hayat telah mematuhi keperluan ini sepenuhnya.

Bagi kelas perniagaan motor dan kebakaran ianya telah pun dilaksanakan sepenuhnya dengan beberapa buah syarikat insurans dalam peringkat akhir perlaksanaan. Bagi kelas perniagaan insurans yang lain syarikat insurans telah menunjukkan kemajuan

membanggakan dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan. Susunan kata polisi yang mudah difahami telah mula diperkenalkan oleh syarikat insurans. Ianya bertujuan untuk meningkatkan pemahaman mengenai dokumen polisi yang baik. Syarikat insurans akan memperkenalkan susunan kata polisi insurans yang mudah difahami bagi polisi insurans hayat seumur hidup, *endowment* dan berkaitan pelaburan pada akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Santubong dan juga Yang Berhormat Kelana Jaya. Bank Negara perlu terlebih dahulu meneliti produk-produk insurans yang hendak dijual di pasaran khususnya produk-produk berkaitan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman, Seksyen 142 Akta Insurans 1996 mengehendaki kesemua produk insurans baru hayat dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia sebelum ianya boleh dipasarkan kepada orang ramai. Di samping itu aktuari syarikat insurans perlu mengesahkan penentuan kadar premium untuk memastikan bahawa produk insurans direka bentuk secara berkhemat. Produk-produk insurans berkaitan pelaburan juga tertakluk kepada keperluan ini.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Dato' Seri Dari. Hilmi bin Yahaya: Penunjukkan produk insurans hayat pada Bank Negara Malaysia membolehkan produk itu teliti untuk memastikan ianya adalah munasabah untuk dijual pada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua soalan insurans, *life insurance* jangka hayat. Kerajaan akan melaksanakan dasar baru yang akan dikuatkuasakan pada 1 Julai 2005 ini yang mana memberi keuntungan kepada *surrender value* yang tahun pertama. Oleh kerana dasar ini dilaksanakan bahawa pembeli insurans, *life insurance* akan mengalami kerugian yang begitu besar sekali iaitu 26%. Umpamanya kalau insurans untuk RM30,000 dan jangka masa 20 tahun, kalau sebelum 1 Julai 2005 pulangan selepas 20 tahun ialah RM64,000.

Selepas ini nanti pulangan dijangka berkurangan 26% dengan RM18,000 kurang iaitu mendapat RM46,560,00 sahaja. Ini amat mengecewakan kerana pada masa sekarang kita dapati bahawa insurans jangka hayat ini adalah jauh lebih tinggi daripada bank hampir 6% daripada segi kalau di banding dengan faedahnya dan bank yang hanya 3%.

Kalau ini dilaksanakan maknanya tidak ada perbezaan membuat leburan dalam insurans dibanding dengan pelaburan dimasukkan ke dalam bank. Nampaknya Bank Negara mementingkan orang yang tidak berminat dengan *life insurance* ini yang mahu *surrender life insurance* dalam masa setahun ataupun dua tahun oleh kerana tindakan ini yang dahulunya tiga tahun baru ada, baru ada *surrender value* dia meningkat kalau tidak dia akan kehilangan.

Nampaknya kita *taking one step backward* untuk menyelamatkan orang yang betul-betul tidak berminat dengan insurans kita selamatkan tetapi *the greater number* orang yang minat dengan insurans ini telah mendapat kerugian yang begitu besar. Saya meminta supaya kementerian menyelidik dan mengkaji semula dasar ini dan kita berbaliklah kepada yang lepas, terima kasih.

Dato' Seri Dari. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua ini adalah perkara yang spesifik dan ialah saya berharap mendapat perhatian daripada Bank Negara untuk mengkaji apa yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Santubong.

Yang Berhormat Beluran ingin mendapatkan penjelasan sama ada pelan premium tunggal insurans berkaitan pelaburan itu sama ada sama dengan deposit perbankan dan melanggar peruntukan Akta Perbankan. Pelan premium tunggal insurans berkaitan pelaburan adalah merupakan salah satu jenis insurans hayat yang ditawarkan oleh syarikat insurans.

Selain daripada insurans *endowment*, insurans seumur hidup, *life insurance*, dan insurans bertempoh ataupun *term insurance*. Dalam pelan premium tunggal insurans berkaitan pelaburan selain daripada manfaat dibayar berdasarkan prestasi pelaburan yang dijana melalui premium yang dibayar, ia juga menyediakan manfaat kematian dalam lingkungan 125% lebih tinggi daripada amaun premium yang dibayar. Tambahan lagi peruntukan dalam Akta Insurans 1996 membenarkan pelan insurans pendidikan disediakan oleh syarikat insurans.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sepanggar terdapat polisi *endowment* yang dijual dengan berbagai-bagai *rider* yang boleh menyebabkan premium yang dibayar tidak mencukupi untuk menampung pembelian polisi *endowment* dan *riders* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua ejen-ejen insurans dikehendaki untuk memberikan nasihat yang sewajarnya kepada bakal-bakal pemegang polisi berdasarkan keperluan mereka dan bukan semata-mata untuk melariskan jualan insurans. Ejen juga perlu memerluakan bahawa *rider* adalah merupakan perlindungan tambahan, perlu menerangkan bahawa *rider* adalah merupakan perlindungan tambahan yang bukan sebagai sebahagian daripada polisi insurans asas dalam kes ini polisi *endowment*.

Oleh itu, pemegang polisi boleh membuat pilihan sama ada hendak membeli atau tidak *riders* tersebut berdasarkan kemampuan dan keperluan pemegang polisi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tumpat meminta penjelasan jika penasihat kewangan patut disyaratkan untuk mengambil insurans profesional bagi diri sendiri seperti mana yang telah dipraktikkan oleh doktor-doktor dan peguam-peguam. Ini adalah untuk mengelakkan sebarang kerugian kepada syarikat insurans dan pemegang polisi.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu kriteria pelesenan penasihat kewangan adalah keperluan untuk mempunyai perlindungan insurans *indemnity professional* sekurang-kurangnya RM200 ribu. Ia adalah bertujuan untuk melindungi pengguna sekiranya berlaku kecuaiian *professional* ataupun profesional *negligence*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran - apakah cadangan-cadangan yang dibuat bagi mengelakkan penipuan, khususnya dari pihak pelanggan semasa mereka membuat tuntutan perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia telah pun mengeluarkan garis panduan mengenai amalan penyelesaian tuntutan yang antara lain memerlukan syarikat insurans untuk mengambil langkah-langkah kawalan terhadap penipuan oleh pihak yang menuntut. Contohnya:

- pelantikan *adjuster* haruslah secara giliran untuk meminimumkan kemungkinan berlakunya pakatan di antara *adjuster* dan pihak yang menuntut;
- syarikat insurans seharusnya melantik sekurang-kurangnya 6 ahli *adjuster* dalam panelnya;
- syarikat insurans harus melaksanakan sistem kawalan yang efektif dan sistem berkenaan harus dikaji semula dengan kerap oleh Jabatan Audit Dalaman syarikat insurans; dan
- syarikat insurans harus menjalankan pemeriksaan rambang ke atas kes-kes pembaikan berkenaan dan fail-fail tuntutan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran - adakah kajian telah dibuat, diadakan bagi mengelakkan kenaikan harga-harga premium insurans motor oleh syarikat-syarikat insurans sesuai dengan perlindungan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, kadar premium insurans motor adalah ditetapkan di bawah tarif motor dan tarif motor tidak dikaji semula sejak tahun 1978. Akibatnya, kadar premium ini tidak mencerminkan risiko yang *underwrite* oleh syarikat insurans. Profil risiko motor telah berubah sejak tahun 1978 dengan peningkatan kadar kemalangan, pertambahan

jumlah kenderaan di atas jalan raya, peningkatan gejala kecurian kenderaan dan pertambahan kos pembaikan dan harga kenderaan.

Di bawah tarif motor 1978, wujud subsidi bersilang di antara kenderaan dan terdapat pemilik kenderaan yang membayar kadar premium yang lebih tinggi daripada yang sepatutnya berdasarkan profil risiko mereka. Bank Negara Malaysia sedang mengkaji semula tarif motor berkenaan untuk memastikan kadar premium insurans yang lebih adil untuk semua kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli daripada Tuaran - siapakah perancang kewangan? Ini mengenai definisi tadi. Adakah penasihat kewangan juga boleh menjadi seorang agen insurans? Tuan Yang di-Pertua, penasihat kewangan merupakan profesional yang berkelayakan, yang berupaya memberi perkhidmatan nasihat kewangan berhubung dengan pelbagai jenis produk kewangan termasuk polisi insurans.

Penasihat kewangan boleh menjual produk insurans daripada pelbagai syarikat insurans dan mereka tidak terikat kepada mana-mana syarikat insurans, tidak seperti agen insurans. Penasihat kewangan mesti memberi nasihat profesional mengenai opsiyen insurans yang paling sesuai yang dapat memenuhi keperluan kewangan pengguna. Memandangkan agen insurans terikat kepada hanya sebuah penanggung insurans hayat maka akan wujud percanggahan kepentingan *conflict of interest* sekiranya seorang agen juga bertindak sebagai penasihat kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Tuaran juga membangkitkan tentang penalti yang dikenakan sebanyak RM2 juta terhadap seseorang penasihat kewangan berlesen sekiranya dia merundingkan sesuatu kontrak insurans dengan seorang penanggung insurans yang tidak berlesenkan di bawah Akta Insurans 1996. Adalah terlalu tinggi berbanding dengan RM500 ribu amaun penalti yang dikenakan terhadap kesalahan menggunakan perkataan insurans, *assurance* dan lain-lain perkataan yang dilarang di bawah Akta tersebut. Apakah asas yang digunakan bagi menentukan penalti tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, amaun penalti yang dikenakan ke atas sesuatu kesalahan adalah bergantung pada *seriousness* ataupun keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh seseorang penasihat kewangan. Seseorang penasihat kewangan yang merundingkan kontrak insurans dengan penanggung insurans yang tidak dilesenkan di Malaysia merupakan satu kesalahan yang serius dan akan memberi kesan yang negatif kepada pemegang polisi sekiranya tuntutan kelak tidak dibayar oleh penanggung insurans yang tidak dilesenkan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran dan Ayer Hitam. - apakah peranan perancang kewangan, kelayakan dan pembayaran perancang kewangan iaitu sama ada mereka akan dibayar oleh penanggung insurans dan ini akan meningkatkan kos kepada penanggung insurans?

Tuan Yang di-Pertua, penasihat kewangan merupakan profesional yang berkelayakan seperti yang saya sebutkan tadi, yang berupaya memberi perkhidmatan nasihat kewangan berhubung pelbagai jenis produk kewangan termasuk polisi insurans. Perkhidmatan nasihat kewangan yang disediakan oleh penasihat kewangan termasuk menganalisis keperluan perancangan kewangan seseorang berhubung dengan produk insurans, mengesyorkan produk insurans yang sesuai, mendapatkan produk insurans daripada penanggung insurans berlesen dan mengatur kontrak-kontrak yang berkenaan dengan produk insurans.

Wakil penasihat insurans kewangan perlu mempunyai kelayakan atau kelulusan yang sewajarnya yang ditetapkan oleh Bank Negara bagi memastikan mereka mempunyai tahap kecekapan yang diperlukan untuk memberi nasihat kewangan kepada pengguna. Dalam hubungan ini, program perancang kewangan berdaftar, *Register Financial Planner* yang dianugerahkan oleh Majlis Perancang Kewangan Malaysia ataupun *Malaysian Financial Planning Council* akan dijadikan sebagai standard profesional bagi penasihat kewangan. Berhubung dengan pembayaran kepada perancang kewangan bagi produk insurans, penasihat kewangan akan diberi ganjaran dalam bentuk bayaran komisen di mana penanggung insurans akan membayar komisen kepada penasihat kewangan yang menjualkan produk insurans mereka. Penasihat kewangan juga boleh memasarkan lain-

lain produk kewangan, contohnya Unit Amanah, produk Perbankan dan sebagainya dan akan memperoleh pendapatan tambahan daripada lain-lain pembekal produk.

Soalan yang keduanya, apakah perbezaan antara seorang agen dan penasihat kewangan? Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perbezaan antara seorang agen insurans dan penasihat kewangan, penasihat kewangan merupakan profesional yang berkecualan yang berupaya memberi perkhidmatan nasihat kewangan berhubung pelbagai jenis produk kewangan termasuklah polisi insurans. Penasihat kewangan boleh menjual produk insurans pelbagai syarikat insurans, manakala agen insurans hanya boleh mewakili sebuah penanggung insurans sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tuaran - apakah langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan peranan bumiputera dalam ekuiti sektor insurans? Tuan Yang di-Pertua, pada 31 Disember 2004, jumlah modal berbayar syarikat-syarikat insurans Malaysia adalah RM4.879 bilion dan dari jumlah ini sebanyak 57.6% atau RM2.8 bilion dimiliki oleh rakyat Malaysia dan agihan kepada bumiputera pula ialah RM1.383 bilion atau 28.3% daripada jumlah keseluruhan. Untuk syarikat-syarikat broker insurans pula, jumlah modal berbayar ialah RM44.6 juta, dari jumlah ini sebanyak 94.6% atau RM42.2 juta dimiliki oleh warganegara Malaysia. Dan, agihan kepada bumiputera pula ialah RM33.5 juta atau 75.1% daripada jumlah keseluruhannya.

Untuk syarikat-syarikat *adjuster* pula, jumlah modal berbayar adalah RM14.4 juta. Dari jumlah ini sebanyak 92.4% atau RM13.3 juta dimiliki oleh warganegara Malaysia dan agihan kepada bumiputera pula ialah RM6.5 juta ataupun 45.2% daripada jumlah keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Mambong merujuk kepada pindaan seksyen 11, mengapakah penalti yang dikenakan adalah penalti ingkar dan mengapa terdapat penalti yang berbeza, yang dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan dalam akta.

Tuan Yang di-Pertua, penalti bagi pindaan Sseksyen 11 adalah sebanyak RM500,000 dan jika kesalahan Seksyen 11 terus berlaku selepas dikenakan penalti ini, pesalah juga akan dikenakan denda sebanyak RM10,000 ataupun pemenjaraan selama dua tahun atau kedua-duanya bagi tiap-tiap satu atau pemenjaraan selama dua hari atau kedua-duanya bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada satu hari, selagi kesalahan itu masih terus berlaku, selepas dia disabitkan. Ini adalah penalti ingkar yang dikenakan ke atas pesalah untuk menghalangnya daripada terus melakukan kesalahan Seksyen 11. Penalti yang berbeza dikenakan bagi setiap kesalahan adalah berdasarkan kepada jenis kesalahan dan tahap keseriusan (*seriousness*) sesuatu kesalahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai, Bank Negara Malaysia mesti.....

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat bagi Tuaran.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Persoalan yang telah ditimbulkan dalam perbahasan, dalam soal penalti ini ialah kuantum amannya, apakah asas untuk menentukan? RM500,000, RM2 juta dan penjara dua tahun. Apa asasnya? Yang dalam soal RM2 juta, ini adalah satu kesalahan profesional, maknanya, *financial adviser* yang berlesen, cuba membuat perjanjian dengan syarikat yang tidak berlesen dan sebagainya. Jadi, ini satu kesalahan profesional. Adakah ini setimpal atau sama dengan kesalahan-kesalahan profesional yang dilakukan oleh profesional yang lain seperti guaman, perubatan dan sebagainya. Itu persoalan yang telah kita bangkitkan semalam. Apa asas untuk menentukan kuantum RM2 juta ini?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Seperti yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, kesalahan-kesalahan seperti ini adalah serius dan ini imej negara kita. Kita tidak boleh biarkan ataupun memberi laluan yang mudah kepada pesalah-pesalah ini untuk melakukan kesalahan ini seterusnya. Penalti yang dikenakan adalah tinggi, sesuai dengan

keadaan sekarang Tuan Yang di-Pertua. Kalau dulu, penaltinya rendah, sekarang dipertingkatkan sesuai dengan keadaan ekonomi sekaranglah. Kita tidak mahu penipuan berlaku dengan sewenang-wenangnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara mestilah mewajibkan supaya - ini soalan daripada Yang Berhormat bagi Jerai Tuan Yang di-Pertua. Bank Negara mesti mewajibkan semua ejen mendepositkan sejumlah wang dengan syarikat insurans supaya tidak ada penyelewengan oleh ejen. Tuan Yang di-Pertua, sebelum seseorang dilantik sebagai ejen, syarikat insurans perlu menjalankan tapisan terutamanya mengenai rekod jenayah dan keperluan kredit untuk memastikan orang yang dilantik sebagai ejen adalah layak dan sesuai. Ejen yang didapati terlibat dalam amalan penipuan, tidak beretika dan tidak profesional, boleh diambil tindakan disiplin dan boleh diberhentikan oleh syarikat insurans. Berhubung dengan pembayaran premium kepada ejen, premium yang dibayar kepada ejen adalah disebabkan sebagai penerimaan oleh penanggung insurans. Syarikat insurans adalah bertanggungjawab terhadap perilaku ejennya. Oleh yang demikian, adalah tidak perlu untuk mewajibkan ejen mendepositkan wang dengan syarikat insurans.

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Tuaran.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sila.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Persoalan juga telah kita bangkitkan semalam tentang tindakan pihak syarikat untuk memberhentikan ejen. Ada dua persoalan yang kita bangkitkan semalam. Persoalan pertama ialah kenapakah pihak syarikat secara tiba-tiba telah meminta supaya ejen menandatangani satu kontrak baru yang telah dibuat pada awal tahun ini, itu yang pertama.

Dalam *terms* dan *conditions* kontrak itu, iaitu Seksyen 25 di mana kedua-dua pihak boleh memberhentikan, *terminate* kontrak dan tidak pun memberi apa-apa sebab. Pihak ejen begitu takut dalam keadaan ini di mana syarikat boleh memberhentikan dan kalau diberhentikan, pihak ejen tidak akan mendapat apa-apa *commission* lagi dan itu yang dipersoalkan sekarang, Seksyen 25 itu. Kenapakah pihak Bank Negara membiarkan, tidak *regulate* hal itu di mana pihak syarikat sewenang-wenangnya boleh memberhentikan dan memaksa pula pihak ejen untuk menandatangani kontrak baru.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini memang pihak insurans menggunakan khidmat ejen mereka masing-masing. Tetapi dengan adanya undang-undang baru ini ataupun pindaan di bawah undang-undang ini, maka saya kira pihak syarikat insurans tidak perlu lagilah menggunakan ejen masing-masing. Mereka boleh menggunakan khidmat daripada syarikat penasihat kewangan ini. Jadi, saya ingat pada masa akan datang tidak timbul lagi dah sama ada syarikat insurans perlu melantik ejen masing-masing Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat bagi Tuaran, mengapakah di bawah kontrak agensi, sekiranya seseorang ejen itu telah ditamatkan kontraknya sebagai ejen, dia tidak dibayar komisen yang disebutkan tadilah. Ejen insurans adalah dilantik oleh syarikat insurans berdasarkan syarat-syarat dalam kontrak agensi. Berkenaan dengan pendapatan kontrak ejen, syarat ini merupakan syarat-syarat yang ditandatangani di antara ejen dan syarikat insurans. Walaupun kontrak agensi mempunyai klausa yang membenarkan syarikat insurans memberhentikan ejen-ejen tanpa sebab, syarikat insurans jarang menggunakan klausa ini sewenang-wenangnya.

Syarikat insurans jarang menggunakan klausa ini sewenang-wenangnya. Syarikat insurans akan hanya menggunakan klausa ini jika berlaku kes-kes penyelewengan dan penipuan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Arau bertanya adakah ejen dimestikan membayar premium yang dikutip kepada syarikat insurans dengan serta-merta supaya pemegang polisi mendapat perlindungan insurans sebaik sahaja premium dibayar kepada ejen? Di bawah Akta Insurans 1996, penanggung insurans tidak dibenarkan men-

underwrite risiko motor kecuali dan sehingga premium insurans motor diterima daripada pemegang polisi.

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ini terakhirlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Persoalan tadi yang pihak syarikat boleh memberhentikan. Ya, tidak boleh sewenang-wenangnya tetapi dalam keadaan tertentu, kalau kita lihat, *terms and conditions* dan juga dari segi *interest*, kepentingan syarikat dan kepentingan ejen. Kalau syarikat *menterminate* kontrak, syarikat akan mendapat keuntungan sebab dia tidak perlu lagi membayar komisen dan komisen ini banyak peringkat. Peringkat pertama, kedua dan sebagainya. Jadi, dia boleh *terminate*. Persoalan di sini ialah apa yang diminta oleh pihak ejen ialah untuk memperbaiki terma dia, *termination* dan *clause 25* itu.

Kalau dikatakan okey dia diberhentikan, tetapi sekurang-kurangnya usaha dia untuk mendapatkan *client* dia selama ini, walaupun kontrak *determine*, sekurang-kurangnya dia boleh dapat sedikit bahagian daripada komisen dia, sebab dalam industri insurans ini, syarikat setakat ini dia punya *engine of growth*, dia punya penggerak ialah ejen. Kalau ejen tidak bergerak, syarikat pun tidak mendapat apa-apa keuntungan. Jadi, sepatutnya sedikit perlindungan. Makna dia, kepentingan ejen dan kepentingan syarikat dipertimbangkan tetapi di sini, *it is obviously lop-sided*.

Saya sendiri telah ditemui oleh beberapa ejen ini dan ditunjukkan surat-surat di mana mereka ini telah dipaksa untuk menandatangani, *they sign the agreement under duress*, dipaksa. Dia mengatakan kalau tidak sains, habislah, begitu. Sebenarnya ini sebahagian besar. *There are so many insurance agents leading, the unit leader* yang sekarang ini yang dalam terutama sekali unit leader syarikat-syarikat insurans asing yang besar-besar di negara ini yang dia seolah-olah tidak memerlukan servis dia dan *they stand to gain* jika sekiranya buat *termination*. Inilah sebenarnya yang mereka merasa agak cemas sekarang dan yang terakhir persoalan saya ialah setelah nanti undang-undang, pindaan ini diluluskan dan sudah ada penasihat (*adviser*), satu kelas pelesen yang baru, apakah mereka ini juga akan boleh menjadi insurans ejen pada masa yang sama? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Memang saya faham perkara ini iaitu insurans agen, mereka mendapat komisen sehingga 170% daripada premium dibagi dalam masa 6 tahun. Jadi, apa hal kalau mereka *determine*, diberhentikan jadi agen dalam masa setahun contohnya, maka apa jadi dengan dia punya hak untuk mendapatkan komisen.

Saya ingat ini sudah ada dalam perjanjian antara syarikat insurans dengan agen apabila mereka menandatangani perjanjian. Walau bagaimanapun kalau berlaku begini, perkara ini bolehlah dibawa kepada pihak pengetahuan Bank Negara jika ada masalah diberhentikan kerja tanpa mendapat komisen yang layak kepada mereka. Ini satu perkara yang patut dibawa ke Bank Negara dan boleh kita melihat bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang agen sama ada mereka boleh menjadi wakil penasihat kewangan ini, adakah mereka boleh menjadi agen kepada syarikat insurans. Ini tidak boleh, kerana wakil atau mereka yang bekerja dengan syarikat penasihat kewangan mereka adalah *full time*, mereka tidak boleh buat sambilan dengan syarikat-syarikat yang lain, tidak boleh - tidak dibenarkan.

Yang Berhormat Arau, adakah agen dimestikan membayar premium yang dikutip kepada syarikat insurans dengan serta-merta supaya pemegang polisi mendapat perlindungan insurans sebaik sahaja premium dibayar kepada agen. Di bawah Akta 1996 penanggung insurans tidak dibenarkan men-*underwrite* risiko motor kecuali sehingga premium motor diterima daripada pemegang insurans. Pembayaran premium oleh pemegang polisi kepada agen bermakna premium berkenaan telah diterima oleh syarikat insurans. Jadi pembayaran premium sebelum diberikan perlindungan insurans hanyalah disyaratkan kepada insurans motor memandangkan ia adalah satu perlindungan yang diwajibkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, maka pemilik kenderaan yang telah

membayar premium insurans kenderaan motor kepada agen telah mendapat perlindungan insurans walaupun premium tersebut belum diterima oleh syarikat insurans. Bermakna kalau dia bayar kepada agennya, maka dia terpakai, makna dia akan terlindung dengan insurans.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau juga bertanya jika agen tidak membayar premium kepada syarikat insurans, adalah dicadangkan supaya penipuan ini dimaklumkan secara *online* terus kepada syarikat insurans. Syarikat insurans akan mengambil tindakan disiplin terhadap agen yang tidak beretika termasuk mereka yang tidak membayar premium yang diterima kepada syarikat insurans. Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) sebagai badan pengawal selia agen insurans memang menyenaraihitamkan agen-agen ini dan agen yang telah disenaraihitamkan tidak boleh berfungsi sebagai agen lagi dalam industri insurans am.

Yang Berhormat Jerai - syarikat insurans tidak membayar tuntutan pemegang polisi di bawah polisi insurans. Tuan Yang di-Pertua, polisi insurans merupakan satu kontrak di antara syarikat insurans dan pemegang polisi. Pemegang polisi yang tidak mendapat layanan yang adil daripada syarikat insurans semasa membuat tuntutan boleh membuat aduan kepada pihak-pihak berikut untuk penyiataan dan tindakan selanjutnya.

Satu, mereka boleh membuat aduan kepada Unit Aduan Syarikat Insurans yang berkenaan, boleh membuat pengaduan kepada Biro Pengantaraan Kewangan untuk tuntutan-tuntutan dan tahap tertentu dan ketiga kepada Biro Perkhidmatan Pelanggan Jabatan Pengawalan Insurans Bank Negara Malaysia. Setiap tuntutan dan aduan yang sah akan disiasat dan tindakan yang selanjutnya akan diambil terhadap syarikat insurans yang tidak menyelesaikan tuntutan pemegang polisi.

Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Jerai - diskriminasi oleh hospital swasta terhadap syarikat insurans yang lambat membuat pembayaran. Syarikat insurans mungkin mengambil masa untuk membayar tuntutan insurans kesihatan kepada hospital swasta bagi meneliti tuntutan tersebut kerana caj yang dikenakan mungkin lebih tinggi daripada yang dikenakan kepada pesakit dan tidak mempunyai perlindungan insurans.

Yang kedua, rawatan yang diberikan mungkin tiada kaitan dengan penyakit yang dihadapi oleh pesakit. Bagi mengatasi masalah ini pihak Persatuan Syarikat Insurans sedang mengadakan perbincangan dengan Persatuan Hospital Swasta bagi menyeragamkan tuntutan. Prosedur tuntutan dan caj yang dikenakan oleh hospital swasta bagi mempercepatkan proses tuntutan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan mencadangkan supaya pemegang polisi yang membeli insurans tanpa agen contohnya membeli melalui *internet* mendapat potongan rebet ataupun duit komisen. Sekiranya pemegang polisi membeli insurans melalui saluran pengagihan alternatif seperti *bank assurance* dan *internet* kadar premium yang dikenakan ke atas produk insurans hayat biasanya adalah lebih rendah atau pemegang polisi akan mendapat manfaat yang lebih baik untuk mencerminkan sebarang penjimatan kos agihan produk insurans.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan juga menyentuh berkenaan dengan isu perlindungan insurans kesihatan hanya bermula selepas satu tahun polisi dibeli perlu dipertimbangkan. Perlindungan insurans kesihatan untuk perlindungan kemasukan ke hospital dan pembedahan hanya bermula selepas satu bulan sesuatu polisi dibeli. Ini diperkenalkan bagi mengelakkan keadaan di mana mereka yang mengetahui akan dimasukkan ke hospital beberapa hari lagi membeli polisi insurans kesihatan supaya kos perubatan mereka ditanggung oleh syarikat insurans. Mereka yang dimasukkan ke hospital kerana kemalangan akan tetap dilindungi dari hari pertama polisi insurans kesihatan tersebut *effective*.

Bagi mereka yang mempunyai masalah kesihatan sebelum dari membeli polisi insurans kesihatan, syarikat insurans mungkin mengecualikan masalah kesihatan tersebut atau perlindungan insurans hanya akan bermula selepas sesuatu tempoh tertentu dari polisi tersebut dibeli. Walau bagaimanapun kos perubatan bagi masalah kesihatan lain akan ditanggung oleh syarikat insurans.

Di samping itu perlindungan bagi beberapa penyakit tertentu seperti kencing manis dan *hypertension* akan bermula selepas 4 bulan sesuatu polisi dibeli. Penyakit-penyakit tersebut adalah penyakit di mana tanda-tandanya mengambil masa untuk menunjukkan dengan jelas ataupun *manifest*.

Yang Berhormat Puchong bertanya kenapa apabila berlaku kecurian kadar pampasan adalah sebanyak 77% daripada nilai yang diinsuranskan walaupun nilai yang diinsuranskan tersebut adalah dicadangkan oleh agen insurans. Insurans adalah berdasarkan prinsip *indemnity* seperti yang saya sebutkan tadi. Oleh itu syarikat insurans akan membayar pampasan yang mencerminkan harga pasaran kenderaan pada masa kehilangan tertakluk kepada nilai yang diinsuranskan. Walau bagaimanapun harus diingatkan bahawa nilai kenderaan sebagai suatu aset yang tertakluk kepada penurunan nilai tidak statik sepanjang tempoh perlindungan insurans. Nilai pasaran kenderaan pada akhir tempoh perlindungan insurans motor adalah biasanya lebih rendah berbanding dengan nilai pasaran pada permulaan tempoh perlindungan.

Industri insurans sedang pertimbangkan penubuhan pangkalan data nilai kereta bagi membantu pemilik kenderaan dan syarikat insurans dalam penetapan nilai insurans, dan jumlah pampasan sekiranya kereta berkenan dicuri atau dikelaskan sebagai *total loss*.

Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Kudat dan Yang Berhormat Pensiangan mencadangkan supaya pengguna kereta memasang *anti-theft* di kereta-kereta mereka dan syarikat insurans memberi diskaun kepada mereka yang memasang *anti-theft* di kereta-kereta mereka. Penanggung insurans atau syarikat insurans memang menggalakkan pemilik kenderaan untuk memasang sistem pencegah kecurian bagi melindungi kenderaan mereka terutamanya model kereta yang mempunyai risiko kecurian yang tinggi. Isu pemberian diskaun premium bagi pemasangan sistem berkenaan sedang dikaji dan dipertimbangkan oleh industri insurans.

Yang Berhormat Hulu Langat - isu nota perlindungan ataupun *cover note* terbang. Dalam hal ini agen telah mengeluarkan nota perlindungan yang telah tamat tempoh mengakibatkan tuntutan pemegang polisi ditolak. Pada sekarang ini industri insurans telah pun melaksanakan sistem JPJ e-insurans, iaitu satu jalinan elektronik di mana Jabatan Pengangkutan Jalan dan syarikat insurans bagi perlindungan insurans motor. Sistem ini membolehkan syarikat insurans menyalurkan maklumat nota perlindungan secara elektronik kepada JPJ bagi tujuan mengeluarkan cukai jalan oleh JPJ. Maka nota perlindungan terbang bukanlah satu isu pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran bertanya adakah kajian telah dibuat ataupun diadakan bagi mengelakkan harga-harga premium oleh syarikat-syarikat insurans sesuai dengan perlindungan yang diberikan. Tadi saya telah jawab tentang tarif bagi tahun 1978 yang sedang dikaji sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat bagi Arau bertanya tentang bank komersial yang menawarkan khidmat insurans kepada orang ramai mengehendaki pelanggannya supaya mengambil insurans dengan syarikat insurans tertentu. Tuan Yang di-Pertua, Bank Komersial adalah dikehendaki mempunyai suatu panel syarikat insurans yang terdiri daripada sekurang-kurangnya empat syarikat insurans. Oleh yang demikian orang ramai diberi pilihan untuk membeli perlindungan insurans daripada mana-mana empat syarikat insurans dalam panelnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pendang, Yang Berhormat bagi Ledang dan juga Yang Berhormat bagi Jerai - ini berkenaan dengan bencana alam yang tidak dilindungi. Tuan Yang di-Pertua, bencana alam tidak diklasifikasikan berdasarkan keluasan kawasan yang terlibat. Sama ada sesuatu kajian kejadian, termasuk bencana alam dilindungi oleh polisi insurans adalah tertakluk kepada polisi insurans berkenaan. Dalam kes insurans motor, perlindungan komprehensif asas tidak melindungi kerosakan kenderaan akibat banjir, taufan, gempa bumi dan tanah runtuh. Walau bagaimanapun, pemegang polisi komprehensif motor boleh membeli perlindungan risiko-risiko berkenaan dengan bayaran premium tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat bagi Jeli, Yang Berhormat bagi Ledang, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Yang Berhormat bagi Kudat dan juga Yang Berhormat bagi Ayer Hitam - tentang warga tua. Tidak patut dinafikan daripada mendapat perlindungan insurans.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pelan perlindungan insurans hayat, menyediakan perlindungan kepada orang ramai yang berumur sehingga 65 tahun. Di samping itu juga, terdapat pelan perlindungan insurans yang khusus disediakan untuk warga tua. Kadar premium yang ditetapkan adalah bersesuaian dengan risiko yang dihadapi oleh syarikat insurans untuk menanggung risiko tertentu. Terdapat juga pelan insurans seperti insurans kemalangan yang menyediakan perlindungan kepada orang ramai yang berumur sehingga 75 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran, mengapa Bank Negara Malaysia mengambil keputusan menghendaki nilai serahan ataupun *surrender value* dibayar sewal tahun yang pertama polisi. Tuan Yang di-Pertua, keperluan untuk membayar nilai serahan seawal tahun pertama polisi akan memberi manfaat bukan sahaja kepada pemegang polisi yang menamatkan polisi pada awal tahun polisi, malah juga pada mereka yang terus memegang polisi mereka sehingga tarikh matang.

Keperluan ini juga akan memastikan penanggung insurans tidak akan menyimpan sebahagian daripada lebihan yang diperolehi daripada pelaburan dalam dana insurans, malah perlu diagihkan kembali kepada pemegang polisi sama ada dalam bentuk nilai serahan atau peningkatan dalam manfaat insurans yang tidak dijamin.

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ekoran daripada dasar seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat, syarikat-syarikat insurans telah menggunakan satu alasan untuk menaikkan premium sebab mengikut mereka dasar yang ditetapkan oleh Bank Negara telah menyebabkan mereka mengalami kerugian. Jadi, apakah pendirian Bank Negara terhadap langkah oleh penanggung insurans untuk menaikkan premium atas apa yang ditetapkan oleh Bank Negara dan sama ada Bank Negara akan membenarkan atau meminta mereka mengkaji semula tindakan menaikkan premium.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini perniagaan. Saya bukanlah hendak *protect*, hendak menyokong pihak syarikat insurans, tetapi kalau risikonya tinggi, tentulah syarikat insurans tidak akan mengambil risiko itu. Mereka mengenakan premium yang lebih tinggi sedikit untuk memberi lindungan ke atas pegawai-pegawai yang spesifik. Contohnya macam dia sebut tadi, kalau umur sudah meningkat tinggi, maka perlu premium yang lebih tinggi ataupun ada penyakit yang tertentu, maka perlulah ada tambahan premium ataupun *riders* yang saya sebut tadi. Jadi, ini adalah pertimbangan *business* jugalah untuk *survivor* syarikat-syarikat berkenaan. Kalau dia mengambil hanya premium yang biasa untuk melindungi perkara-perkara yang lebih serius ataupun risiko yang lebih tinggi, maka mungkin syarikat itu akan menjadi tidak *solvent* pada masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong bertanya adakah benar bahawa premium insurans hayat bagi 16 buah syarikat insurans dinaikkan sebanyak 10%? Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya tiada kenaikan premium insurans hayat oleh syarikat insurans hayat. Walau bagaimanapun, penentuan kadar premium adalah tertakluk kepada beberapa faktor utama, seperti pengalaman ke syarikat, prestasi peluang pelanggan pelaburan syarikat dan tahap perbelanjaan serta *margin* keuntungan yang mungkin boleh diperolehi oleh syarikat insurans.

Kebiasaannya syarikat insurans menyemak kadar premium pelan insurans mereka secara berkala untuk memastikan kadar premium mencerminkan keupayaan syarikat insurans untuk menanggung manfaat yang ditawarkan oleh sesuatu pelan insurans. Yang ini kalau apa-apa juga pelan baru yang dikeluarkan hendaklah mendapat kelulusan daripada Bank Negara, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran - perlu ada had masa supaya syarikat insurans hayat tidak boleh mempertikaikan kesahihan polisi insurans hayat ataupun ada *uncontestable clause*. Seksyen 1474 kepada Akta Insurans 1996, memperuntukkan bahawa syarikat insurans tidak boleh mempertikaikan kesahihan sesuatu polisi insurans hayat selepas tamat tempoh dua tahun dari tarikh polisi tersebut berkuat kuasa kecuali sekiranya syarikat insurans membuktikan berlakunya penipuan, atau *fraud* dibuat oleh pemegang polisi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong - tentang percantuman syarikat insurans dari Malaysia untuk mendapatkan dana yang lebih kukuh dan kesan bagi melindungi suatu risiko yang tinggi. Buat masa kini terpaksa mengambil perlindungan insurans dari negara luar yang sanggup untuk melindungi sesuatu risiko. Tuan Yang di-Pertua, skim risiko besar dan terkhusus telah pun diperkenalkan pada tahun 1993 bagi membolehkan penglibatan penuh penanggung insurans Malaysia dalam penentuan kadar, terma dan syarat untuk penempatan risiko besar insurans dan insurans semula bagi meningkatkan kapasiti insurans semula tempatan. Dalam bahagian ini tahap bendungan bersih ataupun *net retention* keseluruhan telah meningkat kepada 87.8% pada tahun 2004. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya syarikat-syarikat insurans telah pun bergabung daripada 29 syarikat kepada 16 syarikat sekarang ini. Senarainya ada pada saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tanjong - Fasal 23 melarang seseorang penasihat kewangan berlesen atau wakil penasihat kewangan daripada mendorong seseorang membuat sesuatu kontrak insurans dengan cara yang tidak wajar. Apakah takrif tidak wajar dan siapakah bertanggungjawab sama ada penasihat kewangan atau wakil penasihat kewangan. Tuan Yang di-Pertua, takrif tidak wajar meliputi membuat sesuatu pernyataan yang mengelirukan ataupun palsu ataupun memperdaya sama ada secara *fraud* atau selainnya. Secara *fraud* menyembunyikan sesuatu akta, fakta material atau menggunakan risalah jualan atau unjuran jualan yang tidak dibenarkan oleh penanggung insurans berlesen. Kedua-dua penasihat kewangan dan wakil penasihat kewangan akan bertanggungjawab ke atas tindakan mendorong seseorang membuat sesuatu kontrak insurans dengan cara yang tidak wajar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tanjong juga, mengenai dengan pindaan Akta Insurans, hanya tertumpu kepada produk insurans dan bukannya unit amanah ataupun unit *trust* dan lain-lain produk kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, industri perancangan kewangan akan dikawal selia berdasarkan pengawalan fungsi ataupun *functional regulations* di mana penasihat kewangan yang memberi nasihat mengenai produk insurans akan diletak di bawah skop Akta Insurans 1996 dengan Bank Negara sebagai pengawal utama ataupun *primary regulators*. Penasihat kewangan akan tertakluk kepada keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti hanya dalam aspek khidmat nasihat pelaburan ataupun *investment advisory services* sekiranya penasihat kewangan tersebut ingin memberi khidmat tersebut.

Yang Berhormat bagi Tanjong lagi, memandangkan penasihat kewangan boleh menawarkan produk insurans kepada mana-mana syarikat insurans sama ada mereka mempunyai kemampuan untuk mengetahui semua produk-produk insurans yang ditawarkan oleh syarikat insurans.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tidak munasabah bagi penasihat kewangan menawarkan kesemua produk-produk penanggung insurans. Ini adalah kerana "penasihat kewangan" dikehendaki mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai produk-produk insurans hayat yang ditawarkan oleh sesuatu penanggung insurans hayat. Kebiasaan yang diamalkan di luar negara ialah penasihat kewangan menawarkan produk-produk hanya untuk 5 hingga 6 penanggung insurans sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tanjong juga bertanya mengapakah lesen penasihat kewangan hanya akan diberikan kepada badan korporat. Tuan Yang di-Pertua, badan korporat mempunyai sumber yang lebih baik untuk mengadakan semakan dan imbalan *check and balance* serta mengekalkan rekod dan jejak audit ataupun *auditorial* yang wajar. Selain itu memandangkan pemegang lesen merupakan sebuah

badan korporat, ia akan dapat memberikan lebih kebolehpercayaan dan meningkatkan keyakinan awam. Keperluan menetapkan badan korporat adalah sama seperti amalan di United Kingdom dan Singapura serta lain-lain pemegang lesen, contohnya 'ajuster' dan broker insurans yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tanjong juga bertanya apakah syarat-syarat pelesenan "penasihat kewangan", berapakah modal syer yang paling minimum "penasihat kewangan".

Tuan Yang di-Pertua, permohonan lesen penasihat kewangan adalah dikehendaki memenuhi beberapa kriteria seperti berikut:

- (i) merupakan sebuah badan korporat dengan mempunyai sejumlah modal berbayar minimum yang tidak terjejas oleh kerugian yang akan ditentukan oleh peraturan insurans.
- (ii) penasihat kewangan tersebut mesti dikawal oleh warganegara Malaysia dan mempunyai perlindungan *insurance indemnity* profesional;
- (iii) mempunyai kecekapan dan kepakaran yang berkaitan dan mematuhi keperluan lain seperti yang dikenakan ke atas pemegang lesen di bawah Akta Insurans 1996 seperti pelantikan Pengarah, Ketua Pengarah Eksekutif, perubahan dalam pemegang saham dan pembukaan cawangan adalah tertakluk kepada kelulusan Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat tidak menyatakan apakah modal minimum yang dikenakan dan keduanya sama ada selain daripada entiti korporat, apakah *enterprise* entiti yang didaftarkan sebagai sebuah *enterprise* juga boleh memohon mendapat lesen ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya sengaja tidak mahu sebut tentang modal minimum di Dewan ini kerana masih dibincangkan di peringkat Bank Negara dan Bank Negara apabila berpuas hati tentulah akan meletakkan modal minimum yang hendak diperolehi oleh syarikat yang memohon. Tadi apa lagi satu tadi? [*Mengajukan pertanyaan kepada Yang Berhormat bagi Tanjong*]

Tuan Chow Kon Yeow: Entiti yang bukan didaftarkan sebagai syarikat tetapi sebagai *enterprise*, bukan sendirian berhad.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Oh ini tadi saya sebut badan korporat yang boleh memohon. Perkara ini hendaklah kita rujuk kepada *guideline* yang akan dibuat oleh pihak Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tanjong juga bertanya apakah syarat-syarat pelesenan penasihat kewangan, berapakah modal syer berbayar minimum yang saya tidak sebut tadi. Apakah kelayakan akademik wakil penasihat kewangan juga ditanya oleh Yang Berhormat bagi Tanjong. "Penasihat kewangan" perlu mempunyai kelayakan dan kelulusan yang sewajarnya yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia bagi memastikan mereka mempunyai tahap kecekapan yang diperlukan untuk memberi nasihat kewangan kepada pengguna.

Soalan seterusnya apakah kriteria pelantikan wakil penasihat kewangan. Bagi wakil "penasihat kewangan", Bank Negara Malaysia akan mengambil kira antaranya adalah seperti berikut:

- (i) kelayakan profesional dan pengalaman kerja dalam bidang perancangan kewangan;

- (ii) lain-lain kriteria seperti layak dan sesuai termasuk reputasi, keperibadian dan kejujuran.

Yang Berhormat bagi Tanjong juga bertanya tentang peranan Biro Perkhidmatan Kewangan (BPK) dalam menyelesaikan tuntutan-tuntutan insurans. Biro Perkhidmatan Kewangan (BPK) yang dahulunya dikenali sebagai Biro Pperantaraan Insurans telah dilancarkan oleh industri insurans dan perbankan dalam Januari 2005. Bagi tuntutan terhadap syarikat insurans oleh pemegang polisi dan pihak yang menuntut, BPK akan menimbang tara tuntutan secara adil dan percuma kepada had-had tertentu seperti berikut:

- (i) untuk tuntutan insurans motor dan kebakaran sehingga RM200,000;
- (ii) untuk tuntutan lain sehingga RM100,000;
- (iii) untuk kerosakan harta benda pihak ketiga sehingga RM25,000.

Keputusan yang dibuat oleh BPK adalah terikat kepada syarikat insurans dan bukannya kepada pihak yang membuat tuntutan. Dalam tahun 2004, Biro Perantaraan Insurans (BPK) tadi telah mengadakan sebanyak 1,105 kes tuntutan daripada pemegang polisi dan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tanjong juga bertanya tentang adakah Bank Negara Malaysia akan mengehadkan pengeluaran lesen “penasihat kewangan”. Bank Negara tidak akan mengehadkan bilangan lesen yang akan dikeluarkan kepada penasihat kewangan. Seseorang yang ingin menjadi “penasihat kewangan” perlulah memastikan mereka mematuhi keperluan-keperluan pelesenan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Tahap penembusan pasaran di Malaysia secara relatif adalah rendah iaitu 37.9% pada tahun 2004 berbanding dengan pasaran yang lebih maju daripada Singapura, Korea Selatan dan Jepun yang mengalami kadar penembusan dalam lingkungan 87% sehingga 141%. Ini menunjukkan peluang bagi pertumbuhan sektor insurans hayat di Malaysia masih luas memandangkan sebahagian besar daripada penduduk masih tidak mempunyai insurans. Dengan ini, “penasihat kewangan” akan mendapat membantu meningkatkan tahap penembusan insurans hayat di kalangan rakyat Malaysia.

Yang Berhormat bagi Tanjong juga bertanya apakah peranan Bank Negara Malaysia dalam pelaksanaan Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan. Perincian berkenaan dengan pelaksanaan skim tersebut masih dalam perbincangan dan pihak Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan skim tersebut telah mendapat pandangan daripada pihak berkenaan termasuk Bank Negara mengenai pelaksanaannya.

Dan, soalan lagi, apakah status penggabungan dalam industri insurans sekarang. Tadi saya telah sebut bahawa pada Jun 2005 sebanyak 16 penggabungan syarikat insurans melibatkan 29 syarikat insurans telah disempurnakan. Hasil penggabungan tersebut, jumlah syarikat insurans langsung telah susut daripada 58 pada penghujung tahun 1999 kepada 42 buah sekarang ini.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang di dalam kes-kes mengenai pemegang amanah wang polisi ataupun *trustee*, ada kes dilaporkan bahawa ejen-ejen insurans telah mengisi borang dengan meletakkan nama *trustee* yang tidak sah. Justeru itu, apabila pampasan diberikan, waris yang sah iaitu *beneficiary* tidak dapat menerima wang tersebut. Apakah langkah yang patut diambil untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemegang polisi adalah digalakkan untuk memastikan bahawa ejen-ejen insurans menamakan *trustee* yang mana pemegang-pemegang polisi mahu melantik individu tersebut untuk mengelakkan penipuan oleh pihak ejen di mana pihak pemegang polisi hendaklah menentukan daripada awal lagi pemegang *trustee* yang hendak diberi dan dinamakan.

Yang Berhormat bagi Kudat, adakah Akta Khas untuk takaful dan apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengembangkan industri takaful dan menjadi negara induk bagi takaful.

Tuan Yang di-Pertua, akta bagi mengawal selia usaha industri takaful adalah Akta Takaful 1984. Antara usaha yang diambil bagi mengembangkan industri takaful dan meletakkan Malaysia sebagai negara induk merangkumi menggalakkan pengendali takaful sedia ada untuk menjalankan operasi di luar negara melalui pegangan ekuiti dalam syarikat takaful asing, memposisikan Malaysia sebagai pusat pendidikan Islam antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kudat dan Kuala Kerai, ini soalan. Adakah skim kelompok insurans pelajar sekolah melindungi mangsa gengsterisme dan jika seorang murid sekolah dilanggar oleh kereta yang tidak ada perlindungan motor insurans, siapakah yang menanggung kos perubatannya?

Tuan Yang di-Pertua, skim kelompok insurans bagi semua pelajar sekolah kerajaan memberi perlindungan personal *accident* yang memberi pampasan dalam kes kecederaan, kematian ataupun kematian pelajar sekolah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kecederaan atau kematian akibat gengsterisme adalah dilindungi di bawah skim ini dengan syarat mangsa berkenaan bukan penyebab kepada serangan tersebut. Mangsa kemalangan yang diakibatkan oleh kenderaan tanpa perlindungan insurans motor akan di bayar pampasan oleh biro penanggung insurans motor yang ditubuhkan dan dibiayai oleh industri insurans.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, Kudat dan juga Bentong bertanya tentang bagaimana.....

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ledang, bangun.

Dato' Seri. Dr. Hilmi bin Yahaya: Sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Tentang insurans kepada pelajar-pelajar sekolah, insurans kelompok ini, saya mendapat aduan iaitu apabila seseorang pelajar atau murid mengalami kemalangan mereka hendak *claim* dengan insurans Takaful iaitu insurans berkelompok tetapi pihak insurans telah pun memberikan alasan bahawa nama murid yang kemalangan tidak ada dalam senarai pelajar-pelajar ataupun murid-murid yang dilindungi insurans.

Adakah dasar insurans takaful ataupun insurans lain memestikan bahawa walaupun insurans itu adalah insurans berkelompok tetapi nama murid-murid atau pelajar-pelajar mesti ada di dalam senarai mereka. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri. Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahu apabila ataupun maksud insurans berkelompok maknanya kumpulan tersebutlah, jadi saya tidak boleh hendak jawab sekarang ini, sama ada perlu ada. Ini peraturan, saya tidak tahu hendak jawab, saya tidak berani hendak beri komitmen tentang perkara ini, sama ada perlu ada nama pelajar berkenaan dalam insurans berkelompok itu sebelum pelajar itu mendapat pampasan. Ini saya tidak berani hendak memberi jaminan, ini peraturan dan saya, Insya-Allah, akan semak perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah cara untuk meningkatkan tahap penembusan pasaran industri takaful? Ini soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas, Kudat dan juga Bentong. Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa inisiatif yang diambil bagi memperkukuhkan kapasiti mengendalikan takaful dalam meluaskan pasaran perniagaan;

- (i) mengeluarkan sehingga empat lesen takaful yang baru kepada pemohon yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, sebaik-baiknya mempunyai pengalaman dalam perniagaan perbankan Islam dan Takaful;
- (ii) mempertingkatkan modal share berbayar pengendali Takaful kepada 100 juta ringgit;

- (iii) mempertingkatkan kesedaran pengguna melalui program pendidikan pengguna;
- (iv) menggalakkan pengendalian takaful untuk mempelbagaikan saluran agihan melalui penggunaan pengaturan Bank Takaful

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pasir Mas - adakah terdapat kempen Takaful dijalankan di luar bandar dan di masjid dan adakah terdapat skim takaful dimana caruman yang dikenakan adalah mampu bagi mereka yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, usaha yang telah diambil bagi meningkatkan kesedaran penggunaan mengenai takaful adalah melalui *road show* kempen kesedaran pengguna mengenai takaful dan perbankan Islam yang akan diadakan di seluruh Malaysia termasuk di luar bandar. Skim Takaful merangkumi semua individu termasuk mereka yang berpendapatan rendah. Caruman yang dikenakan bergantung kepada manfaat yang diperlukan oleh individu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ini jawapan kepada Tanjong, ini ada yang tertinggal tadi, pindaan Akta Insurans hanya tertumpu kepada produk insurans yang bukannya unit amanah dan lain-lain produk berkenaan ini. Saya ingat saya sudah jawab tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja yang boleh saya jawab dan saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 hingga 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT KAPAL LAYAR ANTARABANGSA LANGKAWI 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.38 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Akta Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Rang Undang-Undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005 dicadangkan adalah bagi melaksanakan keputusan kerajaan untuk:

- (i) menyediakan suatu persekitaran yang boleh menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat aktiviti kapal layar

antarabangsa atau pun *international yachting center* yang pertama di rantau ini dan setanding dengan pusat-pusat aktiviti kapal layar antarabangsa dan terkenal seperti di kawasan Mediterranean, kepulauan Caravan dan Florida;

- (ii) Mewujudkan sebuah region seumpama region persisir atau off shore di Langkawi agar faedah-faedah daripada region luar pesisir ini dipanjangkan kepada syarikat yang diperbadankan di Langkawi, khusus untuk menjalankan aktiviti berkaitan kapal layar.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif untuk mewujudkan satu region pendaftaran *yacht* atau kapal layar ini telah dimulakan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia. Hasil daripada inisiatif dari Kementerian Pengangkutan ini sebuah akta yang dikenali sebagai *Langkawi International Yacht Registry Act 2002*, dengan izin, [Akta 630] (LIRA) telah digubal bagi membolehkan penubuhan dan penswastan pusat pendaftaran kapal layar dan entiti kapal layar tersebut dilaksanakan.

Di bawah LIRA fungsi pendaftar telah diwakilkan kepada pasukan perunding asing yang berpengalaman dalam industri dan aktiviti berekreasi kapal layar atau *recreational yachting industry* dan hal-hal perundangan yang berkaitan dengannya. Melalui sebuah perjanjian konsesi yang diberikan oleh kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia. Selain daripada melaksanakan sistem pendaftaran kapal layar dan entiti kapal layar di bawah LIRA adalah juga dicadangkan agar seumpama region luar pesisir, off shore di panjangkan kepada syarikat yang diperbadankan di Langkawi, khusus untuk menjalankan aktiviti perniagaan berkaitan kapal layar.

Cadangan ini akan dapat memberikan kemudahan dengan izin, *one stop centre* kepada komuniti pemilik dan syarikat kapal layar *yachting fraternity* bagi semua keperluan dan aktiviti yang melibatkan industri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan rang undang-undang yang akan dicadangkan ini adalah berhubung dengan pemerbadanan sesebuah syarikat, maka Jemaah Menteri telah membuat keputusan pada mesyuaratnya yang telah diadakan pada 13 Oktober 2004 agar fungsi pendaftaran di bawah rang undang-undang yang dicadangkan ini diberikan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, yang ketika ini merupakan sebuah badan berkanun yang mengawal selia Akta Syarikat 1965 dan lain-lain perundangan yang berkaitan dengan pemerbadanan syarikat.

Tatacara pelaksanaan cadangan sistem pemerbadanan syarikat kapal layar ini melibatkan penggubalan satu akta baru yang mengandungi peruntukan bagi membolehkan, *enabling provision* dengan izin, penubuhan satu sistem pendaftaran untuk memperbadankan syarikat di Langkawi khusus untuk menjalankan perniagaan atau aktiviti berkaitan kapal layar.

Selain itu peraturan-peraturan berkaitan subsidiari *legislation*, dengan izin akan kemudiannya disediakan bagi menetapkan secara terperinci perkara-perkara teknikal dan prosedur yang dikehendaki dilaksanakan bagi melengkapi Akta Ibu.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah undang-undang pemerbadanan syarikat sedia ada, iaitu di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125), pemerbadanan sebuah syarikat di bawah akta ini akan mewujudkan sebuah entiti yang diiktiraf oleh undang-undang sebagai mempunyai personaliti yang sah dan boleh berinteraksi di sisi undang-undang.

Akta 125 menyatakan pelbagai keperluan pematuhan perundangan yang harus dipatuhi oleh syarikat-syarikat yang diperbadankan di bawah akta ini. Walau bagaimanapun seperti yang dijelaskan di atas bagi memastikan pewujudan suatu persekitaran bagi menarik syarikat asing dan tempatan agar menjalankan aktiviti kapal layar mereka di Langkawi, maka perundangan yang sedia ada di bawah Akta 125 yang memperuntukkan pelbagai kehendak pematuhan perundangan didapati tidak sesuai untuk menampung konsep pemerbadanan syarikat kapal layar. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan pelbagai kelonggaran pematuhan yang antara lainnya seperti berikut:

- (i) membuka pemerbadanan syarikat kapal layar di Langkawi ini kepada syarikat tempatan atau asing atau syarikat-syarikat asing yang menjalankan aktiviti berkaitan kapal layar; dan
- (ii) memberikan kelonggaran kepada syarikat kapal layar yang diperbadankan di bawah perundangan yang dicadangkan ini sebagaimana yang diberikan kepada syarikat-syarikat pesisir pantai yang diperbadankan di bawah Offshore Company Act 1998/1990 (Akta 141) di Labuan, seperti contoh membenarkan pelantikan hanya seorang pengarah (*single director*), dengan izin tidak mewajibkan pelantikan pengarah-pengarah *resident director*, pengecualian audit dan membenarkan perpindahan (*domicile*) seperti syarikat asing ke Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005 ini mencadangkan sepuluh bahagian yang dipecahkan kepada 127 klausa yang antaranya adalah seperti berikut:

- (i) bahagian ini memberikan kuasa kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menetapkan tarikh permulaan kuasa akta. Kuasa Akta yang disebut Akta Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005 melalui pemberitahuan di dalam warta. Bahagian ini juga mencadangkan takrif beberapa perkataan dan ungkapan tertentu yang dipakai di dalam rang undang-undang ini, antara yang penting adalah berkenaan takrif perbadanan yang selain merujuk kepada syarikat Langkawi, ianya juga merangkumi syarikat tempatan domestik atau syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia;
- (ii) jenis-jenis aktiviti yang dibenarkan bagi syarikat Langkawi yang terhad kepada aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kapal layar sahaja yang maksudnya mempunyai kapal layar pemunya, pesawat udara terutamanya helikopter yang dibawa di atas kapal layar, pengurusan kapal layar, pengambilan dan latihan anak-anak kapal dalam kapal layar, pencatatan kapal layar, pembrokeran kapal layar atau selainnya, pemasaran aktiviti, kemudahan atau rekreasi, atau percutian berkaitan kapal layar, pembekalan dan perkhidmatan kapal layar, perkhidmatan keselamatan kapal layar atau apa-apa perniagaan yang berkaitan dan selaras dengan kapal layar dan penyelarasan pelayaran sebagaimana yang ditentukan oleh pendaftar.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian II, bahagian ini pula mengandungi peruntukan berkaitan dengan pentadbiran akta ini dan perkara-perkara yang berkaitan menyerahkan atau memfailkan dokumen dengan pendaftar. Klausa 12 menyatakan bahawa segala permohonan, penyerahan, pemfailan dan pengeluaran selain dokumen daripada pendaftar hendaklah dibuat melalui entiti pengurusan yang diberi kuasa oleh menteri di bawah klausa 102. Bahagian ini juga menyatakan klausa pendaftar yang meluluskan juruaudit dan plekudasi bagi syarikat-syarikat di Langkawi.

Bahagian III, bahagian ini mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan dengan pemerbadanan syarikat kapal layar. Bahagian ini terbahagi kepada dua penggal iaitu:

- (i) Penggal I menyatakan peruntukan berkaitan dengan penubuhan dan pendaftaran syarikat-syarikat Langkawi yang terdiri daripada syarikat yang terhad, mengikut syer sahaja. Klausa 22 dan 23 memberikan sebuah, membenarkan sebuah syarikat asing yang menjalankan aktiviti kapal layar memohon kepada pendaftar kebenaran untuk berpindah dan didaftarkan di bawah akta ini, dan jika didaftarkan ianya disifatkan sebagai satu syarikat Langkawi ber*domicile* di Langkawi tanpa menjejaskan kewujudan syarikat itu; dan

- (ii) Penggal II pula memperuntukkan berkenaan status dan nama sesuatu syarikat Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV cadangan berikutnya adalah yang mengandungi peruntukan berhubung dengan terbitan syer-syer dan daftar gadaian. Bahagian ini dibahagikan kepada tiga penggal iaitu:

- (i) berhubung dengan pengumpulan dan urus niaga mengenai syer-syer suatu syarikat Langkawi. Klausula 47 menyatakan bahawa terbitan syer, syer adalah terhadap hanya kepada tawaran yang memberikan kepada pemegang syernya hak untuk menggunakan mana-mana kemudahan rekreasi dan aktiviti percutian yang berkaitan dengan kapal layar yang dipunyai oleh syarikat yang membuat tawaran tersebut;
- (ii) berhubung dengan hak milik dan pemindahan syer-syer dan kepentingan suatu syarikat Langkawi. Klausula 48 menyatakan jenis syer yang diterbitkan oleh suatu syarikat Langkawi. Klausula 51 membenarkan sesuatu syarikat Langkawi mempunyai suatu meterai syer bagi maksud-maksud perakuan syernya. Klausula 53 menghendaki suatu syarikat Langkawi yang mengeluarkan perakuan syer dalam tempoh dua bulan selepas pengumpulannya dan untuk menyempurnakan apa-apa pemindahan syer dalam tempoh satu bulan; dan
- (iii) berhubung dengan daftar gadaian di mana klausula 53/55 menghendaki satu syarikat Langkawi menyelenggara suatu daftar gadaian dan menyimpan suatu salinan tiap-tiap surat cara yang mewujudkan suatu gadaian di pejabat pendaftarannya.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V pula mengandungi peruntukan berkenaan dengan pengurusan dan pentadbiran suatu syarikat Langkawi. Bahagian ini dibahagikan kepada lima penggal iaitu:

- (i) berhubung dengan pejabat pendaftar dan menghendaki nama suatu syarikat Langkawi dipamerkan di luar pejabat dan di semua dokumen-dokumen syarikat;
- (ii) berhubung dengan pelantikan dan kewajipan-kewajipan pengarah dan pegawai-pegawai syarikat Langkawi. Klausula 58 menyatakan bahawa setiap syarikat Langkawi dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya seorang pengarah.

Di bawah klausula ini seorang pengarah tidak boleh mendedahkan atau menggunakan untuk apa-apa tujuan, apa-apa maklumat yang di dapatnya disebabkan oleh jawatannya kecuali jika dikehendaki oleh undang-undang untuk berbuat demikian.

Klausula 62 menghendaki seseorang pengarah mendedahkan kepentingannya dalam apa-apa kontrak atau kontak yang dicadangkan dengan Syarikat Langkawi yang dia ialah seorang pengarah.

Klausula 63 menjadikannya kewajipan setiap pegawai suatu Syarikat Langkawi untuk bertindak dengan jujur dan penuh keusahaan dan melarangnya daripada menggunakan secara tidak patut apa-apa maklumat yang diperolehinya disebabkan oleh jawatannya untuk mendapat kebaikan bagi dirinya atau bagi orang-orang lain.

Klausula menyatakan tentang pelantikan setiausaha yang boleh melebihi daripada seorang tetapi seorang daripadanya hendaklah pegawai entiti pengurusan.

Klausula 65 menghendaki suatu Syarikat Langkawi menyimpan satu daftar pengarah-pengarah dan pegawai yang mana hendaklah mengandungi nama penuh dan alamat kediaman biasa seseorang pengarah atau pegawai.

Bahagian III, penggal 3 adalah mengenai perkara-perkara berkenaan mesyuarat agung dan *proceeding* mesyuarat.

Klausa 67 memberi kuasa kepada pengarah-pengarah Syarikat Langkawi untuk memanggil mesyuarat anggota apabila difikirkan perlu atau atas permintaan lebih daripada 10 anggota atau anggota-anggotanya yang memegang tidak kurang daripada satu persepuluh modal berbayar. Klausa ini juga mengiktiraf mesyuarat yang diadakan melalui telefon dan alat-alat elektronik lain.

Penggal ke-4, adalah berhubung dengan daftar anggota-anggota dan penggal ke-5 adalah berhubung dengan penyata yang dikehendaki diserahkan oleh suatu Syarikat Langkawi kepada pendaftar.

Tuan Yang di-Pertua Bahagian VI rang undang-undang yang dicadangkan ini pula memperkatakan tentang akaun dan audit dan adalah dibahagikan kepada dua penggal; iaitu Penggal 1 adalah berhubung dengan akaun di mana Kalusa 81 mengehendaki suatu Syarikat Langkawi menyimpan rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang sesuai yang hendaklah terbuka untuk pemeriksaan pengarah-pengarah syarikat itu dan mana-mana juru audit yang bertindak bagi seorang pengarah, Klausa 82 menyatakan bahawa tertakluk kepada Klausa 85 pengarah Syarikat Langkawi hendaklah membentangkan akaun audit atau tidak diaudit syarikat di satu mesyuarat agung tidak lebih dari sembilan bulan selepas tarikh setakat mana akaun-akaun itu dibuat kecuali jika semua ahli membuat ketetapan bahawa akaun pada tahun tertentu tidak perlu dibentangkan pada tahun kewangan tersebut.

Penggal ke-2 adalah berhubung dengan pengauditan akaun, keperluan audit adalah tertakluk kepada Klausa 85 yang memperuntukkan dua keadaan di mana audit tidak perlu diperlukan iaitu pertama dalam keadaan di mana suatu Syarikat Langkawi tidak menerbitkan pelawaan atau mengedarkan borang permohonan kepada awam untuk membeli syer Syarikat Langkawi tersebut. Yang keduanya, apabila anggota syarikat tersebut telah memutuskan bahawa pelantikan juru audit tidak diperlukan dan berkenaan dengan setiap tahun kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VII cadangan yang seterusnya adalah yang memperkatakan mengenai pengiraan. Pengiraan dan penyusunan semula sebuah Syarikat Langkawi, Klausa 91 memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan berkenaan dengan pengawasan dan pengawalan transaksi, pengambilan, pengambilalihan, dan percantuman Syarikat Langkawi.

Bahagian VIII, manakala bahagian ini pula menyatakan tentang syarikat-syarikat Langkawi asing. Satu Klausa 93 membolehkan suatu syarikat asing yang bertujuan mengandungi suatu tempat perniagaan atau menjalankan aktiviti berkaitan kapal layar di Langkawi didaftarkan sebagai sebuah Syarikat Langkawi asing. Syarikat tersebut hendaklah menyerahkan kepada pendaftar dokumen-dokumen tertentu termasuklah salinan diperakui, perakaunan, perbadanannya.

Memorandum dan perkara-perkaranya dan senarai pengarah-pengarah dan pegawai-pegawainya. Apabila suatu Syarikat Langkawi asing ini telah didaftarkan, pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan kepada syarikat itu yang hendaklah menjadi keterangan, konklusi mengenai pendaftarannya. Kedua, Klausa 94 melarang suatu Syarikat Langkawi asing daripada menjalankan apa-apa perniagaan atau aktiviti di Langkawi yang Syarikat Langkawi adalah dilarang daripada menjalankannya.

Klausa 95 mengehendaki tiap-tiap Syarikat Langkawi asing mempunyai satu pejabat pendaftar di Langkawi yang mestilah pejabat utama sebuah entiti pengurusan yang dilantik oleh menteri dan di bawah Klausa 102.

Ketiga, Klausa 96 mengehendaki suatu Syarikat Langkawi asing menyerahkan kepada pendaftar butir-butir mengenai apa-apa pertukaran atau perubahan, antara lainnya dalam memorandum perkara-perkara persatuan atau pegawai-pegawai.

Klausa 98 mengehendaki suatu Syarikat Langkawi asing memberi notis kepada pendaftar mengenai pemberhentian perniagaannya di Langkawi, dan keempat Klausa 101 mengehendaki suatu Syarikat Langkawi asing membuat dan menyerahkan kepada pendaftar suatu penyata tahunan yang ditetapkan.

Bahagian IX, bahagian ini mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan kuasa menteri yang boleh mengenakan terma-terma dan syarat-syarat tertentu untuk meluluskan entiti pengurusan untuk bertindak sebagai ejen kepada Syarikat Langkawi atau Syarikat Langkawi asing dan juga menyatakan keadaan di mana pemberi kuasa tersebut boleh dibatalkan oleh menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian X, cadangan yang terakhir sekali adalah seperti mana yang dinyatakan di Bahagian 10 yang memperuntukkan mengenai perkara-perkara pelbagai. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong Usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi mengadakan peruntukan mengenai perbadanan, pendaftaran dan pentadbiran Syarikat Kapal Layar Antarabangsa di Langkawi dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyatakan ucapan terima kasih kepada kerajaan kerana memilih Langkawi sebagai pusat kapal layar antarabangsa, dan saya percaya dengan adanya penubuhan syarikat berkenaan sudah tentulah Langkawi akan maju ke depan tanpa menghadapi masalah-masalah. Tuan Yang di-Pertua semasa pengumuman dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan masa tahun 2003 tandakan bahawa Langkawilah tempat untuk diadakan pendaftaran kapal layar dan juga Labuan sebagai tempat *merchant shipping*.

Jadi, saya pada itu amat tertarik hati dan berasa gembira kerana sekurang-kurangnya dapat melihat Langkawi sebagai tempat pendaftaran kapal layar, dan saya bagi pihak orang-orang Langkawi dan semua mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan Kementerian Pengangkutan dan kementerian Yang Berhormat bagi Semporna tadi yang telah membentangkan ini. Tuan Yang di-Pertua kita harus memberi tumpuan berterusan kepada Langkawi kerana ianya mempunyai banyak kemudahan. Saya sekarang ini boleh dikatakan selalu mengadakan regatta. *Regatta* yang mencari belia-belia dan anak murid kita sekolah-sekolah kita ada *regatta* pada tiap-tiap tahun. Mulai tahun 2002 sehingga sekarang ini kita adakan negata kerana untuk memupukkan semangat ataupun memupukkan keseronokan dari segi sukan kapal layar ini.

Kita juga ada *regatta* Raja Muda Selangor dahulu ini kita adakan dan juga sekarang ini kita ada juga *regatta* BMW yang telah tiap-tiap tahun kita adakan semata-mata untuk menonjolkan Langkawi sebagai tempat riadah dari segi perahu layar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Dan sampai masalah sekarang ini kita ada Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi kerana dengan ini sudah tentulah keadaan akan lebih baik lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, wakil daripada Langkawi. Saya nak tanya pada Yang Berhormat, kenapa hanya Langkawi? Saya tahu Langkawi ini istimewa sebagai satu pelabuhan bebas kita nak majukan. Apakah Yang Berhormat melihat bahawa tempat-tempat lain umpamanya di Perak, di Lumut sebagai contoh ataupun di negeri Johor supaya dapat juga diperluaskan. Apa pandangan Yang Berhormat sebagai orang yang bertanggungjawab di kawasan Langkawi? Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, setahu Langkawi inilah satu,... / *am very fortunate for* Langkawi. Itu dengan izin. *I am very fortunate* kerana Langkawi ialah satu tempat yang begitu unik dari segi *legend* nya dari segi misterinya, mistiknya dan seterusnya dengan keindahan yang begitu rupa tidak dapat di kawasan lain. Memang betul. Mungkin Semporna akan mengadakan Sempadan Lahpai, tapi pada saya *whatever you say*, apa yang dikatakan tapi saya masih lagi katakan Langkawilah tercantik bagi saya.

Dan juga saya banyak pergi ke hotel-hotel bertanya khabar dengan para pelancong, mengenalkan diri saya sebagai MP Langkawi. Dia kata kebanyakan pelancong datang ke Langkawi kata, "*This is one of the most beautiful islands in the world*", *That's what they said*. Itulah yang dikatakan, dengan izin. Jadi pada saya, saya sebagai anak watan Langkawi, dilahirkan di Langkawi, saya rasa apa yang dilakukan oleh kerajaan saya mengucapkan terima kasih kerana sebagai tempat pelancongan banyak yang telah diadakan.

Kita ada macam-macam, seperti cable car. Bagi mereka yang belum datang ke Langkawi, cable car lah satu tempat yang kita naik ke bukit dengan kabel car dan lihat sekelilingnya begitu cantik sekali dengan Pulau Adang nya, pulau di sebelah Siam, 'Chootau' dan sebelah selatan pula banyak kepulauan dan alhamdulillah semua kecantikan ini perlulah dijaga dengan sebaik mungkin.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, maknanya tempat lain pun bagus juga tapi di Langkawi ini terbaik sikitlah kerana - Jerai tengok fasal apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya nak bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat nak mohon supaya Larut juga mengadakan kemudahan itulah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak, saya tak minta kerana kawasan saya tidak ada tempat macam ini, di Larut tidak ada. Yang ada mungkin ada di sebelah Lumut terutamanya. Apakah Yang Berhormat melihat supaya pada masa-masa yang akan datang apabila Langkawi telah pun diperkenalkan serata dunia, tempat-tempat lain juga dapat dipertimbangkan seperti Semporna yang amat terkenal dengan kawasan lanun dengan izin. Yang Berhormat setuju? Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Yang Berhormat Larut, jadi saya nampak saya pun datang daripada Lumut juga, orang dari Lumut. Jadi saya nampak Lumut adalah satu tempat yang ada kecantikannya yang Pulau Sembilan dan seterusnya Pulau Pangkor, itu cantik tapi saya mungkin disebabkan kejauhan Langkawi daripada daratan maka itu memberi satu yang dikatakan tempat yang *precious* sikitlah dan dengan adanya Selatan Thai di utara itu maka

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Hulu Langat, Kota Melaka berminat juga, Kuala Terengganu juga bangun.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Kota Melaka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Melaka.

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi saya tak boleh tahanlah apabila Yang Berhormat Langkawi mengatakan Langkawi yang paling cantik. Sebenarnya Melaka cantik jugalah, [*Ketawa*] jadi selaku wakil rakyat, saya proteslah. Tapi mungkin salah satu sebab mengapa Langkawi dipilih kerana disebabkan oleh kedudukan Langkawi, sebuah *island*, pulau yang tersendiri dan mungkin ia mempunyai *lagoons* yang semula jadi. Adakah itu merupakan satu sebab utama mengapa Langkawi dipilih? Apakah pandangan Yang Berhormat Langkawi?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Kota Melaka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, nak tunggu Menteri jawab ke soalan itu?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tak, mungkin saya boleh cerita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat nak jawab?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Nak jawab sikit. Memanglah Langkawi sebagai sebuah pulau yang merangkumi boleh dikatakan 99 buah pulau, 99 *islands* termasuk juga dua *man-made* yang ada sekarang ini, termasuklah *man-made* jadi ditambahkan dua lagi, maka 101 pulau. 101 pulau itu adalah satu harga yang begitu elok sekali. Jadi kerajaan telah membangunkan Langkawi dan Melaka cantik, tapi Langkawi lebih cantik. Itu sahaja kerana disebabkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai, Hulu Langat.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat dari Langkawi. Kita dapati di Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Langkawi telah memuji tentang pembangunan yang dijalankan di Langkawi dan dengan usaha kerajaan untuk memperbadankan pula syarikat-syarikat berkenaan dengan kapal layar di Langkawi ini. Tidakkah Yang Berhormat Langkawi mempunyai kebimbangan apabila Yang Berhormat membincangkan tentang keindahan *lagoons*, 99 pulau, cerita tentang keagungan Puteri Mahsuri dan sebagainya, ia akan menyebabkan keindahan semula jadi *lagoons* dengan karang dan sebagainya akan terjejas apabila terlalu banyak syarikat kapal layar memulakan operasi mereka di sana dan menyebabkan tumpahan minyak, gangguan kepada karang laut, hidupan laut dan termasuk ikan malah mungkin akan menjejaskan pula laluan-laluan nelayan dan sumber pendapatan rakyat Langkawi. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, pada saya ini perkara biasalah. Kadang-kadang itu kita terpaksa *sacrifice* sedikitlah kalau diperlukan. Tapi pada saya orang Langkawi amat gembira sekali, mereka hendakkan pembangunan dan dalam perkara ini saya telah pergi ke merata-rata, kita kena terima apa yang telah dilakukan oleh kerajaan kerana pada saya, dulunya ialah nelayan, sekarang dah tukar jadi agen pelancongan ataupun pembawa pelancong. Jadi pertukaran berlaku sekarang ini pun disebabkan kita *look forward to invite tourists to come to* Langkawi, dengan izin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua,.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai dan Kuala Terengganu.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Sat, sat nak jawab. Jadi pada saya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Sat, sat, dapat. Jadi pada saya perkara ini kena pandang dari segi ke depan. Ke depan ini maksudnya perahu layar, ikut layar bukan ikut enjin. Jadi guna enjin sedikitlah tapi mereka menggunakan angin, *wind* untuk belayar. Jadi pada saya kalau ada Langkawi ini sudah tentulah sekarang pun banyak pelayar dari Langkawi malahan ada di Kuah, di *Royal Yacht Club* di Kuah telah pun sesak dengan pelayar dan juga di Telaga *Harbour Park*, *Telaga Harbour* dan juga di Pulau Rebak dan juga di kawasan lain. Mereka telah berlabuh dengan banyaknya sehinggakan tidak terkira, Tuan Yang di-Pertua. Inilah kita perlukan. Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya kira dengan penubuhan Akta ini saya kira menyelamatkan juga subsidi kerajaan, apabila nelayan-nelayan kita ajar tangkap ikan dengan menggunakan kapal layar. Tapi diesel harga mahal, yang ini akan menolong kerajaan untuk meringankan beban subsidi ini. Jadi kapal layar ini bagus cuma saya perbetulkan sedikit fakta.

Sebenarnya Datuk, di Kedah daerah yang paling cantik sekali ialah Yan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mohon hendak minta penjelasan atau jawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Langkawi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak. Saya hendak maklum supaya saya hendak minta Menteri lesen kapal layar itu, dia sangkut ke Yan sikit, Jerai sikit.

Jerai kawasan yang terindah, bukan setakat di Malaysia, di dunia Datuk. Inilah saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian termasuk pegawai-pegawai melawat. Selain daripada Cameron Highlands ataupun Genting Highlands dengan izin, Gunung Jerai di puncaknya sejuk, di bawahnya panas. Yang ini cukup baik. Saya minta macam Menteri ini pun ada, tolong bagi duit sikit untuk saya perindahkan lagi Gunung Jerai itu. Cuma Yang Berhormat kena ingat, walaupun Yang Berhormat ada 101 pulau, dua pulau manusia buat. Yang lain Tuhan buat bagi. Tetapi.....

Seorang Ahli: *[Memberi salam]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Wa'alaikumussalam Warahmatulahi Wabarakatuh. Tetapi di Arau tidak ada pulau, tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sekarang kita bincangkan kapal layar. Bolehkah kapal layar hantar ke Gunung Jerai? *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh. Daripada Langkawi. Ini saya hendak cerita. Cerita dia Datuk, Datuk tidak faham Datuk fasal saya punya pelayaran dia, daripada Pulau Pinang, Pulau Mutiara yang penuh dengan sampah-sampah itu, dia turun mai ke Pulau Songsong. Ini nama pulau kawasan saya. Nama bagus, Pulau Songsong. Selepas Pulau Songsong, dia mai Pulau Telur. *[Ketawa]* Selepas Pulau Telur, dia mai Pulau Bunting. Selepas Pulau Bunting, baru jumpa Pulau Bidan. Jadi daripada Pulau Songsong, Pulau Telur, Pulau Bunting, baru Pulau Bidan. Jadi dalam dunia tidak ada macam ini punya pulau. *[Bercakap dalam bahasa Hokkien]* Betul saya bukan bohong cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Betulkah cakap Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 'U ya' itu betullah. *[Bercakap dalam bahasa Hokkien]* Bukan saya cakap bohong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham, lain orang tidak faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, terima kasih. Minta maaf saya terlajak. Jadi, saya minta kalau boleh kita cuba atur dengan Yang Berhormat bagi Langkawi, perairan, gunakan kapal layar ini dan insya-Allah Kementerian Pelancongan, Menteri dia kata, dia bersetujulah kalau Yan memohon permohonan untuk buat sebagai marina di Yan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, macam mana Langkawi boleh jawab soalan ini? *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak. Ini saya hendak tanya pandangan supaya angin dia itu, saya hendak tanya *bearing* angin daripada Langkawi ke Yan itu sampailah atau tidak sampai? Jadi Yang Berhormat bagi Langkawi, daripada pengalaman Yang Berhormatlah, dok belayar daripada kecil dulu, sampai la pun Yang Berhormat belayar. Dia mai ke Parlimen, dia kena naik feri. Dia tidak berani naik kapal terbang fasal dia gayat. Yang Berhormat bagi Langkawi dia kurus, dia tidak berani naik, takut kapal terbang ini. Dia penakut orangnya. Kapal terbang itu kelam-kabut, dia tidak mahu. Dia naik feri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi Yang Berhormat, nampak *bearing* daripada Langkawi ke Jerai ini, bolehkah tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Fasal Arau, dia bukan ada pulau.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Sangkaan jahat itu Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan saya Yang Berhormat. Yang Berhormat kata siapa sangkaan jahat?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tidak. Saya huraikan sikit lagi. Dulu kita ada pelayaran, tajuknya 'Regata'. Kita mula daripada Port Klang dan terus dia orang naik ke Lumut, Lumut ke Pinang, Pinang ke Yan. Kalau lalu, lalulah. Saya tidak teringat pun. Tetapi singgah di Lumut, singgah di Penang, terus ke Langkawi, terus ke Phuket. Itulah penghabisan. Tiap-tiap tahun kita buat, Raja Muda punya Regata. Yan tolong sikitlah tengok Gunung Jerai itu, itu sahajalah. *[Ketawa]* Tidak ada pulau. Tetapi betul ada Pulau Songsong. Tetapi Pulau Songsong itu digunakan sebagai tempat *target* tentera darat. Dia bom itulah.

Seorang Ahli: TUDM.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Pulau Songsong. Jadi, orang Yan pi ambil.....

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Terengganu.....

Dato' Abu Bakar bin Taib:..... kelongsong,dia punya kelongsong, kelongsong bom itu dia ambil dia juallah. Depa jual. Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat bagi Jerai tidak munasabahlah dari segi untuk syarikat kapal layar ini. Yang munasabahnya ialah Kuala Terengganu. *[Ketawa]* Hah itu dia. Kalau sekiranyaMenteri kita keluar seorang lagi. Saya hendak bercakap tentang pelancongan. *[Datuk Dr. Leo Michael Toyad berjalan keluar Dewan]* Kalau Langkawi ada keistimewaan, tetapi Kuala Terengganu sebuah pulau yang tersohor, lebih hebat iaitu Pulau Duyung. Ini terkenal sebagai pusat pembinaan kapal layar yang sehingga dapat pesanan daripada seluruh dunia. Kadang-kadang nilai tempahan itu mencecah angka jutaan ringgit daripada Pulau Duyung ini sendiri yang terkenal dengan binaannya yang istimewa. Saya rasa agak terkilan juga kerana rang undang-undang ini, Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi. Saya rasa cukup cantik kalau sekiranya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak buat cadangan kepada kerajaan atau hendak minta penjelasan daripada Langkawi?

Seorang Ahli: Penjelasanlah ini.

Dato' Razali bin Ismail: Dengan Menteri ada, dengan penjelasan Menteri sekaligus, kita tumpang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Maka itu, giliran belum sampailah. Boleh duduklah Yang Berhormat. *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]*

Seorang Ahli: *[Bersorak]*

Dato' Razali bin Ismail: Sikit lagi, sikit lagi. Kalau sekiranya Kapal Layar Antarabangsa Langkawi, juga negeri-negeri lainlah, tempat-tempat lain supaya ia berlaku adil kepada semua pihak. Ini pandangan sayalah. Saya hendak tanya juga pandangan Langkawi sebab di Kuala Terengganu itu sendiri, kalau tidak disebut keistimewaan Pulau Langkawi ada ratusan pulau, dia tidak tahu lagi bahawa ribuan pulau di Tasik Kenyir.

Ini satu lagi keistimewaan. Barangkali di sini juga aktiviti-aktiviti kapal, aktiviti-aktiviti kalau tidak kapal layar pun, bot layar, bot laju boleh diadakan di Tasik Kenyir. Terima kasih Menteri Pelancongan kita turut serta. *[Datuk Dr. Leo Michael Toyad berjalan masuk ke Dewan]*. Jangan lupa untuk memberi juga perhatian kalau sekiranya Jerai di gunung, buat apa di gunung? Kita pergi ke Tasik Kenyir, ada ribuan pulau-pulau yang

cukup cantik. Kalau daripada kapal terbang itu, kita dapat lihat keindahan, kecantikan *man-made islands* di situ.

Yang Berhormat bagi Langkawi ya, kalau Langkawi ada keistimewaan, tempat-tempat lain pun ada keistimewaan juga termasuklah Gunung Jerai itu. Jadi jangan lupa supaya aktiviti-aktiviti dalam rang undang-undang ini, kalau boleh diperluaskan di destinasi yang lain. Apa pandangan Yang Berhormat?

Seorang Ahli: Saya setuju Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Saya setuju kerana, ia patut kita lakukan. Kita melabur. Hari ini Langkawi. Mungkin esok Larutkah hendak buat apa, buatlah. Tetapi yang mustahaknya datang ke sini dululah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tanya sikit.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Ya, sila.

Seorang Ahli: Larut, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat tertariklah dengan pandangan Yang Berhormat kerana adanya rang undang-undang ini, dapat menarik lagi pelancong ke Langkawi yang seret dunia selain daripada program tahunan, sukan yang diadakan, sukan basikal dan mungkin acara-acara yang lain.

Tetapi masalahnya ialah barang-barang. Apabila datang pelancong ke pelabuhan bebas di Langkawi ini, harga barang masih lagi tinggi. Apakah pihak Yang Berhormat melihat supaya sepatutnya pelabuhan bebas ini, kadar harga barang itu mesti rendah daripada tempat-tempat yang lain. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat, untuk meyakinkan lagi lebih ramai pelancong datang ke pulau bebas cukai ini. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, banyak orang telah mengatakan barang-barang di Langkawi mahal. Saya pun tidak tahulah. Dahulu semada Le Tour de Langkawi ataupun masa kita buat LIMA hari itu dulu, depa kata harga roti canai RM5.00.

Seorang Ahli: Ooh.

Dato' Abu Bakar bin Taib: RM5.00, betul RM5.00. Makan tang mana. Kalau makan hotel, lima *star*, sudah tentulah harga naik.

Seorang Ahli: Nasi kandar?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Nasi kandar tidak ada masalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pakai kas-kas kah? *[Ketawa]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Jadi itulah. Fasal harga ini, saya pun kadang-kadang-kadang itu pening juga. Ini kerana saya katakan Langkawi, jangan penaik harga. Kalau tengok orang datang melancong, *maintain* harga. Janganlah beza-bezakan. Tetapi pada saya, perkara yang telah dikatakan itu, tidak berlaku Yang Berhormat bagi Larut. Jadi menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi, insya-Allah saya ingat kerajaan sudah dan hari ini pun ada Menteri berkenaan, saya percaya mereka akan terus melakukan apa yang perlu untuk kebaikan kita di Malaysia, insya-Allah.

Saya melihat banyak di Sabah ini, saya pergi melawat Sabah. Sabah adalah satu tempat yang cantik sekali, bagi saya. Ia begitu sempurna, malahan *the northern tip of Borneo*, begitu cantik sekali. Hanya *waiting for the time to be developed*. Pada saya, kerajaan harus memikirkan sesuatu untuk membangunkan semua perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak katakan lagi ialah, kita telah mengadakan Regatta, Le Tour de Langkawi, Ironman, semua dibuat di Langkawi. Alhamdulillahlah, terima kasih kepada kerajaan dan terima kasih kepada mereka yang berkenaan dan saya harapkan perkara ini akan diteruskan kerana pada saya, sebagai sebuah pulau yang begitu.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai bangun.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Langkawi. Saya hendak Langkawi buat sesuatu, sekarang ini serata dunia kenal Langkawi, serata dunia dengar pasal Mahsuri, serata dunia dengar pasal beras bakar, bukan 'Dato' Bakar' tetapi beras bakar. Kemudian jangan main-main Dato', orang Langkawi macam Yang Berhormat Langkawi ini dia ada kelebihannya. Dia kalau sumpah orang boleh jadi 'burung' jangan main-main. Kalau Kepong dok kacau dia, dia sumpah Kepong jadi 'burung bangau', jangan main-main ini sumpahan Mahsuri dia turun ke anak cucu. Jadi Ahli Parlimen kita ini anak cucu Mahsurilah, jadi jangan main-main. Kepong baguslah dia tak kacau dia duduk diam-diam. Ini kalau Bukit Gelugor datang dia kacau, kalau kita bagi tahu Langkawi bangkit dia boleh sumpah Bukit Gelugor kacau jangan main-main. Jadi saya hendak tanya boleh tak di Langkawi kita kena ada satu benda bila orang datang ke Langkawi dia ada satu benda.

Sekarang ini pembangunan dah naik, jadi dia punya *virgin jungle* pun dah hilang. Cuma kita hendakkan Langkawi dia ada satu benda yang mana bila orang datang dia dapat membeli barang-barang keluaran Langkawi sendiri ataupun kita ada juga bahagian-bahagian yang mahal, *branded items* di mana orang-orang luar boleh beli *branded items* dengan harga yang murah. Pasal sekarang ini saya difahamkan bahawa banyak barang di Langkawi ini dari Siam, bawa daripada Siam jual di Langkawi, kemudian kita beli. Adakah pihak Dato' sebagai Ahli Parlimen di sana dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri kita promosikan, kita adakan satu *supermarket* yang terbesar, macam yang kita ada di *Twin Tower* itu nama apa?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Suria.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Suria KLCC. Dan di bahagian bawah kita adakan La Cucur. La Cucur itu adalah satu kawasan jual cucur Malaysia, segala-gala cucur ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semua cadangan ini baik. Bolehkah tunggu sampai rang undang-undang ini diluluskan baru bincang?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau sudah lulus tidak boleh bincang dah, pasal kapal layar dah hendak pergi Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Sebelum kapal layar sampai kita kena siapkan. Kita kena ada satu macam itu dan saya difahamkan dia akan bina *Langkawi Tower* kalau tidak silap saya. Jadi apa salahnya di *Langkawi Tower* itu kita adakan panggil *supermarket* yang besar *all the branded items*, *all* harga-harga benda tempatan semua ada di bawah satu bumbung kemudian bagilah peluang kepada Yang Berhormat Arau untuk mengembangkan *francais*nya. Yang Berhormat Arau ini *francais*, La Cucur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sekarang siapa yang berucap?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Langkawi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, beri peluang kepada Yang Berhormat Langkawi. Sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat cadangan Yang Berhormat Jerai adalah baik sekali dan saya percaya kalau boleh dijadikan sebahagian daripada ucapan saya. *[Ketawa]*. Betul, betul, macam katakan kita ada lebih kurang 2 juta pelancong datang ke Langkawi mereka hendak makan, jadi kita ada tempat yang sesuai,

food court, cucur badak ke, cucur pisang ke kita satukan di tempat yang begitu menarik sekali. Alhamdulillah dan insya-Allah kita akan adakan. Mungkin kerajaan sedang mengambil 8 ekar untuk mengadakan *food court* yang terbesar. Di pihak pelancongan, Menteri Pelancongan pun ada di sini dapat membantu kita untuk meneruskan pelancongan ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan yang telah memilih Langkawi sebagai tempat *Asean Tourism Forum* pada bulan dua yang lepas selepas *tsunami*, dan seterusnya mengadakan berbagai-bagai lagi program yang telah diatur untuk *Le Tour de Langkawi*.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan tadi banyak benda yang boleh kita lihat di Langkawi termasuklah *eagle feeding*. *Eagle feeding* di mana helang turun dengan kita buang sisa makanan ke laut dan datang burung helang sambar, begitu aneh sekali, unik sekali. Kalau Yang Berhormat Kepong belum lihat pergilah ke Langkawi.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Langkawi itu burung jentayu apa kena-mengena dengan helang pula. Dia ingat kita tidak tahu. Apa salahnya kalau kita ada lambang jentayu. Itulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat fahamkah apa yang kita sedang bangkitkan?

Dr. Tan Seng Giaw: Kapal layar. Adakah Yang Berhormat akan mencadangkan kerana kapal layar ini di negara yang tidak mempunyai laut pun boleh menang. *Switzerland* kerana dia ada orang kaya dengan *pharmaceutical*, dia beli orang-orang yang pandai daripada New Zealand dan menang *American Cup*. Adakah Yang Berhormat akan mencadangkan supaya kita ada *American Cup* di Langkawi . pula. Jangan anggap kita tak tahu, sedikit tu tahu jugalah. Tidak seperti Yang Berhormat Jerai dia anggap kita bodoh semua, bukan. Yang Berhormat Arau pun begitu juga, kalau dia cakap SMS tu susah sikitlah. Bila dia pandai SMS kita tidak boleh percaya langsung. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, macam mana boleh masuk kepada perkara SMS? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali adakah Yang Berhormat mencadangkan kita hendak menyaksikan Langkawi itu menjadi satu tempat peranginan yang terkemuka di dunia. Kalau setakat hendak mengadakan kapal layar mewah pun kita berharaplah dapat mendatangkan faedah kepada orang-orang di Langkawi juga. Adakah Yang Berhormat akan mengkaji untuk mengemukakan satu cadangan supaya kita membawa *American Cup* ke Langkawi juga. Saya ingat itu boleh dibuat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh jadi sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Boleh, boleh tetapi itulah menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kepong, kita telah adakan regata setiap tahun untuk budak-budak dan juga kita adakan *BMW Regatta Prime Minister's Cup* setiap tahun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tak tahu.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Itu Yang Berhormat tak tahu.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang tahu, regata itu kita tahu, regata itu di hujung sekali kalau di dalam senarai dunia. Henry Regata lebih terkemuka, bersejarah lagi.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tak apalah, ye lah.

Dr. Tan Seng Giaw: Regata Langkawi sekarang tu terhujung sekali. Kita hendak mengemukakan yang terhujung sekali.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Langkawi bukan jentayu. Langkawi berasal dari dua perkataan 'lang' tu 'helang' kawi tu kawi 'batu merah' - langkawi, jadi helang yang berwarna merah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi jentayu itulah lambangnya. Macam mana jadi Langkawi pula, kawi tu apalah. Langkawi itu tidak boleh serupa dengan jentayu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of order.* Minta penjelasan. Sebenarnya Yang Berhormat Kepong dia tidak ada burung, jadi tidak tahu hendak cerita tentang jenis burung. Langkawi ada burung, Jerai ada burung, Arau pun ada burung, Arau burung pipit. [Ketawa] Langkawi – lang, lang itu jenis burung sementara 'kawi' tu batu merah - bukan jentayu. Jadi itulah diambil Langkawi untuk jadikan dia punya lambang.

Di kawasan Yang Berhormat saya tidak tahulah apa jenis burung yang ada. Burung kapor ke 'burung cak prit' wallahualam saya pun tidak tahu. Yang tahu Yang Berhormat sendirilah pasal burung, sebab burung Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat duduklah, masa sudah sampai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat Kepong. Pasal burung bukan dia faham sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup, maka Yang Berhormat boleh sambunglah perbahasan Yang Berhormat minggu hadapan.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Allah, kacaulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari Isnin bersamaan 4 Julai 2005, saya akan memberi laluan kepada usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan draf bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan Persempadan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Negeri Sarawak 2005, berserta dengan Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya mengenai Sempadan Bahagian Pilihan Raya tersebut diselesaikan terlebih dahulu.

Oleh yang demikian, perbahasan Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa 2005 akan disambung pada minggu hadapan selepas selesai usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh itu Yang Berhormat Langkawi akan menyambung semula ucapannya selepas usul itu diselesaikan. Sekarang kita ada Usul Penangguhan, saya minta Menteri mengemukakan usul.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

5.30 ptg.

Menteri Pelancongan [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang."

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**PENYELEWENGAN PROGRAM MALAYSIA MY SECOND HOME**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila.

17.31 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penyelewengan Program Malaysia My Second Home. Menteri Pelancongan harus campur tangan dalam kes rakyat Ireland Encik Rajendran Annamalai dan keluarganya agar program Malaysia My Second Home untuk menarik pesara asing yang kaya di Malaysia tidak digagalkan oleh penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam pentadbiran Kerajaan Melaka.

DAP ingin menyeru, saya ingin menyeru Yang Berhormat Menteri agar campur tangan dan menegakkan keadilan dalam kes rakyat Ireland Encik Rajendran Annamalai dan keluarganya agar Program Malaysia My Second Home untuk menarik pesara asing yang kaya ke Malaysia tidak digagalkan oleh penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka.

Encik Rajendran Annamalai, 54 tahun isterinya Martina 37 tahun, anaknya Ravindren 8 tahun dan anak perempuannya Shanti 11 tahun telah pun membuat permohonan pada masa itu Silver Hair Program daripada Dublin menerusi Kedutaan Malaysia di Dublin pada tahun 2001. Akan tetapi permohonan mereka telah hilang oleh pihak Jabatan Imigresen.

Permohonan baru dibuat semula oleh Kedutaan Malaysia dan untuk mengelakkan ia hilang, ia disampaikan ke Jabatan Imigresen dengan tangan pada tahun 2002 tetapi tidak ada sebarang jawapan.

Keluarga Encik Rajendran terpaksa pergi sendiri ke Kuala Lumpur untuk membuat permohonan pada awal 2003 dan terpaksa menghadapi banyak rintangan birokrasi sebelum diluluskan sepenuhnya di Kuala Lumpur pada pertengahan tahun 2003 di bawah Malaysia *My Second Home Programme*. Perlu diadakan siasatan mengapa begitu lama dan masalah kerenah birokrasi atau *red tape* yang dihadapi oleh pemohon sehingga terlepas sasaran *Malaysia My Second Home*.

Untuk menjayakan permohonannya Encik Rajendran telah membuat pelaburan hampir RM10 juta termasuk sebuah banglo di Klebang, Melaka sebanyak RM5 juta dan sebuah rumah kedai berharga RM1 juta serta perniagaan. Banglo seluas 2 ekar dibeli pada akhir tahun 2002 di mana cukai tanah dan cukai pintu sampai ke pinggir pantai laut dibayarnya.

Pada Oktober 2004 Encik Rajendran terkejut apabila seorang yang tidak dikenalnya dan memperkenalkan dirinya sebagai Sidang Hassan menawarkan tanah pinggir pantai pasir seluas 9 ribu kaki persegi dengan pajakan tanah selama 30 tahun sebanyak RM350 ribu. Encik Rajendran menolaknya kerana menganggap ia adalah tanahnya kerana cukai tanah dibayarnya.

Dalam masa tempoh 6 bulan pajakan tanah 30 tahun telah ditukar kepada *Malay Customary Land* pada bulan April 2004 di bawah pimpinan cawangan UMNO dan JKKK Klebang, di mana nama samaran mereka dikenali sebagai Cikgu Ali dan Yusof Soros.

Saya difahamkan, premium tanah yang dibayar oleh mereka kepada Kerajaan Negeri untuk mendapat pajakan tanah 30 tahun itu hanya berharga RM1,400. Inilah Melaka, di mana RM1,400 boleh ditukarkan secara ajaib kepada RM350,000 dengan cara yang tidak patut termasuk unsur atau elemen ugut dan gertak. Oleh kerana En. Rajendran enggan membelinya atau menunduk kepada ugutan ini, maka telah berlaku pelbagai masalah kepada keluarga asing ini.

- (i) menebang pokok tua yang terlindung di bawah Perintah Pelindungan Pokok Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah;
- (ii) memusnahkan tanah pinggir pantai;

- (iii) membina rumah dan tembok setinggi empat kaki untuk menghalang pemandangan laut;
- (iv) membina rumah tanpa pelan bangunan yang diluluskan oleh pihak Majlis Bandaraya Melaka;
- (v) pembinaan menyebabkan longkang tersumbat dan air tidak boleh mengalir yang mengancam kesihatan En Rajendran dan keluarganya.

Pengalaman pahit dan perit ini telah membuat En. Rajendran muak sehingga beliau dan keluarganya ingin pulang ke Island pada bulan September ini. adakah layanan sebegini yang diberikan di mana gejala penyelewengan dan salah kuasa di Melaka yang bermaharajalela akan memberikan gambaran buruk kepada rakyat asing. Adalah diharapkan pihak Kerajaan Pusat iaitu terutamanya kementerian ini boleh menegakkan keadilan dan memulihkan keadaan sekurang-kurangnya menukarkan tanah lapang pinggir pantai kepada kegunaan tanah awam dan bukannya kepada orang kaya tempatan untuk membolehkan mereka meraih lebih banyak keuntungan dengan cara yang kurang halal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

5.37 ptg.

Menteri Pelancongan [Datuk Dr. Leo Micheal Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan Malaysia sememangnya memandang berat terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh warga asing yang tinggal di Malaysia, di bawah program Malaysia Rumah Keduaku atau Malaysia *My Second Home*. Ini adalah perlu bagi kita menjagakan imej sebagai sebuah negara yang amat sesuai yang diminati banyak untuk warga negara asing tinggal di bawah program ini dan supaya ia tidak terjejas. Setakat ini dari tahun 1996 hingga tahun 2005, kita telah menerima atau meluluskan 5,981 yang telah mengambil di bawah program Malaysia *My Second Home*.

Mengenai masalah yang dihadapi oleh En Rajendran Annamalai dan keluarganya, iaitu salah seorang peserta program Malaysia Rumah Keduaku adalah melibatkan isu tanah yang terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Melaka dan perkara ini telah dibawa ke perhatian Kerajaan Negeri Melaka untuk diambil tindakan. Kementerian Pelancongan berpendapat bahawa perkara ini hendaklah diselesaikan mengikut hasil siasatan Perundangan Tanah Kerajaan Negeri Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai permohonan untuk menyertai program Malaysia Rumah Keduaku, semua permohonan hendaklah dihantar ke Jabatan Imigresen Malaysia untuk dipertimbangkan dan kelulusannya yang sewajarnya. Proses ini lazim mengambil masa 30 hari bagi permohonan yang lengkap diisi. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelancongan Malaysia pada masa ini dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain sedang mengambil tindakan bagi melicinkan lagi proses ini dan memperkuatkan lagi kelemahan-kelemahan dalam menjalankan program ini dan juga membantu mereka yang telah menyertai program ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat kita bagi hari ini dan Dewan yang mulia ini akan bersidang semula pada jam 10 pagi, hari Isnin minggu depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.39 petang.